



www.jmm.gov.my

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

2020





www.jmm.gov.my

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

-2020

2020
2020
2020
2020
2020
2020

KANDUNGAN

4

- 4.. Perutusan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- 5.. Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian, Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia
- 6.. Ringkasan Eksekutif Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

10

- 10.. Profil Korporat Selayang Pandang
 - Visi, Misi dan Objektif
 - Carta Organisasi JMM 2020
 - Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM

17

- 17.. Fakta Nombor Pencapaian JMM 2020
- 18.. Peta Taburan Muzium-muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia

22

22.. Laporan Sektor Dasar

- Khidmat Pengurusan
- Dasar dan Pembangunan
- Pengurusan Koleksi
- Pengurusan Konservasi

78

78.. Laporan Sektor Permuziuman

- Komunikasi Korporat
- Pameran dan Pengembangan
- Penyelidikan dan Dokumentasi
- Laporan Muzium-muzium Persekutuan

170

170.. Laporan Kewangan

174.. Keratan Akhbar 2020

180.. Statistik Pelawat JMM 2020

PERUTUSAN

MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MALAYSIA

**Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera**



Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia atas penerbitan Laporan Tahunan 2020 ini. Ini membuktikan bahawa walaupun kita berdepan cabaran baru, kita mampu menjalankan tugas yang diamanahkan. Kita sedar bahawa tahun 2020 merupakan tahun yang begitu mencabar dan sememangnya di luar jangkaan. Pandemik Covid-19 telah mengubah lanskap kehidupan harian kita dan juga industri pelancongan negara. Kita perlu membiasakan dengan suasana norma baru dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.

Muzium-muzium di seluruh negara juga tidak terkecuali dan terpaksa ditutup buat sementara waktu. Penutupan muzium sedikit sebanyak telah menjelaskan kelancaran program dan aktiviti yang telah dirancang sebelum ini. Namun begitu, kita harus menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan program-program sama ada secara talian atau lawatan muzium secara maya. Pembangunan dan perkembangan teknologi semasa banyak membantu muzium untuk terus kekal relevan dalam dunia hari ini.

Syabas dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia yang telah berusaha dengan gigih untuk menjayakan setiap program dan aktiviti sepanjang tahun 2020. Semoga Jabatan Muzium Malaysia terus cemerlang pada tahun 2021 dan tahun-tahun berikutnya.
Selamat maju jaya.

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

PERUTUSAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya Buku Laporan Tahunan JMM 2020, Jabatan Muzium Malaysia berjaya diterbitkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Sidang Redaksi JMM kerana menyiapkan buku laporan tahunan ini.

Secara umumnya, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya memacu usaha memastikan masyarakat celik sejarah melalui penganjuran pelbagai program berbentuk pendidikan dan pengembangan muzium. Kerjasama yang terjalin antara JMM dengan muzium-muzium terkemuka dunia turut memberikan impak positif kepada JMM dalam usaha memartabatkan institusi permuziuman di Malaysia.

Penularan pandemik COVID-19 telah menyebabkan muzium-muzium menangguhkan operasi masing-masing. Namun begitu, pandemik ini tidak mematahkan semangat warga JMM dan masih meneruskan tugas dalam suasana norma baharu. Antara strategi yang diambil adalah melaksanakan program-program secara maya yang masih boleh diikuti oleh masyarakat umum.

Akhir kata, saya berharap warga JMM akan sentiasa komited bagi mencapai kecemerlangan dalam merealisasikan visi dan misi jabatan sebagai sebuah institusi permuziuman yang profesional dan bertaraf global.

Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

KETUA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahun 2020 telah berlalu menjadi satu tahun yang berbeza dari tahun-tahun sebelum ini. COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah merubah lanskap kehidupan kita sepenuhnya, dari cara kita berkomunikasi kepada cara kita bekerja telah terpisah dari norma biasa kepada norma baharu dalam masa yang singkat sahaja. Bidang pelancongan dan kebudayaan juga tidak terkecuali dengan krisis ini yang turut memberi kesan kepada muzium-muzium di Malaysia.

Namun begitu di sebalik cabaran ini, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) tidak ketinggalan untuk menerbitkan Laporan Tahunan 2020 bagi memperlihatkan peranannya yang berterusan. Pandemik COVID-19 ini satu ujian besar dalam merealisasikan perancangan dan program bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI – *Key Performance Indicator*) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) amnya dan khususnya Jabatan Muzium Malaysia (JMM) untuk tahun 2020. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, JMM tetap meneruskan misinya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan artifak sejarah, budaya dan alam semulajadi untuk kepentingan generasi masa hadapan. Bahan maujud yang terpelihara dengan baik selama ini membuktikan kemampuan JMM namun yang lebih penting ialah untuk mencari alternatif dan kaedah baharu dalam menyampaikan serta meluaskan ilmu kepada orang ramai ketika berada dalam krisis.

Tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP – *Standard Operation Procedure*) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam usaha pencegahan penularan jangkitan wabak ini, JMM berjaya



mengerak dan merealisasikan sebanyak 123 program. Program secara atas talian menjadi alternatif penyampaian yang efektif dalam memanfaatkan fungsi muzium sebagai satu institusi yang menyebarkan ilmu dan maklumat kepada masyarakat. Bersandarkan platform atas talian melalui aplikasi mudah alih dan media sosial seperti *Skype for Business*, Facebook, Zoom, *Google Meet* dan lain-lain, sebanyak 102 program dan aktiviti atas talian seperti Tanyalah Kurator, Bicara Kurator, Bicara Galeri, Program Sempena Hari Kebangsaan, Program Sempena Hari Perayaan dan lain-lain program untuk semua lapisan masyarakat berjaya dilaksanakan. Program-program ini diadakan bagi memastikan saluran maklumat tentang muzium, sejarah, budaya dan warisan terus disampaikan dan agar muzium terus relevan kepada pelajar, penyelidik dan orang awam.

Penglibatan dalam diskusi dan perbincangan di peringkat antarabangsa juga disahut baik oleh JMM melalui penganjuran siri webinar. Dalam konteks ini, JMM telah menyertai beberapa siri webinar atas talian di peringkat antarabangsa termasuklah "*Museum Inclusion in Times of Social Isolation*" anjuran Access for All Organization, India, '*Prospect of Reopening of Museum in the New Normal*' anjuran Museum Nasional Indonesia; '*International Workshop on Cultural Heritage Education*' anjuran Sophia University; '*Indigenous Peoples, Heritage and Landscape in The Asia Pacific*' anjuran University of California, Los Angeles (UCLA); '*Museum Move*' anjuran SPAFA SESH dan lain-lain lagi.

Melalui penyertaan dalam sesi webinar ini memperlihatkan penglibatan dan keahlian secara aktif JMM dalam Organisasi seperti ICOM (*International Council of Museum*), ICOM-ASPAC (ICOM Committee for Asia Pacific Region), SEAMEO SPAFA (*Southeast Asian Regional Centre for Archaeology and Fine Arts*) dan lain-lain. Hubungan dan jaringan ini meletakkan JMM untuk bersama-sama badan antarabangsa lain bagi membincangkan isu-isu permuziuman khususnya yang berkaitan cabaran yang dihadapi berikutan wabak COVID-19 yang memberi kesan mendalam kepada muzium-muzium diseluruh dunia.

ICOM selaku badan antarabangsa yang mengukuhkan hubungan antara muzium-muzium seluruh dunia telah menjalankan satu global survey bagi melihat impak COVID-19 kepada muzium. Survey ini dijalankan secara berfasa sebanyak dua kali iaitu pada April 2020 dan September 2020. Hasil survei untuk fasa pertama mendapati 95% muzium-muzium di seluruh dunia terpaksa ditutup untuk mengekang penularan wabak dan ada juga muzium-muzium yang terpaksa mengurangkan bilangan kakitangan untuk menampung sumber kewangan mereka. Kesan ketara penutupan muzium ini ialah kehilangan hasil dan pengurangan bilangan program dan aktiviti. Namun untuk fasa kedua didapati muzium lebih bersedia dan berlakunya peningkatan dalam aktiviti pendigitalan menerusi media sosial dan platfom atas talian lain. Begitu juga didapati bahawa muzium-muzium di seluruh dunia mula memberi perkhidmatan untuk program permuziuman atas talian seperti Koleksi, pameran, pengembangan, penerbitan, siaran langsung, podcast dan sosial media secara lebih aktif.

Pameran sementara dan pameran khas juga telah diadakan walaupun dalam situasi pandemik. Antara pameran-pameran yang telah diadakan termasuklah 'Pameran Baju Kurung: Busana Sepanjang Zaman'; 'Pameran Kuasa Emas'; 'Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik'; 'Pameran Orang Asli - Identiti dan Tradisi'; 'Pameran Foto Seabad El-Dorado Timur' dan lain-lain. Pameran yang mengetengahkan pelbagai tema dan topik serta menampilkan artifak menarik terus menjadi

keutamaan muzium. Ketika muzium masih beroperasi dan boleh dilawati, muzium mengamalkan langkah keselamatan pencegahan selari dengan SOP yang telah dikeluarkan. Selain itu, galeri maya turut dibangunkan bagi memenuhi keperluan semasa terutamanya ketika muzium ditutup.

Tahun 2020 turut memberi kesan besar kepada jumlah pengunjung ke muzium-muzium di bawah JMM. Berikutan arahan PKP yang dikeluarkan oleh kerajaan beberapa muzium terpaksa ditutup. Beberapa program dan aktiviti yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan atau dibatalkan. Ini termasuklah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan. Program tahunan ini yang dijadualkan diadakan di Pulau Pinang terpaksa ditangguhkan. Begitu juga dengan perancangan beberapa kerjasama dengan pihak luar turut ditangguhkan seperti Pameran Kerajaan Firaun dengan Kementerian Pelancongan dan Antikuiti Mesir. Kerjasama JMM dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Program Inovasi Pelajar Inisiatif Muzium (IPIM) turut terkesan dengan penutupan sekolah-sekolah di seluruh negara. JMM kekal positif dan usaha-usaha giat dijalankan bagi membolehkan program ini dilangsungkan melalui platform atas talian dan sebagainya agar program ini dapat diteruskan untuk tahun akan datang.

Saya berharap agar JMM terus berdaya saing, berinovasi dan kreatif dalam merancang program dan aktivitinya bagi memastikan visi dan misinya tercapai. Dikesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi serta semua pihak yang terlibat dalam usaha menerbitkan Laporan Tahunan 2020 ini. Syabas diucapkan kepada seluruh warga JMM yang sentiasa komited menjalankan tugas sebagai penjawat awam dalam merealisasikan mandat MOTAC untuk terus memperkasa seni, budaya dan warisan negara. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada MOTAC yang sentiasa memberi sokongan padu dan kerjasama yang berterusan kepada JMM dalam setiap usaha yang dijalankannya. Saya juga berdoa agar semua kakitangan JMM terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

“Muzium Kita Tamadun Kita”

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

PROFIL KORPORAT

The background of the image is a dark navy blue. It features a complex, abstract geometric pattern composed of various shades of blue. This pattern includes several parallel diagonal bands of horizontal lines, some forming a grid-like structure and others creating a sense of depth. Interspersed among these lines are numerous small, irregular blue shapes, including triangles and diamonds, which appear to be scattered across the surface. The overall effect is one of modernity, technology, and corporate identity.

PROFIL KORPORAT

SELAYANG PANDANG VISI, MISI DAN OBJEKTIF

Visi

Menjadi institusi permuziuman yang profesional dan bertaraf global

Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara
2. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium



Misi

1. Meningkatkan profesionalisme dalam bidang permuziuman
2. Memantapkan penyelidikan, pengurusan koleksi, konservasi, pameran dan pendidikan
3. Meluaskan jaringan kerjasama pintar dengan institusi permuziuman global

Fungsi

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.



Halatuju


1. Mengemaskini dan melengkapkan data-data koleksi sedia ada.
2. Menyediakan repositori dan makmal konservasi yang serba lengkap.
3. Menghasilkan penyelidikan berwibawa.
4. Menyediakan modal insan terlatih didalam bidang permuziuman.
5. Menyediakan pameran menarik.
6. Menjadi institusi permuziuman yang unggul.

Perkhidmatan Teras

1. Pengurusan koleksi
2. Penyelidikan
3. Penyebaran ilmu pengetahuan melalui: Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan serta lawatan berpandu ke galeri

CARTA ORGANISASI

JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2020



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH
(PEMUZIUMAN)**

JUSA C



PENGURUSAN TERTINGGI



Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman)
Jabatan Muzium Malaysia



Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia



Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Muzium Malaysia



Encik Mohd Razaimi bin Hamat
Pengarah
Bahagian Dasar dan Pembangunan



Encik Zamrul Amri bin Zakaria
Pengarah
Muzium Negara



Encik Zainal bin Ariffin
Pengarah
Bahagian Pengurusan Konservasi



Encik Samsol bin Sahar
Pengarah
Muzium Etnologi Duria Melayu



Dr. Farizawati binti Sabri
Pengarah
Muzium Alam Semulajadi



Puan Norhanisah binti Ahmad
Pengarah
Bahagian Pengurusan Koleksi



Puan Masni binti Adeni
Pengarah
Bahagian Pameran dan Pengembangan



Cik Darniza binti Daut @ Mohmud
Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi



Puan Hadijah binti Yunus
Ketua Penolong Pengarah
Unit Dasar dan Perancangan Stategik



Encik Mohd Razaimi bin Hamat
Pengarah
Bahagian Dasar dan Pembangunan



Encik Zamrul Amri bin Zakaria
Pengarah
Muzium Negara



Encik Zainal bin Ariffin
Pengarah
Bahagian Pengurusan Konservasi



Encik Samsol bin Sahar
Pengarah
Muzium Etnologi Duria Melayu



Dr. Farizawati binti Sabri
Pengarah
Muzium Alam Semulajadi



Puan Norhanisah binti Ahmad
Pengarah
Bahagian Pengurusan Koleksi



Puan Masni binti Adeni
Pengarah
Bahagian Pameran dan Pengembangan



Cik Darniza binti Daut @ Mohmud
Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi



Puan Hadijah binti Yunus
Ketua Penolong Pengarah
Unit Dasar dan Perancangan Stategik



Puan Rosidah binti Abdullah
Pengarah
Muzium Tekstil Negara



Cik Sitti Rabia binti Abd. Rahman
Timbalan Pengarah
Muzium Negara



Puan Zarinah binti Sarifan
Pengarah
Muzium Perak



Puan Roslelawati binti Abdullah
Pengurus
Bahagian Komunikasi Korporat



Encik Mohd Khairill bin Jemangin
Timbalan Pengarah
Muzium Alam Semula Jadi




Puan Noorazreen Idayu binti Kamarozzaman
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan



Puan Suhaila binti Yeop Johari
Ketua Penolong Pengarah
Unit Teknologi Maklumat

FAKTA NOMBOR


PENCAPAIAN JMM 2020



PELAWAT MUZIUM
563,851

PETA TABURAN







LAPORAN **SEKTOR DASAR**

The background of the cover features a dynamic, abstract design composed of various shades of blue. It includes several parallel diagonal bands of horizontal lines in the upper left and lower right, and a central area filled with a grid of triangles and squares. The overall effect is one of motion and depth.

LAPORAN SEKTOR DASAR

Sektor Dasar, Jabatan Muzium Malaysia telah diterajui oleh Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi selaku Timbalan Ketua Pengarah (Dasar). Empat bahagian telah ditempatkan dibawah sektor ini iaitu:

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan keselamatan.
- melibatkan Unit Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pembangunan Modal Insan, Unit Kewangan, Unit Keselamatan dan Unit Pentadbiran.

BAHAGIAN DASAR DAN PEMBANGUNAN

- bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar Jabatan dan aktiviti pembangunan, pengurusan harta dan teknologi maklumat Jabatan.
- melibatkan Unit Dasar dan Perancangan Strategik, Unit Teknologi Maklumat serta Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta.

BAHAGIAN PENGURUSAN KOLEKSI

- bertanggungjawab dalam perancangan, penyelaras dan pemantauan pelaksanaan aktiviti perolehan koleksi, daftar koleksi, inventori serta sistem penyimpanan dan pemuliharaan koleksi Jabatan.
- melibatkan Unit Perolehan Artifak, Unit Perkhidmatan Repositori, Unit Inventori Koleksi Artifak, Unit Arkib dan Pendaftaran Elektronik

BAHAGIAN PENGURUSAN KONSERVASI


- bertanggungjawab dalam perancangan, penyelaras dan pemantauan aktiviti konservasi koleksi artifak Jabatan, memastikan koleksi artifak Jabatan berada dalam keadaan baik dengan membuat pemuliharaan, penyelidikan dan pemantauan.
- melibatkan Unit Konservasi Bahan Bukan Organik, Unit Konsevasi Bahan Organik dan Unit Konservasi Preventif.

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUNAN 2020 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1.0 Perjawatan

Jumlah perjawatan yang diisi sehingga 31 Disember 2020 ialah 375 daripada 413. Berikut adalah jadual maklumat perjawatan JMM:



2.0 Urusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat

2.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED	TARIKH KUAT KUASA
2.1.1	Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof	Kurator Gred Utama B di Jabatan Warisan Negara	1.12.2020
2.1.2	Encik Mohd Razaimi bin Hamat	Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman)/Kurator Gred Utama C (Memangku)	1.12.2020
2.1.3	Encik Zamrul Amri bin Zakaria	Pengarah/Kurator S54 Muzium Negara	1.8.2020
2.1.4	Puan Masni binti Adeni	Pengarah/Kurator S52 Bahagian Pameran dan Pengembangan	30.4.2020
2.1.5	Cik Darniza binti Daut @ Mohmud	Pengarah/Kurator S52 Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi	1.10.2020
2.1.6	Puan Rosidah binti Abdullah	Pengarah/Kurator S48 Muzium Tekstil Negara	30.4.2020
2.1.7	YM Puan Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman	Ketua Penolong Pengarah/Kurator S48 (Memangku) Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta	20.1.2020
2.1.8	Cik Kiew Yeng Meng	Pengarah/Kurator S48 Galeria Perdana (Memangku)	20.1.2020

2.2 Kumpulan Pelaksana

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED	TARIKH KUAT KUASA
2.2.1	Puan Noor Aida binti Hashim	Penolong Kurator S38 Muzium Negara	15.9.2020
2.2.2	Cik Suriati binti Sulong	Penolong Kurator S38 (TBK2) Bahagian Pengurusan Koleksi	4.9.2020
2.2.3	Puan Normah binti Mohamed Ghazali	Penolong Kurator S38 (TBK2) Bahagian Pengurusan Koleksi	21.9.2020
2.2.4	Khairol Azlan bin Ishak	Pembantu Muzium S22 (TBK1) Galeria Perdana	1.3.2020

3.0 Persaraan Wajib dan Persaraan Pilihan

Seramai enam (6) orang pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia yang telah bersara wajib dan pilihan pada tahun 2020.

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED	TARIKH BERSARA
3.1	Khairul Nizam bin Mohd Aris	Pengawal Keselamatan KP14 Unit Keselamatan	1.2.2020
3.2	Rebiah binti Mohd Yusof	Penolong Kurator S32 Muzium Sungai Lembing	2.3.2020
3.3	Che Rohani binti Mohd Darus	Pelukis Pelan JA22 Muzium Arkeologi Lembah Bujang	19.3.2020
3.4	Mohamad bin Kamal	Pembantu Keselamatan KP22 Unit Keselamatan	14.5.2020
3.5	Zambri bin Unyah	Kurator S44 Muzium Negara	2.6.2020
3.6	Anathan a/l Alagesan	Pembantu Kemahiran H19 Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta	25.7.2020

4.0 Pencapaian KPI HRMIS JMM (laporan sehingga 31 Disember 2020)

BIL	KPI HRMIS	PERATUS PENCAPAIAN/JUMLAH
4.1	Perjawatan	413
4.2	Data Berintegriti	99.98%
4.3	Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Selesai	99.19%
4.4	Pengisian Sasaran Kerja Tahunan (SKT)	99.19%
4.5	Perisyntiharhan Harta	100%
4.6	Penamatan Perkhidmatan	100%

UNIT PENTADBIRAN

1.0 Pengurusan Rekod Jabatan (Fail Pentadbiran dan Fail Peribadi)

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
1.1	Pembukaan fail baru dan penutupan fail lama: i. Fail Pendatbiran Tutup: 4,800 Buka: 1,500 ii. Fail Peribadi Tutup: 912 Buka: 912	Wajib bermula 02 Januari 2020 sehingga selesai	i. Tiada ruang bagi penutupan dan penambahan fail ii. Memerlukan bilik fail yang sempurna dan sistematik Penyelesaian: Menggunakan ruangan kecil sediada dan dibuat pada hari Sabtu dan Ahad	RM50,000 Pembinaan kaunter, Rak fail besi- 30 unit Dalam Pelaksanaan

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
1.2	Pelupusan rekod 200 fail	Jan – Dis	<ul style="list-style-type: none"> i. Kekangan ruangan untuk melaksanakan pelupusan ii. Keadaan dokumen yang berhabuk dan lusuh iii. Kekangan manpower untuk melaksanakan tugas iv. Meneliti satu-satu dokumen sebelum dihantar ke Arkib Negara untuk mendapatkan kelulusan <p>Penyelesaian: Menggunakan ruangan sedia ada dan dilaksanakan pada hari Sabtu dan Ahad.</p>	Berjaya
1.3	Audit Pengurusan Rekod 26 Muzium	Jan-Dis	<p>Penempahan cop – standard kelulusan arkib untuk kegunaan di kertas minit</p> <p>Penyelesaian: Akan naziran ke muzium-muzium dengan membawa cop yang telah ditempah</p>	Berjaya
1.4	Sistem DDMS	2020	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pusat pendaftaran fail ii. Kekangan manpower <p>Penyelesaian: Kesemua muzium menggunakan klasifikasi yang sama</p>	Dalam Pelaksanaan

2.0 Pengurusan Kenderaan

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
2.1	Penyelenggaraan berkala	Jan- Dis 7 buah kenderaan yang perlu diselenggara	Kenderaan tidak dapat digunakan pada masa yang ditetapkan (<i>ad hoc</i>)	Berjaya
2.2	Audit Pemandu	Jan- Dis Sasaran 6 kali setahun		Berjaya
2.3	Latihan Pemandu Cemerlang	1 kali	<p>Cabarang: Menggumpulkan kesemua pemandu secara serentak</p> <p>Penyelesaian: Menolak kesemua permohonan pegawai yang memohon kenderaan pada waktu yang hendak dilaksanakan kursus</p>	COVID-19

3.0 Pengurusan Mesyuarat

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
3.1	Mesyuarat Pengurusan	6 kali setahun Jan- Dis		Berjaya

4.0 Pengurusan Mesyuarat

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
4.1	Permohonan Makan Minum Mesyuarat JMM	12 bulan Jan- Dis	Penggunaan system EP yang kurang efisyen dikalangan pembekal.	Berjaya
4.2	Jawatankuasa Pemantauan Kafeteria	Jan-Dis Satu bulan 1 kali pemeriksaan		Berjaya

5.0 Pembekalan Pakaian Seragam Kakitangan Sokongan JMM

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
5.1	Pembekalan pakaian seragam	72 orang	Cabaran: i. Waktu pengukuran baju ii. Kualiti yang diharap sama seperti dalam tawaran iii. Jangkamasa penyiapan. Penyelesaian: Senantiasa berhubung dengan pembekal bagi memastikan tarikh penyiapan sama seperti dalam kontrak serta kualiti yang dijamin.	Berjaya
5.2	Tuntutan kasut	72 orang	Mengikut pekeliling yang telah ditetapkan.	Berjaya

6.0 Pengurusan Keperluan Pentadbiran Jabatan

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
6.1	Penyelenggaraan dan Pemantauan Mesin Penapis Air	7 Unit 4 kali setahun	Cabaran: i. Penggunaan yang tidak cermat dikalangan warga JMM contohnya pushbutton di pusingkan. ii. Gangguan mahluk perosak. Penyelesaian: <i>Pestcontrol</i>	Berjaya

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	ISU, CABARAN DAN TINDAKAN PENYELESAIAN	ANGGARAN KOS
6.2	Penyelenggaraan berkala Mesin Fotostat	4 kali setahun		
6.3	Pengurusan <i>courier servis</i> (Poslaju)	Jan-Dis	<p>Ada dikalangan kakitangan yang mengepos sendiri menggunakan no akaun yang lama. Salinan resit tiada yang mana menyukarkan Unit Pentadbiran untuk menghantar ke Unit Kewangan bagi proses pembayaran</p> <p>Penyelesaian:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan nombor akaun yang baru ii. Menggunakan buku pendaftaran 	Berjaya

UNIT PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pelan Operasi Latihan (POL) Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Tahun 2020 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Bil. 1/2020 pada 24 Februari 2020 dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00 meliputi 26 kursus dengan pecahan 8 kursus fungsian dan 16 kursus generik.

1.0 Prestasi Pelaksanaan Latihan JMM Tahun 2020

1.1 Kursus Yang Telah Dilaksanakan




37.5%

Sebanyak 3 kursus fungsian telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2020 daripada 8 kursus yang telah dirancang.

31.25%

Sebanyak 5 kursus generic telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2020 daripada 16 kursus yang telah dirancang.

1.2 Kursus Yang Tidak Dilaksanakan dan Ditangguhkan



Sebanyak 9 kursus yang telah ditangguhkan pada tahun 2020 iaitu 5 kursus fungsian dan 4 kursusu generik

3 kursus fungsian dan 6 kursus generik pula telah dibatalkan pada tahun 2020

1.3 Laporan Prestasi Kehadiran Tiga (3) Hari Berkursus

Merujuk kepada surat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia bernombor rujukan MOTAC.500-5/1/8JLD.4(5) bertarikh 15 Julai 2020 telah memberi **kelonggaran kepada galakan menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari berkursus setahun** bagi warga dibawah MOTAC pada tahun 2020.

Peratusan kehadiran tiga (3) hari berkursus kakitangan JMM pada tahun 2020 adalah **92.7%**. Maklumat kehadiran tiga (3) hari berkursus tahun 2020 bagi pegawai dan kakitangan di JMM adalah seperti berikut:-

BIL	GRED/ KUMPULAN	JUMLAH PEGAWAI/ ANGGOTA	KURSUS PENDEK								
			BILANGAN PEGAWAI/ ANGGOTA YANG HADIR BERKURSUS (-7 HARI SETAHUN)	JUMLAH KEHADIRAN (%)	BILANGAN PEGAWAI/ ANGGOTA YANG HADIR BERKURSUS (4 - 8 HARI)	JUMLAH KEHADIRAN (%)	BILANGAN PEGAWAI/ ANGGOTA YANG HADIR BERKURSUS (1 - 3 HARI)	JUMLAH KEHADIRAN (%)	BILANGAN PEGAWAI/ ANGGOTA YANG TIDAK BERKURSUS	JUMLAH KEHADIRAN (%)	
1.	JUSA	3	3	100.00%	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%	
2.	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	56	29	51.79%	27	48.21%	0	0.00%	0	0.00%	
3.	SOKONGAN I	311	59	18.97%	225	72.35%	27	8.68%	0	0.00%	
JUMLAH		370	91	24.59%	252	68.11%	27	7.30%	0	0.00%	

2.0 Prestasi Perbelanjaan Latihan JMM Tahun 2020

Maklumat peruntukan yang diluluskan oleh pihak Panel Pembangunan Modal Insan JMM untuk latihan adalah seperti berikut:



Prestasi perbelanjaan latihan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:



3.0 Program Pengukuhan Pementoran Tahun 2020

Pada tahun 2020 Program Pengukuhan Pementoran Jabatan Muzium Malaysia telah dilaksanakan pada 1 Ogos 2020 hingga 31 Disember 2020 untuk memantapkan lagi pengetahuan menti dalam bidang *Subject Matter Expert (SME)* konservasi dan mengangkat menti sebagai fasilitator profesional dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun program ini ditangguhkan pelaksanaannya dibawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 14 Oktober 2021 hingga 14 Januari 2021 disebabkan peningkatan penularan wabak COVID - 19. Sebanyak 4 menti telah selesai mengikuti program pengukuhan pementoran ini. Pelan Tindakan Program Pengukuhan Pementoran adalah seperti di bawah:

Pelan Tindakan Program Pengukuhan Pementoran Jabatan Muzium Malaysia

BIL	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI	CATATAN
1	Mesyuarat Program Pengukuhan Pementoran Bil.1/2020 Jabatan Muzium Malaysia	8 Julai 2020	Aplikasi "Google Meet"	
2	Mesyuarat Program Pengukuhan Pementoran Bil.1/2020 Jabatan Muzium Malaysia	4 Ogos 2020	Muzium Perak	Mesyuarat di pengerasikan oleh TKP (Dasar) Masa: 11.00 pagi
3	Pelaksanaan Kerja Konservasi di Muzium Perak	3 - 7 Ogos 2020 3 – 14 Ogos 2020	Muzium Perak	En. Zainal bin Ariffin En. Mohd Faiz bin Azizan En. Awg Ku Mohd Fadli bin Ag Besar En. Barhaman Zaktom bin Ahmad En. Zainal bin Ariffin
3.1	Pasukan Beca & Kereta Kuda	3 - 7 Ogos 2020	Muzium Perak	En. Md Sabri bin Md Yahaya En. Ridzuan bin Mohd Shafie
3.2	Pasukan Patung, Meriam & Pengaut Keluli	3 - 7 Ogos 2020	Muzium Perak	En. Ahmad Shahir bin Md Daud En. Zamri bin Mahamudin
3.3	Pelaporan Program Pengukuhan Pementoran JMM Tahun 2020	30 Oktober 2020		En. Zainal bin Ariffin En. Awg Ku Mohd Fadli bin Ag Besar (Menti) En. Barhaman Zaktom bin Ahmad (Menti) En. Md Sabri bin Md Yahaya En. Ridzuan bin Mohd Shafie (Menti) En. Ahmad Shahir bin Md Daud En. Zamri bin Mahamudin (Menti)

BIL	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI	CATATAN
4	Kerja-Kerja Konservasi Kapal Terbang Avon Sabre F-86	November 2020	Muzium Perak	Ditangguhkan ke tahun 2021
5	Penilaian Sebagai Fasilitator	Disember 2020	JMM	<p>Pelaporan Program Pengukuhan Pementoran JMM dan Borang Kompetensi Profesional telah dimelarkan mentor/menti pada 30 Oktober 2020 melalui pengisian "Google Form".</p> <p>Borang Penilaian Keberkesanan Pementoran telah dimelarkan kepada pengarah/ketua bahagian/unit/muzium kepada menti yang terlibat pada 22 Disember 2020.</p>
6	Program yang tertangguh dan dirancang pada tahun 2021			4 program ditangguhkan pada tahun 2021
7	Konservasi Tekstil – Naiktaraf Galeria Perdana	Tahun 2021	Galeria Perdana	Cik Nur Liyana binti Mohd Tahir Pn. Siti Hayati binti Tapsir
7.1	Konservasi Kotak dan Sokongan – Projek Penerbitan Buku Teknik Penghasilan Kotak	Tahun 2021	JMM	En. Ahmat bin Ali En. Mohd Nazir bin Hussin
7.2	Konservasi Peracuan – Kursus Peracuan (Batu Peringatan Labuan Alice Watson dan Evan Thomas)	Tahun 2021	Wilayah Persekutuan Labuan	En. Md Sabri bin Md Yahaya En. Ridzuan bin Mohd Shafie
7.3	Konservasi – Naiktaraf Galeria Perdana	Tahun 2021	Galeria Perdana, Langkawi	En. Zainal bin Ariffin En. Khairol Azlan bin Ishak
8	Program Tamat – Pelantikan sebagai fasilitator	Tahun 2021		

UNIT KESELAMATAN

Unit Keselamatan JMM telah dilantik oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia sebagai penyelaras keselamatan dan kecemasan sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baharu Cina 2020. Perlantikan ini adalah bertujuan memastikan keselamatan dan kecemasan sepanjang majlis tersebut berlangsung. Di bawah Unit Keselamatan JMM terdapat beberapa agensi yang membantu sepanjang program ini berlangsung. Antara agensi yang turut serta adalah PDRM, RELA, APM, Pejabat Kesihatan, Bomba dan Majlis Daerah. Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2020 ini telah diadakan pada 15 Februari 2020 di Padang Kota, Pulau Pinang.



Kursus Keselamatan Jabatan Muzium Malaysia bertujuan memberi pendedahan kepada 1st Aider bagi bantuan Awalan bagi mengendalikan hal-hal kecemasan, memberi pendedahan tentang Kesihatan Pekerjaan serta Keselamatan pekerjaan di tempat kerja. Hal ini kerana melalui kursus ini Kakitangan dapat mengendalikan peralatan keselamatan untuk tujuan menyelamatkan diri ketika keadaan berbahaya dan bersiap sedia dengan kemungkinan yang berlaku ketika sebarang situasi berbahaya terjadi dan memupuk nilai positif dalam menjaga kesihatan diri bagi setiap kakitangan. Kursus ini telah diadakan pada 14-15 September 2020 di Bilik Persidangan, JMM.



UNIT INTEGRITI

Objektif umum adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus bertujuan supaya ia dapat dilaksanakan dengan secara yang lebih fokus dan terancang supaya elemen penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesahan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum. Unit Integriti adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:



1.0 Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)

Objektif JAR dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan adalah untuk meningkatkan komitmen kerajaan merangkumi semua sektor dalam pembanterasan rasuah sekali gus meningkatkan imej negara; menjana sinergi dalam memastikan sistem pentadbiran kerajaan dapat digerakkan dalam persekitaran sifar toleransi terhadap rasuah dan memperkuatkukuhkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan berteraskan prinsip ketelusan, akuntabiliti serta berdaya saing.

Isu-isu berkaitan penyelewengan dan kelemahan governans, salah guna kuasa, pelanggaran integriti dan perlakuan rasuah akan dilaporkan di dalam Mesyuarat JAR agar penambahbaikan dapat dilaksanakan meliputi 4 terma rujukan yang merangkumi aspek:

- Terma 1: Dasar, Perundangan dan peraturan;
- Terma 2: Sistem dan prosedur kerja;
- Terma 3: Pengukuhan governans dan Integriti
- Terma 4: pengesahan, pematuhan, punitif dan pemulihan.

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) telah diadakan pada:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Bil 1/2020 pada 6 Mac 2020
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Bil 2/2020 3 Julai 2020

2.0 Pelan Pengurusan Risiko Rasuah/*Corruption Risk Management (CRM)*

Jabatan menerusi Unit Integriti selaku Urus Setia telah menjalani Kursus Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada bulan Oktober 2018 untuk membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Muzium Malaysia. CRM telah diluluskan pelaksanaannya oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pada Mac 2020.



CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua pekerja, serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Semua organisasi terdedah kepada risiko rasuah.

Ia boleh wujud dalam semua peringkat pengurusan, dalam semua fungsi dan aktiviti, begitu juga boleh melibatkan pihak berkepentingan dalaman dan luaran organisasi. **CRM** berperanan penting dalam inisiatif pencegahan rasuah.

Pengurusan risiko rasuah yang efektif memerlukan komitmen dari pucuk pimpinan sesebuah organisasi, aspirasi kepimpinan dalam memupuk budaya organisasi yang murni dan sihat berdasarkan integriti serta kejujuran, jelas dalam memaparkan nilai-nilai korporat, dan mempunyai satu kerangka kerja polisi yang menyeluruh.

Pengurusan Risiko Rasuah adalah satu alat pengurusan yang diterima sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik untuk organisasi sektor awam dan swasta. Keperluan menangani risiko kritikal telah lama wujud semenjak ia menjadi tanggungjawab prinsipal Lembaga Pengarah sebagaimana yang dikehendaki dalam Kod Tadbir Urus Korporat di Malaysia (**Code of Corporate Governance of Malaysia**).

Pendekatan pencegahan rasuah yang berasaskan risiko ini membantu organisasi berfokus pada proses atau aktiviti utama yang lebih terdedah kepada risiko rasuah. Pendekatan Pengurusan Risiko Rasuah yang diperkenalkan oleh **SPRM** menggabungkan kaedah pengurusan risiko antarabangsa, ISO 31000:2009 – *Risk Management: Principles and guidelines* dan *Global Compact: A Guide for AntiCorruption Risk Assessment* oleh United Nations.

Semua panduan ini menggalakkan pendekatan atas ke bawah di mana risiko kritikal dihubungkaitkan dengan matlamat strategik dan objektif sesebuah organisasi. Pendekatan pengurusan risiko adalah cara yang paling sesuai untuk memastikan risiko dikenal pasti dan ditangani dengan berkesan. Antara ciri-ciri dan kelebihan **CRM** adalah:

- i. Menyokong keperluan strategik pengurusan tertinggi
 - Guna pakai pendekatan atas-ke-bawah
 - Tumpuan pada risiko rasuah strategik dan penting
 - Tumpuan pada bidang paling penting dan bernilai tinggi
- ii. Penglibatan “pelanggan” dan menggalakkan kerja dalam pasukan
 - Penglibatan “pelanggan” dan menggalakkan kerja dalam pasukan
 - Tumpuan pada panduan tadbir urus
- iii. Guna pakai pendekatan pengukuran risiko yang lebih saintifik
 - Penilaian risiko rasuah dengan mengambil kira kesan dan kebarangkalian
 - Penarafan risiko membantu menentukan keutamaan pelan tindakan rasuah


CRM memberi tumpuan dalam menganalisa punca masalah, kesan ke atas organisasi dan pelan pengurusan. Sekiranya rasuah berlaku dalam organisasi, akibatnya samada berjangka pendek atau panjang termasuk:

- Kehilangan reputasi
- Kehilangan keyakinan awam
- Kerugian kewangan
- Pembaziran sumber
- Kos kewangan dan sumber bagi siasatan dalaman dan/atau siasatan **SPRM**
- Kecederaan pekerja dan moral organisasi

Berdasarkan CRM ini sepanjang tahun 2020 Pengauditan telah dilaksanakan terhadap aktiviti perolehan, pembekalan dan fasiliti Jabatan.

3.0 Sistem Pelaporan Kehadiran [SPK]

Satu sistem pemantauan kehadiran penjawat awam Jabatan Muzium Malaysia telah dibangunkan oleh Unit Integriti JMM sendiri bersama-sama beberapa pegawai JMM yang dipanggil **Sistem Pengesahan Kehadiran** atau **SPK**. **SPK** ini menggunakan aplikasi Microsoft Access dan ia mampu menjana data sebanyak 100 Mgb atau 5 tahun penggunaan data yang mampu disimpan. Ia mula digunakan mulai Februari 2020 di mana semua Ketua Bahagian/Unit/Muzium diwajibkan menghantar pelaporan setiap bulan ke Unit Integriti.



Kesalahan tidak hadir bertugas/ tidak mengimbas masuk, tidak mengimbas keluar, pulang awal, datang lewat dan ketidakhadiran fizikal pegawai awam merupakan kesalahan yang kerap berlaku. Justeru laporan kedatangan bulanan yang disahkan oleh Ketua Bahagian/Unit/Muzium wajib dihantar ke Unit Integriti setiap bulan memudahkan tugas audit kedatangan.

4.0 Panduan Ketua Jabatan/Penyelia Mengurus Dan Melapor Tindakan Tatatertib

Unit Integriti mengedarkan Panduan Ketua Jabatan/Penyelia Mengurus dan Melapor Tindakan Tatatertib kepada semua Penyelia iaitu Pegawai Gred 22 dan ke atas dengan tujuan untuk membantu Ketua Jabatan/Penyelia dalam mengambil tindakan awal bagi mengurus dan melaporkan kes tatatertib pegawai awam di Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Panduan ini membantu Ketua Jabatan/ Penyelia dan Urus Setia Tatatertib untuk menjalankan tugas kawalan dan pengawasan tatatertib terhadap pegawai seliaannya supaya tindakan tatatertib dapat dilaksanakan dengan cepat, tepat dan berintegriti.



Panduan ini juga adalah untuk memastikan Ketua Jabatan/Penyelia dapat menyediakan dokumen dan laporan yang komprehensif mengenai pelanggaran tatatertib pegawai seliaannya mengikut lunas-lunas perundangan agar tindakan tatatertib dapat dilaksanakan dengan teratur.

UNIT ASET

Unit Aset bertanggungjawab bagi mengurus dan memantau semua Aset Alih, Aset Hidup, Stor dan Aset Tak Alih Jabatan meliputi penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, peyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira. Menguruskan pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor peringkat Jabatan. Selain itu, Unit Aset juga berperanan menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan peringkat Jabatan. Menyelaras Laporan Suku Tahun daripada Jabatan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK peringkat Kementerian yang diadakan setiap tiga (3) bulan sekali. Mendapatkan Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup, Stor dan Aset Tak Alih daripada semua muzium, bahagian dan unit di bawah Jabatan. Unit Aset juga berperanan dalam menyediakan dan mengemukakan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan ke Perbendaharaan Malaysia sebelum 15 Mac tahun berikutnya dan memastikan maklumat pendaftaran aset mematuhi tatacara dan aplikasi sistem SPA dan MySPATA Jabatan.

1.0 Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan

BIL	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1.	6 Ogos 2020	Bilik Persidangan JMM	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Pertama 2020
2.	6 Ogos 2020	Bilik Persidangan JMM	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Kedua 2020
3.	6 November 2020	Bilik Persidangan JMM	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Ketiga 2020
4.	27 Januari 2021	Bilik Persidangan JMM	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Keempat 2020

2.0 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Peringkat Kementerian

BIL	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1.	6 Ogos 2020	Bilik Mesyuarat Utama Aras 18, KPK	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Pertama 2020
2.	6 Ogos 2020	Bilik Mesyuarat Utama Aras 18, KPK	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Kedua 2020
3.	9 November 2020	Bilik Mesyuarat Utama Aras 18, KPK	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Ketiga 2020
4.	8 Februari 2021	Bilik Mesyuarat Utama Aras 18, KPK	Mesyuarat JKPAK Suku Tahun Keempat 2020

3.0 Lain-Lain Mesyuarat/Bengkel/Kursus Yang Diwakili Unit Aset

BIL	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1.	8 Januari 2020 2 Februari 2020 18 November 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan dan Penyelenggaraan (JKIPP) Bil. 1,2,3 /2020
2.	4 Februari 2020 2 Julai 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera	Mesyuarat Jawatankuasa Sewaan Ruang Dan Kutipan Hasil Jabatan Muzium Malaysia Bil.1,2/2020
3.	6-7 Februari 2020	Bilik Persidangan, JMM	Bengkel Penyediaan Projek RMK-12
4.	24-25 Februari 2020	Bilik VIP, JMM	Bengkel Pemurnian Pameran Perdagangan Lembah Bujang, Galeri II Muzium Arkeologi Lembah Bujang Kedah
5.	6 Mac 2020 3 Julai 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Bil.1, 2 /2020
6.	9 Mac 2020	Bilik Persidangan, JMM	Mesyuarat Pengurusan Sektor Dasar Bil 1,2,3 2020
7.	10 Mac 2020	Bilik Mesyuarat Bahtera, MOTAC	Taklimat Pengumpulan Data Baki Awal Aset Tak Ketara
8.	20 Mac 2020	Bilik Mesyuarat Cenderawasih, MOTAC	Sesi Perkongsian Ilmu MPSAS Bil.1/2020 (MPSAS 19-Peruntukan, Liabiliti, Luar Jangka dan Aset Luar Jangka)
9.	18-19 Mac 2020	Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC	Kursus Asas dan Pertengahan TPATA Bagi MOTAC
10.	17 Mac 2020	Bilik Persidangan, JMM	Mesyuarat Khas dan Taklimat Pelan Tindakan COVID-19 Jabatan

BIL	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
11.	3 Mei 2020	Pulau Pinang	Kursus Perakaunan Akruan: Aset Tak Ketara
12.	24 Julai 2020	Bilik Mesyuarat Utama, Muzium Diraja	Mesyuarat Penyelarasan Penerimaan Aset yang Diserahkan Secara Bersekali dengan Bangunan Istana Negara (Lama) oleh Istana Negara kepada JMM
13.	21 September 2020 23 September 2020	Hotel Blue Wave, Selangor	Kursus Tatacara Pelaporan Tadbir Urus Aset Tak Alih Kerajaan (PATA)
14.	9 Oktober 2020	MOTAC	Pemukiman Sektor Dasar Mesyuarat Membincangkan Permohonan Perjawatan Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) Bagi Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (PATA)
15.	9 Disember 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera	Mesyuarat Penyelarasan Perancangan Perolehan Tahunan JMM Bagi Tahun 2021
16.	29 Disember 2020	Makmal Konservasi Galeria Perdana	Mesyuarat Bagi Membincangkan Isu Peralihan Pengurusan Kuarters Galeria Perdana Daripada Pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) kepada Pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada)

4.0 Laporan Tahunan Pengurusan Aset Kerajaan Jabatan Muzium Malaysia 2020

PENGURUSAN ASET DAN STOR

A) Pengurusan Aset Alih

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN HARTA MODAL		KEDUDUKAN ASET ALIH BERNILAI RENDAH		PELUPUSAN ASET	KEHILANGAN ASET			
	BILANGAN KEW.PA-2	NILAI PEROLEHAN (RM)	BILANGAN KEW.PA-3	NILAI PEROLEHAN (RM)		NILAI PELUPUSAN (RM)	NILAI HAPUS KIRA (RM)	SURCAJ	
Baki Awal	1,858	8,259,128.40	8,711	3,082,027.89	-	-	-	-	-
Suku Tahun Pertama						TIADA			
Suku Tahun Kedua						TIADA			
Suku Tahun Ketiga						TIADA			
Suku Tahun Keempat	1,864	8,309,574.40	8,852	3,137,571.89	-	-	-	-	-

Tarikh asset diperiksa: DISEMBER 2020

B) Pengurusan Stor

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN STOK								Kadar Pusingan Stok % $\frac{[(a+d)]}{(a+d)} \times 100$	Pelupusan Stok (RM)	Kehilangan dan Hapus Kira Stok (RM)			
	SEDIA ADA		PENERIMAAN		PENGELUARAN		STOK SEMASA							
	BILANGAN STOK	JUMLAH NILAI STOK (RM)	BILANGAN STOK	JUMLAH NILAI STOK (RM)	BILANGAN STOK	JUMLAH NILAI STOK (RM)	BILANGAN STOK	JUMLAH NILAI STOK (RM)						
	(i)	(a)	(ii)	(b)	(iii)	(c)	(i+ii)-(iii)	d=(a+b)-(c)						
Baki Dibawa Hadapan					Baki Stok Akhir Tahun 2018	33,878	106,888.233			TIADA	TIADA			
Suku Tahun Pertama	33,676	106,986.233	1,180	45,745.000	30,345	142,289.342	4,521	10,441.891		TIADA	TIADA			
Suku Tahun Kedua	4,521	10,441.891	1,956	35,737.500	1,427	28,367.500	5,050	17,811.891		TIADA	TIADA			
Suku Tahun Ketiga	5,050	17,811.891	47,791	75,296.560	3,100	31,093.391	49,741	62,015.060		TIADA	TIADA			
Suku Tahun Keempat	49,741	62,015.060	67,740	520,748.140	79,230	516,706.281	38,251	66,056.919		TIADA	TIADA			
	NILAI TAHUNAN	118,877	877,627.20	114,102	718,458.61		KADAR PUSINGAN STOK	8.30						

Tarikh Stok Diperiksa / Diverifikasi : DISEMBER 2020

PENGURUSAN ASET DAN STOK

C) Pengurusan Aset Hidup - (Haiwan/Ikan/Tumbuhan)

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN ASET HIDUP - IKAN		KEDUDUKAN ASET IKAN BERNILAI RENDAH		STOK		PELUPUSAN ASET HIDUP IKAN (RM)	KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA ASET HIDUP IKAN (RM)
	BILANGAN KEW.AI-2	JUMLAH (RM)	BILANGAN KEW.AI-3	JUMLAH (RM)	BILANGAN KEW.AI-4	JUMLAH (RM)		
Baki Awal	-	-	1 (1 ekor)	20.00	-	-	60.00 (4 ekor)	-
Suku Tahun Pertama	-	-	-	-	-	-	-	-
Suku Tahun Kedua	-	-	2 (2 ekor)	50.00	-	-	-	-
Suku Tahun Ketiga	-	-	2 (1 ekor ikan Merah & 4 ekor Belut)	860.00	-	-	270	-
Suku Tahun Keempat	-	-	-	-	-	-	260	-
Baki Akhir Tahun	-	-	4	910.00	-	-	530.00	-

Tarikh Aset Ikan Diperiksa: DISEMBER 2020

* Baki akhir tahun 2020 ialah 4 kad KEW AI-3 didaftar bagi ikan induk: 1 kad (belut-4 ekor), 1 kad (seekor ikan merah), 1 kad (seekor kerapu) dan 1 kad (seekor kerapu-harga berlainan)

* Pelupusan melibatkan 3 ekor ikan induk hingga akhir tahun 2020

* Baki awal dari tahun 2019: 1 Kad (ikan siakap)

BAHAGIAN DASAR & PEMBANGUNAN UNIT DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Sepanjang tahun 2020, Unit Dasar dan Perancangan Strategik (UDPS) telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang telah dipertanggungjawabkan selaras dengan fungsi utama iaitu menyelaras hubungan dan kerjasama di peringkat domestik dan antarabangsa seperti menguruskan kunjungan hormat serta lawatan rasmi dari dalam dan luar negara bagi memperluaskan jaringan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia dengan agensi luar.

1.0 Mesyuarat Pengurusan Unit

Mesyuarat Pengurusan Unit Dasar dan Perancangan Strategik (UDPS) telah bersidang sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2020. Ia mengambil kira penularan wabak COVID-19 yang menghadkan kehadiran pegawai dan staf ke pejabat selaras dengan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Mesyuarat telah dilaksanakan pada 21 Januari 2020 dan 30 September 2020 di bilik Ketua Penolong Pengarah UDPS.

2.0 Pencapaian Aktiviti Tahunan

Sepanjang tahun 2020, UDPS telah melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan dengan jayanya. Hal ini selaras dengan fungsi utama unit iaitu menyelaras hubungan dan kerjasama di peringkat domestik dan antarabangsa seperti mengurus kunjungan hormat serta lawatan rasmi dari dalam serta luar negara bagi memperluaskan jaringan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan agensi luar.

2.1 Lawatan Rasmi Dari Luar Negara

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
Mesyuarat Kerjasama Pameran JMM – Mesir			
1.	Mesyuarat kerjasama pameran yang dihadiri oleh wakil dari Kedutaan Mesir di Kuala Lumpur ini diadakan bagi membincangkan secara terperinci tentang kerjasama pameran bersama JMM yang akan memperagakan koleksi terpilih dari <i>Museum of Egyptian Antiquities</i> , Cairo di Muzium Negara mulai 17 hingga 24 Ogos 2020. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) dan dihadiri oleh beberapa orang pegawai kanan Jabatan.	24 Januari 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera
Mesyuarat Bersama Kedutaan Venezuela			
2.	Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan bentuk-bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan antara kedua belah pihak. Wakil kedutaan yang hadir dalam mesyuarat ini ialah Encik Enrique Gonzalez Kong, <i>Counsellor/ Deputy Head of Mission</i> dan Puan Mawarne Alias, <i>Cultural Secretary</i> . Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman).	6 Februari 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera

3.2 Program / Aktiviti / Mesyuarat / Bengkel

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Perbincangan tentang Perjanjian Pameran Egypt, Pameran Ular dan MoU JMM-UM-UPSI	13 Januari 2020	Bilik Unit Perundungan, MOTAC
2.	Mesyuarat Lanjutan untuk Aktiviti berkaitan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara JMM dengan Jabatan Seni Gunaan dan Rekabentuk (AAD), Kuliyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), IIUM	7 Februari 2020	Bilik Mesyuarat Akademik, Tingkat 2, KAED
3.	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di JMM dan Universiti Sains Malaysia (USM)	18 Februari 2020	Bilik Persidangan Canselor, USM
4.	Pertemuan dan perbincangan di antara JMM dan <i>Malaysia Poductivity Corporation</i> (MPC)	21 Februari 2020	<i>Malaysia Poductivity Corporation</i> (MPC)
5.	Perbincangan Tentang Pengisian Kertas Polisi Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Rang Undang-Undang (RUU) Muzium	21 Julai 2020	Bilik Mesyuarat VIP, JMM
6.	Sesi Peer Review Assessment bagi Garis Panduan Konsultasi Awam anjuran <i>Malaysia Poductivity Corporation</i> (MPC)	29 Julai 2020	Hotel Dorsett, Putrajaya
7.	Perbincangan Tentang Pengisian Kursus Penyediaan Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Nota Kerjasama anjuran JMM	28 Ogos 2020	Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) MOTAC
8.	Kursus Penyediaan Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Nota Kerjasama anjuran JMM	3 - 5 September 2020	Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan
9.	Mesyuarat Pemantauan dan Kajian Semula Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia (PSJMM) 2018-2022	07 September 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera, JMM
10.	Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB)	15 September 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera, JMM
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB), JMM	22 September 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera, JMM
12.	Bengkel Sektor Dasar	12 dan 13 Oktober 2020	Hotel Bangi Resort, Bandar Baru Bangi, Selangor
13.	Perbincangan Intensif tentang Penyediaan Deraf Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Rang Undang-undang Muzium (RUUM) dan Kertas Polisi MJM RUUM	19 Oktober 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera
14.	Perbincangan Pengisian Penerbitan Dasar Permuziuman Negara (Kertas Dasar dan Garis Panduan) JMM	21 Oktober 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera
15.	Mesyuarat Persediaan Awal Sempena Sesi Perbahasan dan Penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2021 Peringkat Jawatankuasa di Parlimen	30 November 2020	Bilik Mesyuarat Petala Indera

3.3 Kursus Dan Persidangan Luar Negara

BIL	PROGRAM / LOKASI	TARIKH	PEGAWAI TERLIBAT / LOKASI
Persidangan 'Midterm Project Review Meeting'			
1.	<p>Persidangan ini adalah anjuran pihak <i>International Atomic Energy Agency</i> (IAEA). Ia merupakan pusat kerjasama dunia dalam bidang nuklear dan berusaha menggalakkan penggunaan teknologi nuklear yang selamat, terjamin dan aman. Melalui persidangan ini, peserta dari JMM dapat berkongsi pengalaman dan idea dengan peserta dari luar negara dalam usaha mengaplikasikan teknologi nuklear ke dalam bidang permuziuman dengan cara yang selamat. Selain daripada itu, persidangan ini juga dapat menjalankan hubungan dua hala dan memperluaskan jaringan kerjasama dalam bidang sains dan pemuliharaan warisan.</p>	9 - 15 Februari 2020	Puan Nirmala binti Sharippudin Bali, Indonesia
International Workshop "Maritime Adaptation and Material Culture In Southeast Asia"			
2.	<p>Bengkel ini adalah anjuran pihak <i>National Museum of Ethnology</i>, Japan. Program ini merupakan pendedahan berkaitan adaptasi maritim dengan warisan budaya, pemuliharaan dan pemeliharaan di Asia Tenggara. Pengisian program ini adalah terdiri daripada mesyuarat dan bengkel yang merancang untuk membangun serta membincangkan tentang penyelidikan dan pengumpulan data '<i>Maritime Adaptation and Material Culture in Southeast Asia</i>'.</p>	17 - 23 Februari 2020	Encik Mohd Nasrulamiazam bin Mohd Nasir <i>National Museum of Ethnology</i> , Japan
Concluding Forum Project Steering Committee Of The Asean Cultural Heritage Digital Archive (ACHDA)			
3.	<p>Forum ini adalah anjuran Sekretariat ASEAN. Pelaksanaan projek ACDHA ini bertujuan untuk mendigitalkan artifak, koleksi, dokumen serta bahan-bahan seni warisan budaya ASEAN dan menukuhan portal warisan ASEAN dalam talian. Portal ini seterusnya dapat diakses secara umum bagi menghargai pelbagai warisan budaya ASEAN di samping meningkatkan kesedaran dan perkongsian maklumat dalam membentuk identiti ASEAN. Projek ini dilaksanakan dalam tiga (3) fasa di mana Fasa 1 melibatkan negara Malaysia, Thailand dan Indonesia. Forum ini juga turut mengumpulkan pengubal dasar, pakar permuziuman dan budaya daripada pelbagai institusi yang berkaitan dari negara-negara ASEAN bagi sesi perkongsian ilmu, khususnya membincangkan pelaksanaan projek ACHDA Fasa 2.</p>	26 - 28 Februari 2020	Cik Kiew Yeng Meng Pejabat Sekretariat ASEAN, Jakarta,
4.	<p>35th <i>SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting (Online)</i></p> <p>Mesyuarat ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh <i>Southeast Asian Regional Centre for Archaeology and Fine Arts</i> (SEAMEO SPAFA). Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak yang sangat besar di mana sekatan perjalanan dihentikan dan mesyuarat terpaksa diadakan menerusi platform atas talian. Seramai 11 orang Ahli Lembaga terlibat dalam mesyuarat yang dilaksanakan dengan jayanya itu. Antara agenda utama dalam mesyuarat ini adalah perbincangan projek serta hala tuju bidang permuziuman di seluruh rantau Asia Tenggara.</p>	3 dan 4 September 2020	Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim

4.0 Garis Masa Memorandum Jemaah Mneteri (MJM) Rang Undang-Undang (RUU) Muzium 2020

*PERKARA	JANGKAAN TARikh (TERTAKLUK KEPADA PINDAAN)	TARIKH SEBENAR	TINDAKAN
Penyediaan MJM memerlukan kelulusan secara prinsip bagi penggubalan RUU Muzium.			
Status: • Kertas kelulusan prinsip telah disiapkan dan diserahkan kepada Bahagian Dasar Kebudayaan (DK) MOTAC	17 April 2020	10 November 2020	UDPS, JMM
Kelulusan TKSU(K), KSU dan YBM			
Status: • Dalam tindakan Bahagian Dasar Kebudayaan (DK) MOTAC	17 – 24 April 2020 (8 hari)		DK MOTAC
Edaran kepada Kementerian/Agenzi Pusat berkaitan	25 April – 8 Mei 2020 (2 minggu)		DK MOTAC
Pembentangan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri	14 Mei 2020		DK MOTAC
JMM menyerahkan draf RUU kepada PUU MOTAC	21 Mei 2020		JMM
Semakan PUU MOTAC	21 Mei – 21 Julai 2020 (3 bulan)		PUU MOTAC
PUU mengemukakan draf RUU kepada AGC	21 Julai 2020		PUU MOTAC
Semakan Jabatan Peguam Negara	21 Julai 2020 – 21 Januari 2021 (7 bulan)		AGC
Kelulusan Jabatan Peguam Negara. Surat AGC kepada PUU	21 Januari 2021		AGC
PUU mengemukakan draf RUU yang telah diluluskan oleh AGC kepada JMM	22 Januari 2021		PUU MOTAC
Penyediaan MJM memohon kelulusan draf RUU Muzium	25 Januari 2021		JMM menyerahkan draf MJM kepada Bhg. DK, MOTAC
Kelulusan TKSU(K), KSU dan YBM	25 Januari – 1 Februari 2021 (7 hari)		DK MOTAC
Edaran kepada Kementerian/Agenzi Pusat Berkaitan	1 – 14 Februari 2021 (14 hari)		DK MOTAC
Pembentangan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri	17 Februari 2021		DK MOTAC
Cetakan Blue Bill RUU Muzium, proof read, dll	24 Februari 2021		DK & PUU MOTAC serta JMM
Isi borang pemberitahuan RUU dan dikemukakan kepada Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara	3 Mac 2021		DK MOTAC

*PERKARA	JANGKAAN TARikh (TERTAKLUK KEPADA PINDAAN)	TARikh SEBENAR	TINDAKAN
Bacaan Kali Pertama di Dewan Rakyat (Bacaan Kali Kedua dan Ketiga dan Dewan Negara dalam Mesyuarat yang sama)	Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat (2021), Parlimen Ke-14 (Dijangkakan pada Mac 2021)		DK & PUU MOTAC serta JMM
Perkenan Agong	Mei 2021		Parlimen
Pewartaan	Jun 2021		PUU MOTAC / AGC
Penetapan Tarikh Kuatkuasa Akta	Januari 2022		

5.0 Pencapaian perjanjian Memorandum Persahaman (MoU)2020

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) di Bilik Persidangan Canselor, USM pada 18 Februari 2020



6.0 Pencapaian Penerimaan Nota Penilaian Akhir Penyata Impak Peraturan (RIS) Rang Undang-Undang Muzium

The image displays several screenshots illustrating the public consultation process for the Bill of Rights of the National Museum of Malaysia. It includes:

- A screenshot of the Public Consultation Closure Report for the Bill of Rights of the National Museum of Malaysia, dated 18 February 2021.
- A screenshot of the Public Consultation System website showing engagement statistics: 15 Signings, 2 Invitations, 1 Comments, 19 Submissions, and 273160 Views.
- A screenshot of the Ministry of Tourism, Arts and Culture's website showing the Public Consultation Report for the Bill of Rights of the National Museum of Malaysia.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2020, Unit Teknologi Maklumat telah berjaya melaksanakan pelbagai projek dan program dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik serta memastikan perkhidmatan ICT berjalan dengan lancar. Di antara pencapaian projek/ program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1.0 Menaiktaraf Pengkabelan Gentian Optik dan Rangkaian Setempat

Pengkabelan semula kabel gentian optik dan kabel *unshielded twisted pair* (UTP) telah menjadi fokus utama dalam pelaksanaan projek kritikal ICT di JMM pada tahun 2020. Projek ini telah dimulakan pada 1 September dan siap pada 23 November 2020.

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan projek ini antaranya adalah:

- i. keadaan kabel sedia ada yang usang atau rosak
- ii. pengubahsuaian pejabat atau ruang;
- iii. pertambahan dan perpindahan kakitangan; dan
- iv. perubahan rekabentuk rangkaian yang disebabkan oleh pertambahan peralatan yang tidak disahkan atau mengikut piawai industri.

Objektif utama projek ini adalah untuk menggantikan kabel gentian optik dan UTP sedia ada di Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu dan Muzium Seni Kraf Orang Asli dan sekitar kompleks Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia.

Sebanyak 444 nod rangkaian telah dikenalpasti untuk pemasangan kabel baharu *UTP* manakala 6 lokasi adalah untuk pengkabelan semula gentian optik. Selain daripada itu, terdapat juga skop lain yang terlibat dalam projek menaiktaraf ini iaitu:

- i. penutupan satu bilik server daripada dua bilik server sedia ada;
- ii. perpindahan peralatan rangkaian bilik server 1 ke bilik server 2;
- iii. penyatuan tiga sub-rack di aras 3 kepada 1 sub-rack sahaja di aras yang sama;
- iv. pemindahan sub-rack sedia ada di aras 1 ke lokasi baharu aras sama;
- v. pemindahan sub-rack aras 2 ke lokasi lokasi baharu aras yang sama;
- vi. pemindahan sub-rack aras 4 ke bangunan kafetaria; dan
- vii. konfigurasi *Active Directory* dan semua peralatan switches rangkaian di JMM.



Kerja-Kerja Menaiktaraf
Pengkabelan Gentian Optik
dan Rangkaian Setempat

2.0 Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian WiFi

Capaian internet melalui WiFi telah dilaksanakan pada tahun 2014 di Bilik Mesyuarat Petala Indera, Bilik Persidangan, Auditorium, Perpusatakan, Galeri Tengah Muzium Negara, Bilik Discovery Muzium Negara dan Kafetaria. Memandangkan capaian WiFi sedia ada terhad di kawasan tertentu sahaja, projek menaiktaraf kapasiti liputan capaian telah dilaksanakan pada tahun ini.

Terdapat 54 hotspot telah dikenalpasti di Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia termasuklah Galeri 1, Galeri 2, Galeri Muzik, Kafetaria dan Pejabat Muzium Muzik. Disamping itu, semua galeri yang terdapat di Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu dan Muzium Seni Kraf Orang Asli juga telah dilengkapi dengan capaian WiFi. Selain daripada itu, liputan WiFi juga boleh dicapai oleh semua pengunjung dan warga muzium di kawasan Dataran Muzium Negara sehingga ke kawasan Istana Satu.

Objektif utama peningkatan rangkaian wireless ini adalah sebagai persediaan muzium dalam era digital I.R4.0. Selain daripada itu, penggunaan teknologi terkini WiFi juga menjamin keselamatan capaian rangkaian WiFi. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar kemudahan yang diberikan ini dapat digunakan dengan sebaiknya oleh semua warga muzium khususnya dan pengunjung amnya. Kreativiti muzium dalam memanfaatkan platform WiFi ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pengunjung.

3.0 Pengukuhan Laman Web Rasmi JMM

Laman web rasmi JMM menggunakan platform Drupal Core CMS. Bagi mengukuhkan keselamatan laman web JMM, Drupal Core CMS telah dikemaskini dan ditingkatkan kepada versi terkini iaitu versi 7.77. Aktiviti pengemaskinian *patches* keselamatan ini amat penting bagi mengelakkan laman web JMM dieksloitasi atau diserang oleh penggodam.

Maklumat laman web JMM telah dikemaskini mengikut keperluan dari semasa ke semasa sepanjang tahun 2020. Selain itu, kandungan laman web JMM juga telah ditambah baik dengan mewujudkan sub menu baharu iaitu Artikel dan FB Live.



Kerja-Kerja Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian WiFi

TAHUN	LAMAN WEB		
	JMM	MN	MTN
2015	152,900	97,788	7,827
2016	172,771	96,521	8,664
2017	160,795	85,282	6,637
2018	178,443	86,566	7,505
2019	181,669	89,695	4,840
2020	128,912	54,031	2,217

Statistik pengunjung Laman Web JMM, Muzium Negara dan Muzium Tekstil Negara

The screenshot shows the official website of the National Museum of Malaysia (JMM). The top navigation bar includes links for Warna, Satu Setik, Bahasa Melayu, English, Jawi-Jawi Rasaesa, 14 Januari 2021 - 9:52 am, FAQ, Status Laman, Hubungi Kami, Akaun dan Maklumat Saya, and Peta Laman. The main header features the national emblem and the text "Laman Web Rasmi JABATAN MUZIUM MALAYSIA". Below the header are links for UTAMA, MENGENAI JMM, PERKHIDMATAN TERAS, PERKHIDMATAN DALAM TALIAN, HUBUNGI KAMI, and Cari di JMM.

The central content area includes a section titled "STATUS TERKINI OPERASI MUZIUM-MUZIUM JMM" (OPERATION STATUS UPDATES OF MUSEUMS) showing images of various museums across the country. To the right are four red boxes labeled ORANG AWAM, SUKARELAWAH, WARGA JMM, and EMEL JMM, each with a corresponding icon.

Below this are three columns of information: "HEBAHAN" (Status Terkini Operasi Muzium-Muzium JMM), "(Nota Seboharga) Perkhidmatan Ponyawaan Tandas Aman Negara, Kuala Lumpur" (Tender Notice), and "(Nota Tender) Nota Pengisian Tender Monali Taraf Galera Perdana, Langkawi" (Tender Notice).

The "PAUTAN" (LINKS) section lists ASEAN Cultural Heritage Archive and GALERI MAYA 360° virtual gallery. The "INFORMASI TERKINI" (LATEST NEWS) section lists several exhibitions: "Pameran Dagu Kurung, Oksana Sepanyang Zaman" at Muzium Tekstil Negara (21 Dis 2020 sehingga 31 Mac 2021), "Pameran Watuk Secundaria Paleontik, Epofitik dan Endofitik" at Muzium Negara (21 Dis 2020 sehingga 31 Mac 2021), "Pameran Kura-Kura Finas" at Galeri 1, JMM (21 Dis 2020 sehingga 21 Jun 2021), and "Pameran Orang Asli - Identiti dan Tradisi" at Muzium Petak (20 Okt 2020 sehingga 30 Jun 2021).

The "ACARA TERKINI" (CURRENT EVENTS) section shows the same four exhibitions listed above.

The "MUZIUM DI BAWAH PENGURUSAN JMM" (MUSEUMS UNDER JMM MANAGEMENT) section features an image of the National Museum of Malaysia building.



Laman Web Muzium Negara
(<http://www.muziumnegara.gov.my>)



Laman Web Muzium Tekstil Negara
(<http://www.muziumtekstilnegara.gov.my>)

4.0 Kajian Pembangunan Sistem Pengurusan Permuziuman Digital Bersepadu

Kajian Pembangunan Sistem Pengurusan Permuziuman Digital Bersepadu adalah merupakan salah satu program di bawah Pelan Strategik ICT Jabatan Muzium Malaysia 2018-2022. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu sistem permuziuman yang bersepadu serta merangkumi fungsi-fungsi teras bisnes muzium iaitu Pengurusan Koleksi, Pengurusan Konservasi, Penyelidikan dan Penerbitan serta Pameran.



Satu dokumen Spesifikasi Keperluan Bisens (BRS) telah dibangunkan bersama-sama pasukan Subject Matter Expert (SME) JMM dan Bahagian Perundingan ICT, MAMPU. Bagi melengkapkan kajian tersebut, satu sesi perbincangan dan coaching dengan MAMPU telah diadakan pada Januari 2020 untuk mempelajari pengiraan anggaran kos pembangunan sistem mengikut *Function Point Analysis*. Hasil kajian ini amat penting untuk permohonan Rancangan Malaysia ke-12.

5.0 Menaiktaraf Network Attached Storage (NAS) Unit/Bahagian JMM

NAS Storage sedia ada yang digunakan oleh Unit/Bahagian telah pun mencapai kapasiti 95% penggunaan keseluruhan storan. Pada tahun ini, UTM telah melaksanakan perolehan NAS Storage bagi meningkatkan kapasiti storan sedia. Latihan konfigurasi NAS Storage telah diberikan oleh pihak syarikat kepada pentadbir NAS pada 13 November 2020 melalui sidang video Google Meet. Unit/Bahagian telah mula menggunakan NAS Storage ini bermula 18 November 2020.

6.0 Pembangunan CMS dan QR Code Bagi Kegunaan Kapsyen Pameran

Pameran Kuasa Emas merupakan pameran pertama di JMM yang menggunakan kaedah imbas QR Code menggunakan telefon pintar bagi mendapatkan maklumat kapsyen koleksi yang dipamerkan di pameran tersebut. Inisiatif seperti ini akan diperluaskan lagi di beberapa pameran dan muzium di bawah pentadbiran JMM secara berperingkat seperti yang telah dirancang dalam Pelan Strategik ICT JMM 2018-2022.

Platform CMS Drupal telah digunakan bagi menyimpan serta mengakses kandungan kapsyen bagi setiap koleksi yang didaftarkan. Platform tersebut telah dikonfigurasi secara dalaman oleh pihak UTM.

7.0 Pembangunan Kompetensi Warga JMM

NAMA KURSUS	TARIKH/ TEMPAT	PENERANGAN
Kursus Pembudayaan ICT@MyGovUC	14 - 17 Julai 2020 Makmal Komputer JMM	Objektif kursus ini dianjurkan adalah untuk meningkatkan kemahiran penggunaan myGovUC seperti Big Mail Transfer dan Persidangan Video melalui Skype For Business.
Taklimat Operasi ICT (Asas)	22 Julai 2020 Makmal Komputer JMM	Penceramah bagi kursus ini ialah Puan Zam Zarina binti Ishak, Encik Mohamad Khairie bin Malak dan Encik Thillaikumaran a/l Segaran. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan atas ICT kepada wakil Muzium-Muzium untuk melaksanakan sokongan khidmat pertama dan analisis masalah isu-isu ICT seperti rangkaian komputer, perkakasan dan perisian. Ini membolehkan perkara asas permasalahan ICT diselesaikan sendiri oleh Muzium-Muzium dengan lebih cepat. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Ummar bin Yusoff.



Pembangunan Kompetensi ICT JMM

8.0 Kajian dan Lawatan Pendigitalan Bahan Nadir

Satu lawatan ilmiah ke Arkib Negara Malaysia telah diadakan pada 28 Januari 2020. Lawatan ini bertujuan untuk melihat proses pendigitalan bahan nadir yang telah dilaksanakan di Arkib Negara Malaysia. Selain itu, lawatan ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai infrastruktur dan kaedah pendigitalan mengikut standard pendigitalan. Projek pendigitalan bahan nadir dirancang akan dilaksanakan pada tahun 2021 dimulakan dengan bahan nadir di Muzium Perak.



Lawatan Ke Arkib Negara Mengenai Pendigitalan Bahan Nadir

9.0 Pengemaskinian Set Data Terbuka Jabatan Muzium Malaysia

Bagi Tahun 2020, 25 set data terbuka JMM telah dikemaskini dalam portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) dan tiada pertambahan set data baharu. Dalam masa yang sama, pihak MAMPU telah menaik taraf portal tersebut yang menawarkan ciri-ciri seperti paparan yang lebih menarik, responsif, mesra pengguna dan ciri-ciri keselamatan portal yang telah ditingkatkan.

Senarai Set Data JMM Pada Tahun 2020

NO	SET DATA
1	Muzium-Muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia
2	Statistik Keseluruhan Pelawat Ke Muzium Di Bawah JMM Dari Tahun 2015-2019
3	Statistik Pelawat Luar Negara Ke Muzium Di Bawah JMM Dari Tahun 2015-2019
4	Statistik Pelawat Tempatan Ke Muzium Di Bawah JMM Dari Tahun 2015-2019
5	Statistik Pelawat 10 Negara Teratas ke Muzium Negara Dari Tahun 2015-2019
6	Khidmat Bantuan Konservasi Kepada Agensi Luar oleh Jabatan Muzium Malaysia
7	Statistik Permohonan Pelajar dan Penyelidik Luar di JMM Bagi Tahun 2016 hingga 2019
8	Statistik Pengunjung Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia
9	Senarai Penyelidikan Jabatan Muzium Malaysia Bagi Tahun 2015 hingga 2019
10	Senarai Program Bicara & Seminar Jabatan Muzium Malaysia Bagi Tahun 2015 hingga 2019
11	Senarai Buku Jualan Terbitan Jabatan Muzium Malaysia dari Tahun 1986 hingga 2019
12	Senarai Penerbitan Jabatan Muzium Malaysia Bagi Tahun 2015 hingga 2019
13	Senarai Jumlah Koleksi Artifak Yang Dipamerkan Oleh Muzium-muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia

NO	SET DATA
14	Statistik Jumlah Peserta Program Bermalam Di Muzium Bagi Tahun 2016 hingga 2019
15	Statistik Pelajar Latihan Industri Mengikut Institusi di Jabatan Muzium Malaysia
16	Statistik Konservasi Artifak oleh Jabatan Muzium Malaysia Dari tahun 2016 hingga 2019
17	Senarai Jurnal di Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia
18	Senarai Penganjuran Sambutan Hari Muzium Antragabangsa Peringkat Kebangsaan dari Tahun 199 hingga 2018
19	Senarai Pameran Utama Jabatan Muzium Malaysia Dari Tahun 2015 hingga 2019
20	Jumlah Terkumpul Artifak Jabatan Muzium Malaysia Mengikut Tahun Dari Tahun 2015 hingga 2019
21	Pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan Muzium Malaysia Dari Tahun 2015 hingga 2019
22	Senarai Kursus Anjuran Jabatan Muzium Malaysia dari Tahun 2015 hingga 2019
23	Statistik Pelawat 10 Negara Teratas ke Galeria Perdana
24	Statistik Pelajar Latihan Industri Di Jabatan Muzium Malaysia Tahun 2017 Hingga 2019
25	Senarai Artifak Warisan Kebangsaan

Pembekal Set Data | Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia
Jabatan Muzium Malaysia

Lihat lebih lanjut

Pengikut Set Data

0 25

T Pembekal Set Data

Jabatan Muzium Malaysia 25

K Kluster

Lain-lain 21

Bantuan 5

Statistik Kebangsaan 2

Set Data Profil

Cari Set Data...

25 set data dijumpai Siasun Mengikut: Nama (Susunan A ke Z) ▾

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA
Pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan Muzium Malaysia Dari Tahun 2015 Hingga 2017
Tarikh dicipta: 10 Oktober 2018 • Tarikh dikemaskini: 10 Ogos 2020
Pembekal Set Data: Jabatan Muzium Malaysia [\[XLSS\]](#)

SENARAI ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN
Senarai Artifak Warisan Kebangsaan
Tarikh dicipta: 3 Mei 2019 • Tarikh dikemaskini: 9 Julai 2020
Pembekal Set Data: Jabatan Muzium Malaysia [\[XLSS\]](#)

SENARAI BUKU JUALAN TERBITAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA
Senarai Buku Jualan Terbitan Jabatan Muzium Malaysia Dari Tahun 1986 Hingga 2018
Tarikh dicipta: 9 Oktober 2018 • Tarikh dikemaskini: 9 Jun 2020
Pembekal Set Data: Jabatan Muzium Malaysia [\[XLSS\]](#)

https://www.data.gov.my/data/ms_MY/organization/jabatan-muzium-malaysia

10. Khidmat Bantuan dan Naiktaraf Peralatan Persidangan Video

Pandemik COVID-19 bukan sahaja mengancam tahap kesihatan tetapi telah mengubah sama sekali cara dan gaya hidup manusia di seluruh dunia. Konsep Bekerja Dari Rumah telah mula dilaksanakan oleh kerajaan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hampir kesemua mesyuarat dilaksanakan secara dalam talian untuk mengurangkan risiko jangkitan. Warga JMM telah mengadaptasi normal baharu dari segi pelaksanaan kerja harian.

Unit Teknologi Maklumat memainkan peranan penting dalam perubahan cara bekerja ini dengan mengajar dan memberikan khidmat bantuan kepada kakitangan JMM mengenai penggunaan persidangan video menggunakan *Skype for Business* (SfB) di dalam perkhidmatan myGovUC. JMM telah menaiktaraf kebolehupayaan komputer dan laptop di JMM pada hujung tahun 2019 dengan pembekalan kamera terbina dalam komputer dan komputer riba serta mikrofon set kepala.

Secara keseluruhannya, kebanyakan mesyuarat, kursus serta taklimat berjaya dilaksanakan secara dalam talian. Peralatan khas sistem persidangan video yang lebih canggih dan terkini iaitu Logitech Rally Plus dan Logitech Pro telah diperolehi pada suku tahun ke empat 2020 untuk kegunaan mesyuarat atau persidangan yang lebih kompleks. Ia dilengkapi dengan kamera zoom automatik, telefon pembesar suara dan mikrofon bagi membantu pengguna berkomunikasi dan berkolaborasi dengan lebih baik.

11. Migrasi Perkhidmatan MyGovUC

Perkhidmatan 1GovUC telah berakhir tempoh perkhidmatannya pada 31 Disember 2020 dan perkhidmatan MyGovUC 2.0 berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2021. MyGovUC akan bertukar platform dan platform yang akan digunakan dalam MyGovUC 2.0 adalah IceWarp. IceWarp adalah merupakan produk yang menyediakan perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang merangkumi kemudahan e-mel, persidangan video dan audio, penghantaran mesej serta perkongsian fail.

12. Menyelenggara Aplikasi JMM

Sistem-sistem di JMM sentiasa dipantau dari masa ke masa bagi memastikan ianya boleh dicapai oleh pengguna dan berada pada tahap optimum sepanjang tahun. Antara sistem-sistem yang diselenggara secara dalaman adalah seperti berikut:

i. Sistem MUSECORE

Sistem ini telah bermula digunakan pada tahun 2015 oleh Bahagian Pengurusan Koleksi. Setakat Disember 2020, jumlah rekod di dalam Sistem MUSECORE ialah dianggarkan 39,800.

ii. Sistem Galeri Digital Foto JMM

Sistem ini telah mula digunakan bermula Januari 2018 oleh pemilik sistem iaitu Unit Sumber Media. Sehingga Disember 2019, sebanyak 8943 foto dan 67 video telah dimuatnaik oleh Unit Sumber Media.

iii. Sistem e-Latihan v2.0

iv. Sistem Tiket JMM

v. Sistem Helpdesk ICT

- vi. Sistem Penyimpanan Inventori Muzium Seni Bina (SPIM)
- vii. Sistem Kedatangan Biometrik
- viii. Sistem Perpustakaan (VTLS)
- ix. Sistem Pelawat Muzium
- x. Sistem Buku VOT
- xi. Sistem Intranet
- xii. Sistem MUSESOS

UNIT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA


Unit Pembangunan merupakan salah satu unit di bawah pentadbiran Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta. Bahagian ini dibahagikan kepada dua seksyen iaitu Unit Pembangunan dan Unit Pengurusan Harta yang diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah gred (S48) yang bertanggungjawab terus terhadap pentadbiran dan operasi kedua-dua seksyen ini.

1.0 Pencapaian Kerja Tahun 2020


BIL	RINGKASAN AKTIVITI / PROJEK	PETUNJUK PRESTASI (KUANTITI / KUALITI / MASA / KOS)	PENCAPAIAN SEBENAR
1.1 CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN DALAM RM KE-12 (2021-2025)			
1.1.1	Cadangan Pembangunan Muzium Alam Semulajadi Cadangan Pemulihan dan Pemuliharaan serta Peningkatan Prasarana Muzium DiRaja Cadangan Projek Pembangunan Semula Muzium Negara dan Penubuhan Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia Yang Baharu	Tempoh pelaksanaan Mac 2020: <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan dan pembentangan projek brief, CI dan CFM kepada Pengurusan Tertinggi JMM • Kemukakan projek brief, CI dan CFM ke MOTAC untuk dimasukkan ke dalam SPP II • Pembentangan kepada EPU sekiranya diuluskan di peringkat MOTAC • Pelaksanaan perolehan dan perkhidmatan perunding sekiranya mendapat kelulusan kerajaan. 	RM150,000,000.00(DE) RM40,000,000.00(DE) RM300,000,000.00(DE)
1.2 PENYELENGGARAAN			
1.2.1	Kerja Awam Kerja Elektrikal Kerja Mekanikal	66 projek 15 projek 20 projek	RM1,976,859.00 RM 912,005.00 RM 455,587.50 Jumlah = RM3,344,452.00
1.3 PENGURUSAN KONTRAK DAN PERJANJIAN			
1.3.1	Kebersihan dan Lanskap	12 kontrak, RM4,590,542.32	100%
1.3.2	Kawalan Keselamatan	5 kontrak, RM1,555,073.59	100%
1.3.3	Pest Control	6 kontrak, RM250,529.60	100%
1.3.4	Mesin Penyalin	9 kontrak, RM1,062,934.71	100%
1.3.5	Penyelenggaraan Sistem Elektrik Secara Bermasa	1 kontrak, RM166,250.00	100%

BIL	RINGKASAN AKTIVITI / PROJEK	PETUNJUK PRESTASI (KUANTITI / KUALITI / MASA / KOS)	PENCAPAIAN SEBENAR
1.3.6	Penyelenggaraan Sistem Penyamanan Udara Berkala	1 kontrak, RM201,914.00	100%
1.3.7	Penyewaan Bangunan (Jrp)	1 kontrak, RM239,580.00	100%
1.3.8	Sewaan Premis Jmm (Secara Kontrak)	1 kontrak, RM114,000.00	100%
1.4 PENGURUSAN FASILITI DAN RUANG			
1.4.1	Sewaan Ruang	1 (Auditorium JMM)	RM2,000.00

Kerja-kerja Penyelenggaraan Di Muzium/ Bahagian/ Unit



Pengurusan Perolehan



BAHAGIAN PENGURUSAN KOLEKSI

Bahagian Pengurusan Koleksi merupakan antara teras utama di Jabatan Muzium Malaysia yang bertanggungjawab mendukungi misi dan visi Jabatan iaitu memelihara, memulihara dan melindungi koleksi etnologi, arkeologi dan spesimen alam semula jadi negara. Bahagian Pengurusan Koleksi berperanan untuk mengumpul, menyimpan dan memelihara koleksi-koleksi ini dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti perolehan dan inventori koleksi, sistem perolehan data secara elektronik serta tatacara penyimpanan koleksi yang efisyen dan bersistematis.

Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti utama Bahagian Pengurusan Koleksi adalah merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Aktiviti perolehan dan pendaftaran artifak
- Pendokumentasian dan inventori koleksi artifak
- Pendaftaran koleksi artifak melalui sistem MUSECORE
- Perkhidmatan penyimpanan dan pengendalian koleksi di repositori utama dan muzium-muzium

Bahagian Pengurusan Koleksi juga terlibat dalam pelbagai jenis program Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang melibatkan kerjasama dalam pelaksanaan kerja di antara unit-unit di Bahagian Pengurusan Koleksi dan juga unit/bahagian lain di JMM sepanjang tahun 2020. Ini termasuklah:

- a. Pembungkusan dan pemindahan koleksi di muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia
- b. Naik taraf galeri dan muzium
- c. Pendokumentasian dan pembungkusan koleksi sempena pameran
- d. Pinjaman dan penyelidikan koleksi
- e. Khidmat nasihat kepada individu dan agensi berkaitan mengenai koleksi-koleksi di Jabatan Muzium Malaysia

1.0 Unit Perolehan Koleksi

Pada tahun 2020, Bahagian Pengurusan Koleksi telah melaksanakan beberapa aktiviti perolehan iaitu pendaftaran koleksi dan perolehan koleksi melalui kaedah pembelian dan hadiah.

1.1 Perolehan Koleksi

Unit Perolehan Koleksi bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan perolehan koleksi artifak melalui beberapa kaedah perolehan. Pada tahun 2020, kaedah perolehan koleksi adalah secara pembelian dan hadiah, yang mana jumlah keseluruhan koleksi yang diperolehi pada tahun semasa adalah seperti berikut:

KLASIFIKASI	PEMBELIAN	HADIAH	JUMLAH 1963 - 2020
Arkeologi	-	52	322,923
Etnologi	86	21	36,648
Spesimen Alam Semula Jadi	3	29	75,854
JUMLAH KESELURUHAN	89	102	435,425

Kaedah perolehan koleksi secara pembelian melibatkan perolehan harta kebudayaan sebanyak 89 koleksi yang merangkumi pelbagai kategori etnologi dan beberapa spesimen semulajadi. Ini termasuklah wayang kulit, tekstil, perhiasan diri, peralatan rumah, permainan tradisional dan spesimen ikan. Kaedah perolehan ini telah diterajui oleh Unit Perolehan Koleksi dan turut dibantu oleh pegawai dan staf dari unit-unit lain di Bahagian Pengurusan Koleksi. Manakala kaedah perolehan harta kebudayaan secara hadiah melibatkan sebanyak 102 koleksi yang merangkumi pelbagai kategori etnologi, spesimen alam semulajadi dan koleksi arkeologi.



Kerja-kerja perolehan harta kebudayaan secara pembelian

1.2 Pendaftaran Koleksi

Unit Perolehan Koleksi juga bertanggungjawab untuk melaksanakan proses pendaftaran koleksi Jabatan Muzium Malaysia. Aktiviti-aktiviti pendaftaran artifak termasuk pendaftaran koleksi arkeologi di Repozitori Utama, koleksi seramik kapal karam di Repozitori Bangi dan pendaftaran koleksi hadiah.



Kerja-kerja pendaftaran artifak

2.0 Unit Inventori Koleksi

Unit Inventori Koleksi membantu Bahagian Pengurusan Koleksi berperanan utama dalam kerja-kerja pendokumentasian koleksi yang diperolehi oleh Jabatan Muzium Malaysia dan penyediaan bahan koleksi bagi pencalonan Objek Warisan.

2.1 Pendokumentasian Koleksi

Pendokumentasian koleksi ini adalah bagi tujuan membekalkan maklumat koleksi bagi tujuan kemasukkan data ke dalam sistem MUSECORE. Kerja-kerja pendokumentasian ini melibatkan merekod data fizikal koleksi seperti saiz koleksi, warna, jenis koleksi, kerosakan (jika ada), bahan koleksi (yang utama sahaja) dan mengambil semula foto koleksi mengikut kaedah pendokumentasian koleksi yang standard. Bagi tahun ini, pendokumentasian koleksi tertumpu kepada koleksi perak dan koleksi kapal karam.

PENDOKUMENTASIAN KOLEKSI BAGI KEMASUKAN DATA KE DALAM SISTEM MUSECORE

Bil	Kategori Koleksi	Jumlah Koleksi
1.	Koleksi Perak	850 koleksi
2.	Koleksi Kapal Karam	1500 Koleksi
3.	Koleksi Galeria Perdana	3017 koleksi
4.	Koleksi Martaban bagi penyelidikan Bersama UM	44 koleksi

Unit Inventori Koleksi juga turut membantu untuk kerja perancangan pembungkusan dan pemindahan koleksi Muzium Sungai Lembing, dan projek naik taraf Galeria Perdana. Unit ini turut terlibat dalam pendokumentasian koleksi bagi pembelian perolehan Harta Kebudayaan Jabatan Muzium Malaysia.



Pendokumentasian Koleksi Martaban dengan kerjasama MEDM dan Muzium Seni Asia, UM



Antara koleksi sudu dari dari Kapal Karam Desaru yang dibuat pendokumentasian bagi tujuan mengemaskini rekod dan kemasukkan data MUSECORE



Kerja-kerja pengasingan dan pendokumentasian koleksi manik

2.2 Penyediaan Bahan Koleksi bagi Pencalonan Objek Warisan

Unit Inventori Koleksi turut bertanggungjawab untuk menyenaraikan beberapa cadangan koleksi untuk dicalonkan sebagai Objek Warisan. Bagi tahun 2020 ini, Jabatan Warisan Negara telah menetapkan sebanyak 5 koleksi yang boleh dicalonkan untuk Objek Warisan.

3.0 Unit Perkhidmatan Repositori

Selaras dengan objektif dan hala tuju Jabatan Muzium Malaysia dalam mengumpul serta memelihara Warisan Sejarah, Kebudayaan Alam Semulajadi Negara, Unit Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan sistem penyimpanan dan pengendalian koleksi secara sistematik dan terancang. Bagi memastikan koleksi di repositori berada dalam kondusif dan selamat, prosedur penyimpanan dan pengendalian perlu dilakukan secara lebih efisien berasaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh ICOM.

Antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan ialah:

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Program Penyusunan Semula Koleksi Matawang Kertas Di Bilik Kebal.	1 Februari - 30 Jun 2020
2.	Program Pembungkusan dan Pemindahan Koleksi Muzium Sungai Lembing, Pahang.	10 - 17 Ogos 2020
3.	Aktiviti Pembersihan dan Penyusunan Semula Koleksi di Repositori Bangi, Selangor.	18 - 28 Ogos 2020
4.	Program Penyelidikan dan Pengukuran Koleksi Martaban.	18 - 23 Ogos 2020
5.	Aktiviti Pendokumentasian dan Pembungkusan Koleksi di Kelantan bagi Pameran Kuasa Emas.	9 - 11 Oktober 2020

3.1 Program Penyusunan Semula Koleksi Mengikut Klasifikasi Koleksi Numismatik Di Bilik Kebal

Bermula 2 Januari hingga 30 Jun 2020 Unit Perkhidmatan Repotori telah mengambil inisiatif bagi menjalankan kerja-kerja menyemak, membuat penelitian dan penyusunan semula koleksi matawang kertas. Program ini dilaksanakan bagi mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah dirancang pada tahun 2020.

Objektif tugas

- Menaiktaraf sistem penyimpanan dan penyusunan semula koleksi terutamanya koleksi matawang kertas di Repotori Utama (Bilik Kebal) supaya lebih sistematik dan spesifik memandangkan koleksi ini sukar dikenal pasti dan tidak disusun dengan baik.
- Mengurangkan kepadatan susun atur koleksi matawang kertas di Repotori Utama (Bilik Kebal) bagi mewujudkan keadaan yang lebih kondusif dalam usaha memanjangkan jangka hayat koleksi tersebut.
- Menyediakan kaedah sokongan yang sesuai bagi koleksi matawang kertas supaya koleksi berada dalam keadaan lebih kondusif dan selamat dalam simpanan.
- Menyusun dan menempatkan koleksi matawang kertas mengikut pengelasan bahan untuk memudahkan kerja-kerja pengecaman koleksi bagi setiap jenis ke dalam album yang baru.
- Membuat pendokumentasian semula dan menyediakan katalog koleksi matawang kertas untuk tujuan rujukan dan pendokumentasian.

Jumlah keseluruhan koleksi matawang kertas yang telah dibuat penyusunan semula adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI KOLEKSI	JUMLAH
1.	Board of Commissioners Currency Malaya	107 Koleksi
2.	Board of Commissioners Currency Malaya & British Borneo	22 Koleksi
3.	The Government of the Straits Settlements	40 Koleksi
4.	The British North Borneo Company	72 Koleksi
JUMLAH KESELURUHAN KOLEKSI		241 Koleksi

Pelaksanaan Tugas



Pengasingan koleksi matawang kertas mengikut jenis



Penyedaan koleksi matawang kertas ke album baru



Penyemakan daftar buku perolehan matawang



Mengambil gambar dan ukuran koleksi



Penyediaan tag koleksi matawang kertas



Membuat sarung plastik matawang kertas



Penyediaan tag dan sarung plastik



Koleksi matawang kertas disimpan di dalam album baru untuk penyimpanan bilik kebal supaya lebih tersusun

3.2 Aktiviti Pembersihan Dan Penyusunan Semula Koleksi Di Repotori Bangi

Objektif tugas

- Kerja-kerja pembersihan dan penyusunan ini dilakukan untuk menjaga tahap kondisi koleksi sentiasa dalam keadaan baik dan menjadikan tempat simpanan koleksi negara dalam keadaan kondusif.
- Menyusun atur semula koleksi mengikut kesesuaian ruang dan mengoptimumkan ruang kerja Repotori Bangi.
- Melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh di ruang Repotori Bangi bagi mewujudkan persekitaran ruang simpanan koleksi yang kemas dan bersih.

Pelaksanaan Tugas Pembersihan Dan Penyusunan Semula Koleksi

- Kerja-kerja pengasingan koleksi dilakukan dahulu bagi mengenalpasti ruang dan jenis koleksi yang akan disusun berdasarkan kepada saiz, berat dan bentuk koleksi tersebut.
- Selepas pengasingan koleksi dilakukan, kerja-kerja pembersihan ruang simpanan koleksi dijalankan secara menyeluruh. Pembersihan tersebut melibatkan kepada pembersihan rak-rak koleksi, siling, lantai, ruang legar, tempat letak kereta dan kawasan persekitaran repositori Bangi.
- Setelah kerja pembersihan dilakukan, pengendalian koleksi dan susun atur semula koleksi dilaksanakan mengikut kesesuaian rak-rak koleksi dan ruang yang ada.



Mengambil gambar dan ukuran koleksi



Penyediaan tag koleksi matawang kertas



Membuat sarung plastik matawang kertas



Penyediaan tag dan sarung plastik



Koleksi matawang kertas disimpan di dalam album baru untuk penyimpanan bilik kebal supaya lebih tersusun

3.2 Aktiviti Pembersihan Dan Penyusunan Semula Koleksi Di Repotori Bangi

Objektif tugas

- Kerja-kerja pembersihan dan penyusunan ini dilakukan untuk menjaga tahap kondisi koleksi sentiasa dalam keadaan baik dan menjadikan tempat simpanan koleksi negara dalam keadaan kondusif.
- Menyusun atur semula koleksi mengikut kesesuaian ruang dan mengoptimumkan ruang kerja Repotori Bangi.
- Melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh di ruang Repotori Bangi bagi mewujudkan persekitaran ruang simpanan koleksi yang kemas dan bersih.

Pelaksanaan Tugas Pembersihan Dan Penyusunan Semula Koleksi

- Kerja-kerja pengasingan koleksi dilakukan dahulu bagi mengenalpasti ruang dan jenis koleksi yang akan disusun berdasarkan kepada saiz, berat dan bentuk koleksi tersebut.
- Selepas pengasingan koleksi dilakukan, kerja-kerja pembersihan ruang simpanan koleksi dijalankan secara menyeluruh. Pembersihan tersebut melibatkan kepada pembersihan rak-rak koleksi, siling, lantai, ruang legar, tempat letak kereta dan kawasan persekitaran repositori Bangi.
- Setelah kerja pembersihan dilakukan, pengendalian koleksi dan susun atur semula koleksi dilaksanakan mengikut kesesuaian rak-rak koleksi dan ruang yang ada.



Gambar sebelum dan semasa kerja pembersihan dan penyusunan koleksi



Gambar selepas kerja pembersihan dan penyusunan koleksi

3.3 Program Penyelidikan Dan Pengukuran Koleksi Martaban

Kerja-kerja pengendalian, penyelidikan dan pengukuran koleksi martaban dan tempayan di repositori Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah dilaksanakan pada 18, 19, 20, 22 & 23 September 2020 iaitu selama 5 hari. Program kerja ini sempena kerjasama penyelidikan antara pihak MEDM & Muzium Seni Asia melibatkan pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Pengurusan Koleksi dan turut disertai oleh Bahagian Pengurusan Konservasi dan kakitangan Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM).

Objektif Tugasan

- Melaksanakan kerja-kerja pengendalian, penyelidikan dan pengukuran koleksi dilaksanakan berasaskan memorandum persefahaman (MOU) di antara Jabatan Muzium Malaysia (Muzium Etnologi Dunia Melayu) dan Universiti Malaya (Muzium Seni Asia) bagi penyelidikan martaban dan tempayan di repositori JMM.
- Perlaksanaan kerja-kerja pengendalian, penyelidikan dan pengukuran koleksi martaban ini melibatkan 44 sampel martaban dan tempayan.
- Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti pengendalian, pengukuran, timbang berat, penyelidikan motif dan pengambilan gambar koleksi martaban dan tempayan tersebut.



3.4 Maklumat Rekod Konservasi Artifak Bagi Tahun 2020

Sehingga Oktober 2020, Unit Perkhidmatan Repositori telah meneliti dan menghantar sejumlah koleksi artifak ke Bahagian Pengurusan Konservasi bagi tujuan konservasi dan presevasi terhadap artifak berkenaan. Ianya bagi memastikan koleksi artifak yang berada dalam simpanan repositori sentiasa berada dalam keadaan kondusif, terpelihara dan jangka hayatnya boleh dilanjutkan.

Jadual berikut menunjukkan jumlah bilangan koleksi artifak yang telah diteliti, disemak dan dihantar ke Bahagian Pengurusan Konservasi:

BIL	KATEGORI KOLEKSI	JUMLAH
1.	Januari	129
2.	Februari	693
3.	Mac	169
4.	April	-
5.	Mei	-
6.	Jun	6
7.	Julai	-
8.	Ogos	14
9.	September	78
10.	Oktober	13
11.	November	-
12.	Disember	-
JUMLAH KESELURUHAN		1,102

4.0 Unit Arkib Dan Pendaftaran Elektronik

Objektif utama Unit Arkib & Pendaftaran Elektronik adalah menguruskan penyimpanan dan pengumpulan yang berkualiti dan sistematik berkaitan semua maklumat-maklumat serta bahan-bahan yang penting dari Bahagian Pengurusan Pendaftaran Koleksi yang merupakan maklumat warisan harta kebudayaan, sekaligus melaksanakan proses pinjaman bagi pameran, seminar, ceramah dan sebagainya.

4.1 Sistem Pendaftaran Koleksi secara Elektronik MUSECORE

Unit Arkib dan Pendaftaran Elektronik telah mensasarkan sebanyak 10,000 data koleksi yang perlu dimasukkan ke dalam sistem MUSECORE JMM sepanjang tahun 2020. Namun disebabkan wabak COVID-19 yang telah melanda Malaysia bermula Mac 2020 dan tindakan kerajaan melalui pencegahan wabak tersebut seperti PKP, PKPP serta PKPB menyulitkan lagi pelaksanaan MUSECORE seperti yang telah dirancang dan disasarkan. Disebabkan pelaksanaan MUSECORE ini memerlukan penggunaan rangkaian kawasan setempat (LAN), maka pelaksanaan tersebut sulit serta sukar.

Justeru jabatan telah membuat keputusan untuk menurunkan sasaran MUSECORE dari 10,000 kepada 5,000 pada tahun 2020. Walaupun menghadapikekangan masa dan tenaga, Unit Arkib dan Pendaftaran Elektronik telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan dengan bantuan dan kerjasama dari unit-unit lain dari Bahagian Pengurusan Koleksi. Pencarian maklumat bagi kerja-kerja memasukkan data dalam sistem MUSECORE lebih tertumpu kepada 'Ordinary Spoon' dari kapal karam Desaru.



4.2 Bilik Dokumen/Fail BPK

Penyelaras dan penyusunan fail-fail Perolehan Harta Kebudayaan di Stor Transit Aras 1 JMM telah terlaksana sepenuhnya. Fail-fail tersebut bermula dari tahun 1962 hingga 2016. Bagi tahun 2020 ini, kerja-kerja mengemaskini bagi lima tahun fail PHK telah dilaksanakan iaitu PHK 2006 hingga PHK 2010. Kerjakerja mengemaskini maklumat serta isi kandungan fail-fail PHK akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi membantu memudahkan carian maklumat berkenaan sesuatu koleksi pada masa hadapan.

Fail-fail PHK yang telah dimasukkan ke dalam kotak dan disusun pada rak mengikut tahun.



4.3 Penyelidikan dan Pinjaman

4.3.1 Penyelidikan

Statistik penyelidikan adalah seperti berikut:

PENYELIDIKAN	AGENSI/INSTITUSI/JABATAN	KOLEKSI	LAIN-LAIN	CATATAN (RUJUKAN/SEBAB)
AGENSI LUAR	Muzium Petaling Jaya	-	MUSECORE	Taklimat
	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM)	-	Collection Management Software	Lawatan/Taklimat
	Muzium dan Galeri Seni Asia	-	MUSECORE	Taklimat
	Muzium PDRM	-	MUSECORE	Taklimat
INSTITUSI	U.I.T.M Shah Alam (Pelajar P.H.D)	Kain Songket	-	Tesis
	Universiti Malaya (Pelajar P.H.D))	-	A Framework of Digital Archive for Immoveable	Dokumentasi
	U.I.T.M Shah Alam (Pelajar Pascasiswazah)	-	Case Study in Museum	Temubual
JMM	-	-	-	-
JUMLAH	7	1	6	7



Lawatan dari Muzium Petaling Jaya



Lawatan dari Muzium Seni Asia (UM)



Penyelidikan tekstil songket oleh pelajar UiTM (PHD)



4.3.2 Pinjaman

Pinjaman koleksi terbahagi kepada dua (2) iaitu pinjaman koleksi dari Jabatan Muzium Malaysia dan pinjaman koleksi dari agensi luar oleh Jabatan Muzium Malaysia

AGENSI LUAR	JUMLAH KOLEKSI	INSTITUSI	JUMLAH KOLEKSI	JMM	JUMLAH KOLEKSI
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	9	-	-	Muzium Tekstil Negara Muzium Negara Bhgn Komunikasi Korporat Muzium Muzik M.E.D.M Bhgn. Pameran & Pengembangan Muzium Perak	162 81 4 4 22 4 25
	1	9	-	-	302

Pinjaman Koleksi dari Jabatan Muzium Malaysia

PERKARA	AGENSI LUAR	Jumlah Koleksi	INSTITUSI	Jumlah Koleksi	JMM	Jumlah Koleksi
Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik	Institut Penyelidikan Perubatan Pusat Kawalan Kusta Negara (Hospital Sungai Buloh)	6 14	-	-	Muzium Alam Semula Jadi Muzium Seni Kraf Orang Asli	5 6
	JUMLAH	2	20	0	2	11

Pinjaman Koleksi dari Agensi Luar oleh Jabatan Muzium Malaysia

4.3.3 Naziran Koleksi

Naziran koleksi dilaksanakan sebagai pemantauan terhadap kedudukan dan keberadaan serta jumlah koleksi Jabatan Muzium Malaysia di tempat yang sepatutnya seperti yang telah dimasukkan ke dalam sistem MUSECORE JMM.

5.0 Aktiviti-aktiviti Semasa

Bahagian Pengurusan Koleksi juga terbabit dengan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan kerjasama unit-unit di Bahagian Pengurusan Koleksi dan juga dari bahagian-bahagian lain di Jabatan Muzium Malaysia. Antara aktiviti-aktiviti utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Projek pembungkusan dan pemindahan koleksi Muzium Sungai Lembing, Pahang
- Aktiviti pendokumentasian dan pembungkusan koleksi di Kelantan sempena Pameran Kuasa Emas
- Pembungkusan dan pemulangan koleksi Cambodia dan Indonesia dari pameran Lost Kingdom

5.1 Projek Pembungkusan Dan Pemindahan Koleksi Muzium Sungai Lembing, Pahang Pada 10 – 16 Ogos 2020

Projek yang diterajui oleh Unit Perkhidmatan Repositori ini turut dibantu oleh semua unit di Bahagian Pengurusan Koleksi dan juga Bahagian Pengurusan Konservasi.

Objektif

- a. Melaksanakan kerja-kerja pembungkusan dan pemindahan koleksi (Fasa 1) dan kerja-kerja pengisian semula koleksi (Fasa 2) sebelum dan selepas projek pemuliharaan dan pemberaan di Muzium Sungai Lembing dijalankan.
- b. Perlaksanaan kerja-kerja pembungkusan dan pemindahan koleksi ini dilaksanakan untuk memudahkan pihak kontraktor menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan pemberaan di Muzium Sungai Lembing.
- c. Memudahkan Bahagian Pengurusan Konservasi untuk melaksanakan kerja-kerja konservasi artifak / koleksi bagi proses pemuliharaan artifak / koleksi selepas pembungkusan dan pemindahan koleksi (Fasa 1) dan kerjakerja pengisian semula koleksi (Fasa 2) di galeri Muzium Sungai Lembing.

Pelaksanaan Kerja

- a. Membuat Semakan Senarai Inventori Koleksi
Aktiviti ini melibatkan proses semakan semula koleksi berdasarkan inventori yang telah sedia ada mengikut segmen dan juga peti parmeran.



Kerja-kerja semakan inventori koleksi yang diselia oleh unit Inventori



Taklimat penulisan kapsyen dan perancangan pemindahan koleksi Muzium Sungai Lembing sebelum kerja-kerja naik taraf dimulakan



- b. Kerja-kerja Penilaian Kondisi Artifak
Semua koleksi yang dipamerkan di dalam peti pameran dikeluarkan untuk dibuat penilaian kondisi. Proses kerja ini dilakukan dengan cermat dan teliti bagi menilai keadaan koleksi berada dalam keadaan baik atau sebaliknya.



- c. Kerja-kerja Pembungkusan Koleksi

Proses kerja ini dilakukan setelah selesai kerja-kerja penilaian kondisi artifak dilakukan. Setiap koleksi dibungkus dengan "acid free paper" atau "bubble wrap" dan di balut dengan "plastic wrap". Kemudian di masukkan ke dalam kotak atau "toyogo". Proses kerja ini dilakukan dengan cermat bagi memastikan koleksi tidak terdedah kepada sebarang risiko kerosakan semasa kerja-kerja pemindahan dijalankan ke bangunan EB2.



- d. Kerja-kerja Pemindahan Koleksi

Semua koleksi yang telah siap dibungkus, diangkat ke bangunan EB2 dengan menggunakan kenderaan pacuan 4 roda (*Toyota Hilux*). Kotak dan toyogo yang mengandungi koleksi dipindahkan ke bangunan EB2 dan disusun mengikut segmen galeri pameran yang asal bagi memudahkan kerja-kerja penyemakan koleksi dilakukan oleh pihak Muzium Sungai Lembing.



Jumlah Koleksi yang terlibat

Senarai koleksi yang telah dilaksanakan kerja-kerja pembungkusan dan pemindahan

BIL	PERKARA	KUANTITI
1.	Koleksi yang disimpan dalam peti besi MSL	3
2.	Koleksi yang disimpan dalam "Toyogo" / Kotak	269
3.	Koleksi yang dibungkus dengan "bubble wrap" dan "plastic wrap"	195
4.	Koleksi Tambahan (tiada dalam senarai inventori)	40
JUMLAH KESELURUHAN KOLEKSI		507

Senarai koleksi yang disimpan dalam peti besi Muzium Sungai Lembing

BIL	NAMA KOLEKSI	KUANTITI	GALERI / SEGMENT ASAL
1.	Sampel Batuan – Amethyst	1	
2.	Sampel Batuan – Agate	1	Galeri 6: Segmen Geologi & Geomorfologi
3.	Sampel Batuan – Rose Quartz	1	
JUMLAH KESELURUHAN		3	

5.2 Aktiviti Pendokumentasian dan Pembungkusan Koleksi di Kelantan Sempena Pameran Kuasa Emas

Bahagian Pengurusan Koleksi telah diberi tanggungjawab untuk membuat pemilihan koleksi bagi tujuan pengisian Pameran Kuasa Emas yang telah berlangsung pada November 2020 bertempat di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia. Justeru itu bahagian ini telah membuat pinjaman koleksi daripada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan orang perseorangan iaitu Encik Armazawi bin Ahmad bagi melengkapkan jalan cerita dan tema pameran. Sehubungan dengan itu, satu gerak kerja yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Koleksi telah diadakan untuk tujuan pinjaman koleksi tersebut di Kota Bharu, Kelantan pada 9 hingga 11 Oktober 2020.

Objektif

- Membuat pemilihan koleksi bagi tujuan pengisian Pameran Kuasa Emas yang telah berlangsung pada November 2020 bertempat di Galeri 1 Jabatan Muzium Malaysia.
- Gerak kerja ini melibatkan proses-proses kerja pendokumentasian, inventori dan pembungkusan koleksi untuk dibawa ke Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Pelaksanaan Kerja

- a. Pendokumentasian melibatkan kerja-kerja mengambil gambar setiap koleksi untuk tujuan rekod dan juga rujukan bagi melengkapkan data atau kapsyen koleksi yang akan di pamerkan. Inventori pula melibat proses kerja mengambil ukuran yang tepat dan juga sebarang maklumat setiap koleksi untuk tujuan rekod dan pendokumentasian. Rekod dan maklumat koleksi ini juga turut digunakan untuk proses pinjaman koleksi bagi melengkapkan Borang Pinjaman Koleksi JMM.



- b. Pembungkusan Koleksi

Kerja – kerja pembungkusan koleksi dilakukan setelah selesai dibuat inventori dan pendokumentasian. Pembungkusan koleksi ini perlu dilakukan dengan baik dan sempurna bagi memastikan koleksi tidak menghadapi risiko kerosakan ketika dalam perjalanan.



5.3 Pembungkusan Dan Pemulangan Koleksi Cambodia Dan Indonesia Dari Pameran Lost Kingdom

Pembungkusan dan pemulangan koleksi dari Pameran Lost Kingdom melibatkan lima (5) koleksi dari Muzium Nasional Cambodia dan Sembilan (9) koleksi dari Muzium Nasional Indonesia. Projek ini yang diterajui oleh Puan Izma Syahida, ketua unit Inventori Koleksi dan melibatkan kerjasama dari unit-unit lain di Bahagian Pengurusan Koleksi, Bahagian Pengurusan Konservasi dan Unit Dasar.



Lawatan dan Sesi Taklimat Pemulangan Koleksi Kepada Delegasi dari Kemboja.



BAHAGIAN PENGURUSAN KONSERVASI

Bahagian Pengurusan Konservasi bertanggungjawab membantu Jabatan dalam memelihara dan memulihara koleksi artifak dari ancaman dan kerosakan mengikut piawaian konservasi. Kerja pemeliharaan dan pemuliharaan artifak dilaksanakan secara preventif dan kuratif mengikut kategori artifak dari bahan organik, bukan organik dan komposit bagi tujuan pemeran, simpanan, penyelidikan dan Pendidikan. Selain itu, pemantauan secara berkala di Muzium-Muzium dibawah Jabatan Muzium Malaysia dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan artifak. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti konservasi seperti lawatan, kursus dan latihan, khidmat nasihat serta program-program konservasi kepada masyarakat sekaligus menjadi pusat rujukan utama berkenaan konservasi.

Bagi mendokong objektif dan fungsi bahagian, Bahagian Pengurusan Konservasi dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Konservasi Bahan Organik, Unit Konservasi Bahan bukan Organik dan Unit Konservasi Preventif. Berikut merupakan perincian berkenaan setiap fungsi unit di Bahagian Pengurusan Konservasi:

UNIT	BAHAN ORGANIK	BAHAN BUKAN ORGANIK	PREVENTIF
FUNGSI	Merancang dan melaksanakan kerja-kerja konservasi artifak organik seperti kayu, tekstil dan kertas	Merancang dan melaksanakan kerja-kerja konservasi artifak bukan organik seperti logam dan seramik.	Melaksanakan pemantauan persekitaran artifak di repositori dan galeri melibatkan pemantauan suhu, kelembapan bandingan, cahaya, makhluk perosak dan pengurusan bencana.
FUNGSI BERSAMA	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelidikan • Pendokumentasian • Lawatan • Khidmat Nasihat • Kursus/Latihan • Program Konservasi 		

Perincian Fungsi Bahagian Pengurusan Konservasi

1.0 Konservasi Artifak Secara Kuratif

Konservasi artifak secara kuratif merupakan satu tindakan dan proses secara langsung ke atas artifak bahan organik atau bahan bukan organik bagi tujuan menghentikan atau meminimakan kerosakan dengan menggunakan bahan dan peralatan tertentu oleh Konservator yang terlatih di Bahagian Pengurusan Konservasi.

Sebanyak 968 artifak telah menjalani proses ini sepanjang tahun 2020 mengikut kategori bahan iaitu bahan organik dan bahan bukan organik. Berikut merupakan senarai bilangan artifak yang telah menjalani proses konservasi artifak secara kuratif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020:

BULAN	BAHAN ORGANIK	BAHAN BUKAN ORGANIK	JUMLAH
JANUARI	22	4	26
FEBRUARI	31	9	40
MAC	1	3	4
APRIL	0	0	0
MEI	3	1	4
JUN	2	1	3
JULAI	101	105	206
OGOS	1	14	15
SEPTEMBER	10	34	44
OKTOBER	7	616	623
NOVEMBER	1	2	3
DISEMBER	0	0	0
JUMLAH			968

Jumlah konservasi artifak secara kuratif mengikut kategori bahan iaitu bahan organik dan bukan organik yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020

Berikut merupakan lampiran gambar aktiviti proses konservasi artifak secara kuratif oleh Konservator Bahagian Pengurusan Konservasi:



Hosekeeping dan pembersihan artifak di Segmen Senjata Muzium Etnologi Dunia Melayu



Pembersihan artifak luar yang dipamerkan di Muzium Negara di antaranya adalah Kereta Bomba Dennis

2.0 Konservasi Artifak Secara Preventif

Konservasi artifak secara preventif merupakan satu tindakan bagi memastikan agar koleksi artifak sentiasa dalam keadaan yang baik dan terlindung dari risiko kerosakan oleh agen-agen kerosakan pada artifak. Antara tindakan yang diambil oleh unit preventif adalah membuat penilaian kondisi kepada setiap artifak samada di dalam makmal, repositori atau di galeri bagi memastikan tahap kondisi setiap artifak stabil atau tidak. Selain itu, aktiviti seperti fumigasi artifak, membuat mount dan sokongan juga adalah di antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah unit preventif.

Sebanyak 865 artifak telah menjalani proses fumigasi, mount dan sokongan serta 1658 artifak telah dilakukan penilaian kondisi. Berikut merupakan bilangan konservasi artifak secara preventif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020:

BULAN	FUMIGASI	MOUNT	SOKONGAN	PENILAIAN KONDISI
JANUARI	-	2	2	27
FEBRUARI	700	-	-	50
MAC	159	-	-	62
APRIL	-	-	-	-
MEI	-	-	-	-
JUN	-	2	-	131
JULAI	-	-	-	79
OGOS	-	-	-	498
SEPTEMBER	-	-	-	138
OKTOBER	-	-	-	672
NOVEMBER	-	-	-	-
DISEMBER	-	-	-	1
JUMLAH	865			1658

Jumlah artifak yang menjalani proses konservasi secara preventif

Berikut merupakan lampiran gambar proses konservasi artifak secara preventif oleh Konservator Bahagian Pengurusan Konservasi:



Penilaian Kondisi Perahu Kulit Kayu di Muzium Nelayan



Proses Fumigasi menggunakan RP Agent bagi koleksi kain Perca Batik

3.0 Lawatan

Lawatan merupakan salah satu fungsi bahagian ini dan ianya merupakan satu kunjungan dari Jabatan, agensi, persatuan, institusi Pendidikan dan individu-individu ke Bahagian Pengurusan Konservasi bagi mengkaji, mempelajari dan memahami kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan artifak dan kepentingannya kepada negara. Sepanjang tahun 2020, hanya tiga (3) lawatan sahaja diterima iaitu pada bulan Januari dan September. Lawatan adalah sangat terhad pada tahun ini disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Berikut merupakan senarai lawatan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020:

BULAN	PERKARA	MUZIUM/AGENSI	JUMLAH PELAWAT
JANUARI	Lawatan kerja rasmi	Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM)	5
SEPTEMBER	Lawatan Radio Era FM	Radio Era FM	3
	Lawatan Kerja Rasmi	Muzium Sarawak	5
JUMLAH			13 orang

Jumlah lawatan di Bahagian Pengurusan Konservasi

Berikut merupakan lampiran gambar aktiviti lawatan di Bahagian Pengurusan Konservasi:



Lawatan dari Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM)



Rakaman berkeraan cara kerja Konservasi artifikat bersama Radio Era

4.0 Kursus dan Latihan

Kursus dan latihan adalah proses pembelajaran mengenai kerja-kerja konservasi artifak yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Konservasi kepada umum. Hal ini termasuk kursus atau bengkel konservasi artifak dan penempatan sementara pegawai, kakitangan, dan pelajar dari agensi luar dan institusi Pendidikan bagi tujuan latihan dan pendidikan.

Berikut merupakan senarai kursus dan latihan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020:

BULAN	KURSUS/LATIHAN (PENEMPATAN)	NAMA KAKITANGAN/PELAJAR	TARIKH
JANUARI	Penempatan kakitangan Agensi dari Muzium Kedah	i. Encik Anuar bin Ahmad ii. Encik Amri bin Ahmad	14-17 Jan 2020
	Career Talk: Conservation #Museumlife	Pelajar UIA	24 Feb 2020
FEBRUARI	Penempatan Pelajar Praktikal dari Universiti Malaysia Kelantan	i. Nur Akmar Hidayah binti Mohd Harun ii. Nor Syafiqah binti Ahmad Saidi	17 Feb - 18 Jun 2020
	Bengkel Penilaian Kondisi	Peserta JMM Wilayah	8-10 Ogos 2020
OGOS	Kursus Konservasi Persenjataan Era Perang Dunia Kedua	Peserta Luar	24-28 Ogos 2020
	JUMLAH		5

Jumlah kursus dan latihan oleh Bahagian Pengurusan Konservasi

Berikut merupakan lampiran gambar kursus dan latihan oleh Bahagian Pengurusan Konservasi:



5.0 Khidmat Nasihat

Khidmat nasihat adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Konservasi berdasarkan kepada permohonan oleh individu, agensi dan institusi. Aktiviti ini merangkumi khidmat nasihat berkenaan penilaian kondisi, kerja-kerja konservasi, sokongan artifak, serta pelbagai aspek yang harus dititikberatkan dalam pengurusan artifak di galeri dan repositori.

Berikut merupakan senarai khidmat nasihat oleh Bahagian Pengurusan Konservasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020:

BULAN	TARIKH	TUGASAN/PROJEK	TEMPAT
JANUARI	29-31 Jan 2020	Penilaian Kondisi Artifak Perahu	Muzium Nelayan, Tanjung Balau, Johor
	31 Jan 2020	Pemeriksaan Sokongan Artifak	Muzium Kota Johor Lama
	7-9 Feb 2020	Penilaian Kondisi Dan Pembungkusan Artifak Yang Dipinjamkan Kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	Galeria Perdana, Langkawi
FEBRUARI	12-14 Feb 2020	Penilaian Kondisi Bagi Konservasi Batu Nisan Aceh Makam Cik Siti Aminah Tandang Masyur	Yayasan Warisan Johor Dan Muzium Kota Tinggi
	19-21 Feb 2019	Penilaian Kondisi Bagi Konservasi Artifak Barang Tembaga	Galeri Melayu Pulau Pinang, Georgetown
	20 Feb 2020	Naziran Kawalan Persekitaran	Muzium Tekstil Negara
MAC	2-4 Mac 2020	Penilaian Kondisi Buku Nadir (Muzium Perak) & Pemantauan Muzium Matang	Muzium Perak & Muzium Matang
	11 Mac 2020	Penilaian Kondisi Jet Pejuang Skyhawk	Muzium Kelantan
JUN	9 Jun 2020	Penilaian Kondisi Di Segmen Senjata	Muzium Etnologi Dunia Melayu
	16 Jun 2020	Site Visit Dan Pemasangan Gent Stack (Kajian Udara) Di Muzium Lukut	Muzium Lukut
	29-30 Jun 2020	Pemantauan Konservasi Meriam Di Pulau Pinang	Fort Cornwallis, P. Pinang
JULAI	6 - 11 Julai 2020	Konservasi Jumpaan 5 Laras Meriam	Fort Cornwallis, P. Pinang
	7 - 11 Julai 2020	Konservasi Artifak Di Muzium Kota Kayang	Muzium Kota Kayang
	15 -17 Julai 2020	Jemputan Ceramah Permuzeuman	Universiti Sains Malaysia, Usm
	22 Julai 2020	Lawatan & Perbincangan Berkaitan Kursus Persenjataan	Muzium Tentera, Port Dickson
	20 Julai 2020	Penghantaran Jumpaan Senjata Bagi Tujuan Persampelan	Agensi Nuklear Malaysia
OGOS	28 Julai 2020	Perbincangan Berkaitan Aktiviti 2022	Agensi Nuklear Malaysia
	29 Julai 2020	Naziran Kawalan Persekitaran	Muzium Automobil
	<ul style="list-style-type: none"> • 3-7 Ogos 2020 • 3-14 Ogos 2020 	Konservasi 6 Artifak Luar Di Muzium Perak, Taiping	Muzium Perak
	11 Ogos 2020	Pemasangan Gent Stack Di Repository Muzium Lukut	Muzium Lukut

BULAN	TARIKH	TUGASAN/PROJEK	TEMPAT
SEPTEMBER	23 Sept 2020	PGNAA Test Bagi Piala HMS Malaya	Agenzia Nuklear Malaysia
	25 Sept 2020	Ujian Radiografi Bagi Piala HMS	Agenzia Nuklear Malaysia
OKTOBER	2-9 Oktober 2020	Kerja-Kerja Penilaian Kondisi Dan Konservasi Bagi Naiktaraf Galeri 2, Muzium Lembah Bujang.	Muzium Lembah Bujang, Kedah
JUMLAH			23

Jumlah khidmat nasihat oleh Bahagian Pengurusan Konservasi

Berikut merupakan lampiran gambar aktiviti khidmat nasihat oleh Bahagian Pengurusan Konservasi:



Lawatan Kerja Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi Buku Nadir bersama Arkib Negara Malaysia di Muzium Perak.



Naziran Kawalan Persekutuan di Muzium Tekstil Negara



Pemantauan Konservasi Meriam di Fort Cornwallis, Pulau Pinang bersama Agenzia Nuklear Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan Muzium Pulau Pinang



Khidmat Konservasi dan Lawatan Rasmi Menteri di Muzium Kota Kayang, Perlis



Ujian Radiografi ke atas Piala HMS Malaya dengan kerjasama Agenzia Nuklear Malaysia



Menguji ketulenan artifak emas menggunakan Teknik XRF dengan kerjasama Agenzia Nuklear Malaysia



LAPORAN **SEKTOR PERMUZUMAN**

The background features a complex, abstract graphic composed of numerous blue-toned geometric shapes, including triangles and rectangles, arranged in a way that suggests depth and movement. The colors range from dark navy to bright cyan, creating a dynamic visual effect against the dark blue background.

LAPORAN SEKTOR PERMUZIUMAN

Sektor Permuziuman merupakan sektor yang bertanggungjawab merancang dan memantau aktiviti/program yang dijalankan oleh muzium-muzium persekutuan yang diketuai oleh Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof. Sektor Permuziuman adalah terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

- bertanggungjawab dalam mempromosi dan memasarkan 22 buah Muzium di bawah JMM dan semua Pameran/Program/Aktiviti yang diadakan sepanjang tahun.

BAHAGIAN PAMERAN DAN PENGEMBANGAN

- bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program khidmat nasihat pameran, program outreach (pengembangan) dan program pendokumentasian dalam bentuk fotografi dan video.
- terdiri daripada Unit Perkhidmatan Muzium, Unit Pendidikan Muzium dan Unit Sumber Media.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI

- memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Jabatan Muzium Malaysia iaitu bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan program penyelidikan di Jabatan, meningkatkan hasil penyelidikan dalam bidang sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi serta penerbitan hasil penyelidikan sebagai koleksi Jabatan dan sebagai sumber rujukan penyelidik.
- melibatkan Unit Penyelidikan, Unit Penerbitan dan Dokumentasi serta Unit Perpustakaan.

22 BUAH MUZIUM DIBAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

- terdiri daripada Muzium Negara, Muzium Alam Semulajadi, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Tekstil Negara, Muzium Perak, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Kota Kayang, Muzium Adat, Muzium Sg. Lembing, Muzium Seni Bina Malaysia, Muzium Seni Kraf Orang Asli, Muzium Kota Kuala Kedah, Galeria Perdana, Muzium Diraja, Muzium Automobil Nasional, Muzium Matang, Muzium Kota Johor Lama, Muzium Lukut, Muzium Muzik, Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2020 BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Tahun 2020 agak mencabar disebabkan COVID-19, namun sebahagian daripada program dan aktiviti yang telah dirancang tetap dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP), dan sebahagian program digantikan dengan program secara atas talian.

Kejayaan ini menggalakkan JMM mempergiatkan program/aktiviti berkonsepkan perkongsian info muzium mahupun pertandingan secara atas talian. Inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan dilihat sebagai satu kaedah terbaik untuk terus menggerakkan program/aktiviti permuziuman meskipun muzium-muzium tidak dapat beroperasi seperti biasa dalam tempoh ini. Malah, ia juga wajar dilihat sebagai satu peluang yang harus dimanfaatkan untuk menyebarluas apa sahaja info yang berkaitan dengan permuziuman bagi mengisi waktu terluang orang ramai sempena #dudukrumah di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

1.0 Program Dan Aktiviti

1.1 Majlis Perasmian Negara Kota Yang Hilang, Pameran Pesona & Pelancaran Kalendar Acara JMM 2020

Tarikh : 29 Januari 2020 (Rabu)
 Lokasi : Dataran Muzium Negara
 Anjuran/Kerjasama : Jabatan Muzium Malaysia
 Objektif :

- i. Mempromosikan pameran terkini, pameran utama/program/aktiviti yang telah dirancang oleh JMM dan muzium-muzium di bawahnya untuk sepanjang tahun 2020.
- ii. Satu usaha JMM dalam merealisasikan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang memfokuskan kepada tarikan pelancong.

Majlis Perasmian Pameran Negara Kota Yang Hilang, Pameran Pesona Malaysia dan Pelancaran Kalendar Acara JMM ini berlangsung dengan meriahnya pada 29 Januari 2020, bertempat di Dataran Muzium Negara untuk mempromosikan pameran-pameran terkini yang sedang berlangsung di Galeri JMM dan keseluruhan program/aktiviti tahunan JMM. Pameran Negara Kota Yang Hilang atau 'The Lost Kingdom' telah dibuka kepada orang ramai bermula 4 Disember 2019 hingga 16 Mac 2020. Manakala Pameran Pesona Malaysia pula telah dibuka mulai 25 Disember 2019 hingga 29 Februari 2020. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Turut hadir ialah YBrs. Encik Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha MOTAC, YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), pegawai-pegawai kanan MOTAC, Muzium dan Agensi, Pengarah-Pengarah Muzium Negeri, pengamal media dan ramai lagi.

Pada tahun ini JMM merancang sebanyak **125** program dan aktiviti, termasuk **15** program utama antara pameran utama yang dijangka mendapat sambutan hangat ialah Pameran Firaun, Pameran Alam Paranormal: Retorik Budaya dan Mitos, Pameran Taxidermist, Pameran Ular dan lain-lain lagi. Tetamu kenamaan seterusnya dibawa melawat dan merasmikan kedua-dua pemeran tersebut. Majlis diakhiri dengan perasmian Muzima Kafe oleh KSU MOTAC diikuti jamuan hidangan minum petang. Majlis berakhir pada jam 5.00 petang.



1.2 Program Semarak Muzium @ Muzium Seni Kraf Orang Asli

Tarikh : 14 & 15 Mac 2020 (Sabtu & Ahad)

Lokasi : Laman Istana 1, Muzium Negara

Anjuran/Kerjasama : Jabatan Muzium Malaysia

Objektif :

- i. Memperkenalkan dan memberi pengetahuan kepada orang ramai berkaitan adat dan budaya, kehidupan masyarakat Orang Asli.
- ii. Mendekatkan masyarakat dengan kaum orang asli, mempromosikan Muzium Seni Kraf Orang Asli, juga muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM serta program/pameran utama JMM pada tahun 2020 kepada orang ramai.

Program Semarak Muzium @ Muzium Seni Kraf Orang Asli merupakan acara tahunan dan *signature* program JMM. Program ini sering mendapat sambutan luar biasa daripada orang ramai terutamanya pelawat luar negara kerana mereka berpeluang mendekati dan mempelajari cara hidup, adat dan budaya masyarakat Orang Asli.

Pelbagai program menarik telah disediakan kepada orang ramai sepanjang dua (2) hari program termasuklah demonstrasi dan aktiviti menyumpit, kraftangan, masakan tradisi, permainan, persembahan kebudayaan di samping gerai-gerai jualan. Program ini diserikan dengan kehadiran YBhg Dato' Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 15 Mac 2020. Beliau diiringi oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBrs Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) dan pegawai-pegawai MOTAC. Para tetamu dibawa mengunjungi *booth-booth* yang ada serta gerai jualan yang terdapat di



sekitar kawasan Laman Istana 1. Acara kemuncaknya tetamu dibawa menyertai demonstrasi menyumpit yang telah disediakan. Program yang berlangsung selama dua hari ini telah dikunjungi kira-kira **1865** orang. Program berakhir pada jam 5 petang.

1.3 Pembukaan Semula Muzium-Muzium Di Bawah JMM Pasca PKP Oleh Yb Timbalan Menteri MOTAC Menerusi Acara Lawatan Rasmi Ke Muzium Negara

Tarikh : 16 Jun 2020 (Selasa)

Lokasi : Muzium Negara

Anjuran/Kerjasama : Jabatan Muzium Malaysia

Objektif :

- i. Sebagai tanda rasmi pembukaan Muzium Negara dan muzium-muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) kepada orang ramai bermula 16 Jun 2020 pasca PKP.
- ii. Mewar-warkan kepada orang ramai berkaitan prosedur operasi standard atau SOP yang perlu dipatuhi pelawat semasa kunjungan ke muzium-muzium JMM khususnya sempena penyemarakan kempen pelancongan domestik anjuran MOTAC.

YBhg Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah melakukan lawatan rasmi ke Muzium Negara bersempena pembukaan semula muzium-muzium di bawah JMM pada 16 Jun 2020. Muzium di bawah JMM telah ditutup kepada pelawat selama tiga (3) bulan iaitu mulai 15 Mac 2020 hingga 15 Jun 2020 bertujuan mengekang penularan COVID-19 yang semakin meningkat di negara ini. Ianya juga merupakan satu langkah untuk mewar-warkan kepada orang ramai bahawa muzium-muzium di bawah JMM kini telah dibuka dengan SOP sebagaimana yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Seramai 100 orang tetamu telah hadir



bagi memeriahkan sesi lawatan ini. Turut mengiringi Timbalan Menteri MOTAC ialah YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), YBrs Encik Norazman binti Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah JMM, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), pegawai-pegawai kanan MOTAC, Muzium dan Agensi serta pengamal media. Para tetamu diberikan taklimat berkaitan SOP lawatan ke muzium yang diterangkan oleh Ketua Pengarah JMM sebelum dibawa melawat ke pameran sementara di ruang tengah Muzium Negara iaitu Pameran Malaysia Muhibbah dan galeri tetap Muzium Negara. Majlis berakhir pada jam 1.30 dengan jamuan makan tengah hari di Muzima Kafe.

1.4 Majlis Perasmian Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan Ke-63 Dan Kibar Jalur Gemilang

Tarikh : 26 Ogos 2020 (Rabu)
Masa : 3.00 petang
Lokasi : Dataran Muzium Negara
Anjuran/Kerjasama : Jabatan Muzium Malaysia
Objektif :

- i. Mempromosikan Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan yang sedang berlangsung di Dewan Tengah, Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Majlis Perasmian Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan ke-63 dan Kibar Jalur Gemilang telah diadakan pada 26 Ogos 2020 bertempat di Dataran Muzium Negara. Majlis yang diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Majlis turut dihadiri YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah JMM, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), pegawai-pegawai kanan MOTAC, Muzium dan Agensi, Pengarah Muzium Negeri, pihak media dan ramai lagi. Lebih kurang 100 tetamu hadir memeriahkan majlis ini.

Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan ke-63 memaparkan sejarah perjuangan dan koleksi terpilih tokoh-tokoh kemerdekaan khususnya Bapa Kemerdekaan, YTM Tunku Abdul Rahman. Bendera pertama Persekutuan Tanah Melayu turut dipamerkan sebagai bukti semangat perjuangan pemimpin dan rakyat terdahulu dalam menelusuri perjalanan kemerdekaan negara. Majlis diserikan dengan acara kibar jalur gemilang yang diadakan secara serentak di muzium-muzium di bawah JMM yang disiarkan menerusi atas talian dan juga sesi penyerahan bendera Malaysia kepada pemilik kereta-kereta antik dan kakitangan JMM. Tetamu Kenamaan kemudiannya dibawa ke Muzium Negara dengan menaiki kereta-kereta antik. Majlis diteruskan dengan lawatan ke Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan ke-63 yang terletak di ruang tengah Muzium Negara. Majlis berakhir pada jam 4.30 dengan jamuan minum petang.



1.5 Lawatan YB Menteri Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia Sempena Kempen Penyemarakan Pelancongan Domestik

Tarikh : 6 Jun, 10 Julai, 18 Julai dan 2 Oktober 2020
 Lokasi : Muzium Lukut, Muzium Kota Kayang, Muzium Diraja dan Muzium Lembah Bujang
 Anjuran/Kerjasama : Jabatan Muzium Malaysia/ MOTAC
 Objektif :

- Mempromosikan muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan muzium-muzium di Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.
- Sebagai langkah pemulihan dan membantu industri pelancongan untuk bangkit semula.

Sebagai satu langkah pemulihan ke arah membantu industri pelancongan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) memfokuskan kepada tugas khas untuk menggalakkan pelancongan domestik negara. Industri pelancongan mula menunjukkan perkembangan positif selepas lebih tiga (3) bulan lumpuh akibat penutupan sektor-sektor berkaitan akibat penularan wabak coronavirus (COVID-19). MOTAC turut mengambil inisiatif membantu agensi-agensi di bawahnya termasuklah JMM untuk menjadikan muzium sebagai salah satu destinasi pilihan.

BIL	TARIKH	MUZIUM
1.	06 Jun 2020	Muzium Lukut
2.	10 Julai 2020	Muzium Kota Kayang
3.	18 Julai 2020	Muzium Diraja
4.	20 Oktober 2020	Muzium Lembah Bujang

Sehubungan dengan itu, YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, pegawai-pegawai kanan MOTAC serta pihak media telah turun padang dalam sesi lawatan ini. Para tetamu yang hadir telah disambut oleh pegawai-pegawai Kanan Tertinggi JMM, pegawai-pegawai kanan, Ketua Muzium dan kakitangan muzium-muzium terlibat bagi memeriahkan lagi sesi lawatan tersebut. Senarai lawatan oleh YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri di muzium-muzium JMM adalah seperti berikut:



2.0 Program Atas Talian

2.1 Dalam Talian (*online*) Facebook / Instagram

Tarikh : Mac hingga Disember
Anjuran/Kerjasama : Jabatan Muzium Malaysia
Objektif :

- i. Inisiatif untuk terus menggerakkan program/aktiviti permuziuman sepanjang tempoh penutupan muzium sepanjang PKP selain bertujuan menyebarluas apa sahaja info yang berkaitan dengan permuziuman kepada orang ramai.
- ii. Mempergiatkan aktiviti mempromosi muzium ke arah menarik minat lebih ramai orang awam/masyarakat terhadap institusi muzium dan kekayaan khazanahnya.

Arahan penutupan muzium susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan menyebabkan JMM telah mengambil langkah proaktif dengan menambahbaik dan mempergiat program/aktiviti secara atas talian khususnya menerusi media facebook dan Instagram. Banyak program baru telah diperkenalkan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Di antaranya ialah program "Tanya Kurator", "Nak Tahu Tak?", "Galeri Maya", "Wacana MDR", dan "Bicara Kurator". Beberapa siri pertandingan atas talian juga telah dianjurkan semasa PKP misalnya Pertandingan Video Pendek Koleksi, Pertandingan Fotografi, Kuiz Teka Koleksi Dialog Kreatif Wayang Kulit dan Pertandingan Teka Wayang Kulit. Para pemenang pertandingan turut menerima sijil penghargaan dan berupa wang tunai. Sebanyak 86 program secara atas talian (termasuk program bersiri) telah berjaya diadakan sepanjang tahun ini. Berikut adalah laporan program atas talian sepanjang Mac hingga Disember 2020.

3.0 Laporan Pencapaian Program Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

3.1 Program Tanya Kurator

Jumlah Program	: 21 Siri
Tarikh	: 17 April 2020 hingga kini
Tempat/ Medium	: Dalam Talian (online)
Masa	: 2.30 petang (Setiap Rabu)
Anjuran	: Jabatan Muzium Malaysia (JMM)
Ringkasan Program	:

- i. Encik Muhammad Azam bin Adnan - Kolesi Al-Quran Melayu Tulisan Tangan di Muzium Negara
- ii. Puan Rosidah binti Abdullah - Batik Kotak: Teknik dan Asal Kejadian
- iii. Encik Asmawi bin Mohamed Yunos - Manifestasi Ukiran dalam Ritual dan Kepercayaan Orang Asli
- iv. Puan Siti Munirah binti Kasim - Pelayaran Dunia Melayu
- v. Encik Mokhtar bin Tamby Ahmad - Muzik Masyarakat Sabah
- vi. Cik Sitti Rabia binti Abdul Rahman – Koleksi Terpilih Muzium Negara
- vii. Encik Mohd Nasrulamiazam bin Mohd. Nasir - *The Lost Kingdom*: Legasi dari Aspek Kesenian dan Kebudayaan
- viii. Puan Shenna anak Skem - Adat dan Tradisi Pemakaian Tradisional Masyarakat Iban di Sarawak
- ix. Encik Zamrul Amri bin Zakaria - Aplikasi Preventif dalam Penjagaan Koleksi
- x. Encik Badrol Hisham bin Abd Rahman - Nostalgia Raya: Acuan Tradisi Warisan Kita
- xi. Encik Mohd Ridhuan bin Akhiruddin - Taksedermi: Seni Awetan
- xii. Puan Zarina binti Sarifan - Cutam: Koleksi Nadir Muzium Perak
- xiii. Encik Peterson Augustine Jadan - Duit Tampang: Koleksi Muzium Lukut
- xiv. Encik Muhammad Wafi Nahar - Singgahsana Diraja
- xv. Encik Faris Akmal bin Ali - Tanggam Dalam Senibina
- xvi. Encik Mohd Shahir bin Mohd Ali - Adat Melenggang Perut
- xvii. Puan Intan Khafdzillia binti Fadzri – Bufori
- xviii. Cik Kartina binti Abdul Khalid - Kenali Tekstil Sabah
- xix. Puan Salmiahwati binti Djafar - Baju Kurung: Sejarah & Gaya
- xx. Cik Prema a/p Vijayan - Sambutan Deepavali: Perbezaan Antara Masyarakat India dan Chetti
- xxi. Puan Hasnah binti Osman - Motif Ukiran Kayu Melayu

3.2 Segmen Nak Tahu Tak?

Jumlah Program : 16 Siri
 Tarikh : 20 Julai 2020 hingga kini
 Tempat/ Medium : Dalam Talian (online)
 Masa : 12.00 tengah hari (Setiap Isnin / Selasa)
 Anjuran : Jabatan Muzium Malaysia (JMM)
 Ringkasan program :

Program atas talian ini berdurasi 15 minit yang menyampaikan informasi berkaitan aktiviti permuziuman melibatkan muzium-muzium di bawah JMM, koleksi, pameran, konservasi, buku-buku terbitan dan fasiliti di muzium.

BIL	JABATAN / AGENSI	PROGRAM	CATATAN
3.3	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	Bicara Kurator	Jumlah Program: 6 Siri Tarikh: Julai – Disember 2020
3.4	Muzium Diraja	Bicara Galeri	Jumlah Program: 4 Siri Tarikh: Julai – Disember 2020
3.5	Muzium Diraja	Wacana Muzium Diraja	Jumlah Program: 7 Siri Tarikh: November – Disember 2020
3.6	Muzium Tekstil Negara	Program Bicara Atas Talian	Jumlah Program: 1 Siri Tarikh: 17 November 2020 Puan Zubaidah Sual Baju Kurung Busana Sepanjang Zaman
3.7	Muzium Etnologi Dunia Melayu	Bual Bicara	Jumlah Program: 1 Siri Tarikh: 8 Disember 2020 Encik Ab. Azizi bin A. Rashid Pengarah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya Antara Martaban dan Tempayan
3.8	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	Bicara Tokoh	Jumlah Program: 1 Siri Tarikh: 8 Disember 2020 Encik Mohd Azmi Bin Mohd Yusof
3.9	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) & Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	Program Bicara Ilmu Tamadun Melayu	Jumlah Program: 1 Siri Tarikh: 1 Disember 2020 Encik Mohd Nasrulamiazam bin Mohd Nasir Kerajaan Melayu Awal Nusantara
3.10	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) & Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	Kuliah Jemputan	Jumlah Program: 1 Siri Tarikh: 17 Disember 2020 Encik Mohd Nasrulamiazam bin Mohd Nasir Muzium dan Antropologi: Dalam Konteks Malaysia
3.11	Sukarelawan Muzium	Webinar Focus Series	Jumlah Program: 5 Siri Tarikh: Julai – Disember 2020
3.12	Muzium Negara	Ceria@Muzium	Jumlah Program: 12 Siri Tarikh: Julai – Disember 2020

BIL	JABATAN / AGENSI	PROGRAM	CATATAN
3.13	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	Sambutan Hari Muzium Antarabangsa	Jumlah Program: 3 Tarikh: 18 Mei 2020
3.14	Muzium Negara	Segmen Borak @ Muzium	Jumlah Program: 2 Siri Tarikh: Mac – Disember 2020
3.15	Muzium Negara	Deklamasi Puisi Sempena Bulan Kebangsaan	Jumlah Program: 2 Siri Tarikh: 31 Ogos 2020
3.16	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	WEBINAR ICOM & SPAFA	Jumlah Program: 4 Siri Tarikh: Mei – Disember 2020 i. Glocal Webinar: "Museum Inclusion in times of Social Isolation". ii. Webinar: "Prospect of Reopening of Museums in The New Normal" iii. Conservation on Collection in Museums" iv. "Museum's Role in Achieving Sustainable Development Goals"
3.17	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	International Webinar Series Indigenous Peoples, Heritage and Landscape In The Asia Pasific	Tarikh: 18 November 2020 Anjuran: University Of California, Los Angeles (Ucla)

4.0 Program Promosi (Jom Singgah Dan Promosi Bersepadu)

Tarikh : Julai hingga Ogos 2020

Objektif :

- i. Mempromosikan pameran dan aktiviti yang akan dan sedang berlangsung dengan mengedarkan bahan-bahan promosi kepada orang ramai.
- ii. Meningkatkan jumlah kehadiran pengunjung ke muzium khususnya muzium-muzium di bawah JMM di seluruh negara.

Sehingga Mac 2020, iaitu sebelum pengumuman pembatalan Tahun Melawat Malaysia dibuat pihak kerajaan susulan penguatkuasaan PKP pada 18 Mac, Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) telah melaksanakan beberapa siri promosi bertujuan menggalakkan kedatangan pelawat ke muzium. Program promosi pada tahun terbahagi kepada dua iaitu Jom Singgah dan Promosi Bersepadu. Jom Singgah disertai team BKK manakala Promosi Bersepadu melihatkan kerjasama antara BKK dan juga muzium-muzium lain di bawah JMM untuk bersama-sama mempromosikan muzium mereka. Pada kali ini BKK mensasarkan tempat tumpuan awam seperti pusat rekreasi, pusat membeli belah, hotel-hotel, agensi-agensi di bawah MOTAC, muzium-muzium negeri dan swasta serta lain-lain lagi dengan mengedarkan dan meletakkan risalah, brosur JMM di premis mereka. Promosi ini turut diluaskan di negeri lain seperti Kedah, Perak, Selangor dan Melaka. BKK membuat promosi di lokasi yang berhampiran dengan muzium-muzium di bawah JMM dan kawasan kejiranan yang terdapat di sekitar muzium. Berikut adalah laporan bagi Promosi Jom Singgah dan Promosi Bersepadu yang dijalankan sepanjang tahun ini.

BIL	TARIKH	LOKASI	PEGAWAI BERTUGAS	CATATAN/AKTIVITI
1.	9 Julai 2020 Khamis 9.00 pagi -2.00 petang	i. Taman Tasik Perdana ii. Jalan TAR iii. TTDI Kuala Lumpur	Puan Norhaliza binti Harun Puan Noor Farneviza binti Abu Bakar	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengedarkan bahan cetakan promosi Jom Singgah Muzium kepada orang ramai. ii. Memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan muzium-muzium di bawah JMM. iii. Mempromosikan pameran dan aktiviti yang akan dan sedang berlangsung. iv. Memaklumkan kepada orang ramai aktiviti/program muzium sepanjang tahun
2.	11 Julai 2020 Sabtu 9.00 pagi - 5.00 petang	i. Bukit Melawati ii. Kuala Selangor	Cik Norizan binti Baharudin Puan Norhaliza binti Harun	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengedarkan bahan cetakan promosi Jom Singgah Muzium kepada orang ramai. ii. Memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan muzium-muzium di bawah JMM. iii. Mempromosikan pameran dan aktiviti yang akan dan sedang berlangsung. iv. Memaklumkan kepada orang ramai aktiviti/program muzium sepanjang tahun
3.	16 Julai 2020 Khamis 10.00 pagi - 2.00 petang	Tasik Permaisuri, Cheras, Selangor	Puan Norhaliza binti Harun Puan Noor Farneviza binti Abu Bakar	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengedarkan bahan cetakan promosi Jom Singgah Muzium kepada orang ramai. ii. Memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan muzium-muzium di bawah JMM. iii. Mempromosikan pameran dan aktiviti yang akan dan sedang berlangsung. iv. Memaklumkan kepada orang ramai aktiviti/program muzium sepanjang tahun
4.	18 Julai 2020 Sabtu 10.00 pagi - 5.00 petang	Bukit Tinggi, Bentong, Pahang	Puan Norhaliza binti Harun Puan Noor Farneviza binti Abu Bakar	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengedarkan bahan cetakan promosi Jom Singgah Muzium kepada orang ramai. ii. Memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan muzium-muzium di bawah JMM. iii. Mempromosikan pameran dan aktiviti yang akan dan sedang berlangsung. iv. Memaklumkan kepada orang ramai aktiviti/program muzium sepanjang tahun
5.	23 Julai 2020 Khamis 10.00 pagi - 2.00 petang	Muzium Petaling Jaya & Hotel-hotel di sekitar Petaling Jaya, Selangor	Puan Norhaliza binti Harun Puan Noor Farneviza binti Abu Bakar	<ul style="list-style-type: none"> i. Edaran brosur/flyers telah diberikan kepada Pegawai di Muzium Petaling Jaya ii. Edaran dan serahan brosur/flyers di kaunter-kaunter hotel
6.	25 Julai 2020 Sabtu 9.00 pagi - 5.00 petang	Sekitar Kuala Lumpur/Selangor	Puan Zainaszira binti Zainudin Puan Norfiza binti Zainal Abidin	<ul style="list-style-type: none"> i. Edaran brosur/flyers juga telah diberikan kepada Pegawai muzium-muzium agensi iaitu Muzium Telekom, Pusat Kraf Negara, Memorial Tun Hussien Onn, Memorial Negarawan dan Kesenian Islam.



5.0 Promosi Bersepadu

BIL	TARIKH	LOKASI	PEGAWAI BERTUGAS	CATATAN/AKTIVITI
1.	6 Ogos 2020 Khamis 10.00 pagi -2.00 petang	Pusat Sehenti Plaza GM Klang Selangor	i. Puan Norhaliza binti Harun ii. Puan Noor Farneviza binti Abu Bakar iii. Encik Yusri bin Ja'afar iv. Cik Hartini a/p Anjang	Edaran dan serahan brosur/flyers di kaunter-kaunter informasi di Pusat Sehenti Plaza GM Klang
2.	13 Ogos 2020 Khamis 10.00 pagi - 5.00 petang	Hotel di sekitar Taiping, Perak	i. Puan Norhaliza binti Harun ii. Encik Yusri bin Ja'afar iii. Puan Zairul Hida	Edaran dan serahan brosur/flyers di kaunter-kaunter informasi di kaunter-kaunter hotel serta tempat tunpuan di sekitar Taiping
3.	14 Ogos 2020 Jumaat 9.00 pagi - 5.00 petang	Hotel dan tempat tumpuan sekitar Ipoh Perak	i. Puan Norhaliza binti Harun ii. Encik Yusri bin Ja'afar	Edaran dan serahan brosur/flyers di kaunter-kaunter informasi di kaunter-kaunter hotel dan sekitar tempat tunpuan di sekitar Ipoh

BIL	TARIKH	LOKASI	PEGAWAI BERTUGAS	CATATAN/AKTIVITI
4.	22 Ogos2020 Sabtu 9.00 pagi - 5.00 petang	Kuala Lumpur	i. Puan Norhaliza binti Harun ii. Encik Yusri bin Ja'afar	Promosi serta hebahan aktiviti dan program pameran Kemerdekaan 63 sempena bulan kemerdekaan di Muzium Negara
5.	29 Ogos 2020 Sabtu 9.00 pagi - 5.00 petang	Negeri Sembilan	i. Puan Norhaliza binti Harun ii. Puan Noor Farneviza binti Abu Bakar iii. Encik Muhammad Fitri Lokman	Promosi bersepadu bersama Muzium Lukut Edaran dan serahan brosur/flyers di kaunter-kaunter informasi di kaunter-kaunter hotel dan tempat tumpuan di sekitar Lukut, Negeri Sembilan



6.0 Laporan Media BKK 2020

6.1 Media Sosial

Penggunaan media sosial, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia, semakin meluas tatkala seluruh negara berdepan dengan pandemik COVID-19. Penggunaan media sosial meningkat dengan drastik. Laman media sosial popular seperti "Facebook", "Instagram", "YouTube", "Twitter" dan sebagainya kian mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat di seluruh dunia untuk terus berhubung dan berinteraksi tanpa bertemu/bersemuka atau mengenakan pelitup muka.

Penularan wabak COVID-19 yang berlaku di seluruh negara dan dunia yang bermula sekitar pertengahan Disember tahun lalu nyata mengubah corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi khususnya industri pelancongan global. Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 bagi mencegah penularan Corona Virus. PKP itu meliputi larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Sempadan negara turut ditutup kepada warga asing bagi mengekang penularan wabak tersebut. Tempat rekreasi, institusi pendidikan, premis perniagaan juga ditutup sepenuhnya ini termasuklah muzium. Kesan dari PKP ini menyebabkan penggunaan media sosial meningkat. #stayathome menjadi trending dengan hampir semua penduduk hanya berkurnung di rumah dan menghabiskan kebanyakan masa dengan penggunaan telefon bagi mengetahui perkembangan isu semasa, hiburan, politik dan sebagainya.

Ketika ini juga pelbagai program atas talian yang diperkenalkan JMM mendapat sambutan yang cukup menggalakkan dari orang ramai. Berbanding media sosial yang lain, laman muka buku (*facebook*) JMM berada di tangga teratas sebagai media sosial yang kerap dikunjungi iaitu seramai 27,639 pengikut, manakala Instagram seramai 4,293 orang, laman web sebanyak 905,730 pengunjung dan Youtube pula seramai 125 orang.

Statistik Perbandingan Media Sosial Bagi Tahun 2019 Dan 2020

BIL	MEDIUM	2019	2020
1.	Facebook	16,760	27,639
2.	Instagram	2,216	4,293
3.	Laman Web	859,222	905,730
4.	Youtube	24	125

6.2 Media Elektronik Dan Media Cetak

Pada tahun 2020, BKK telah membuat beberapa promosi dan hebahan program bagi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan muzium-muzium di bawah pentadbirannya sama ada di media cetak maupun media elektronik. Liputan ini termasuklah promo, crawler, tetamu di konti, liputan media dan penggambaran. Walau bagaimanapun, kesan dari pandemik COVID-19 yang telah menular di seluruh dunia memberi kesan yang besar kepada sektor pelancongan. Sebahagian besar program

dan pameran utama JMM yang telah dirancang terpaksa dibatalkan sekaligus menjelaskan liputan media pada tahun ini. Walaupun begitu, JMM tetap mendapat kerjasama yang sangat baik daripada pihak media cetak dan media elektronik yang terdapat di seluruh Malaysia.

6.2.1 Media Elektronik: Televisyen

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Rakaman TV oleh rancangan Panorama, TV1 RTM sekitar Muzium Negara	25 Februari 2020	Dewan Tengah, Muzium Negara dan Pameran Pesona Malaysia
2.	Liputan Media oleh RTM bersama Encik Nasrul sempena Pameran The Lost Kingdom	26 Februari 2020	Galeri 2, JMM
3.	Liputan Media oleh Vision KL sempena Pameran The Lost Kingdom, Pesona Malaysia dan Muzium Negara	3 Mac 2020	Galeri 1,2 dan Muzium Negara
4.	Liputan Media oleh RTM di Muzium Negara berkaitan SOP muzium sewaktu PKPP	8 Mac 2020	Muzium Negara
5.	Siaran Langsung di Selamat Pagi Malaysia bersama Pengarah Muzium Negeri Kedah dan Ketua Muzium MSKO sempena promosi Program JMM pada bulan MAC	10 Mac 2020	Studio SPM
6.	Liputan Media oleh RTM di Muzium Negara sempena SOP pembukaan semula Muzium Negara	9 Jun 2020	Muzium Negara
7.	Penggambaran rakaman rancangan Santai Bintang di Muzium Negara sempena tayangan Hari Kemerdekaan	7 Julai 2020	Muzium Negara
8.	Penggambaran rakaman Dokumentari Khas: Jubli Emas Rukun Negara di Muzium Negara sempena tayangan Hari Kemerdekaan	10 Julai 2020	Muzium Negara
9.	Siaran Langsung di studio Selamat Pagi Malaysia, RTM bersama Datuk KP sempena Muzium: Normal Baharu	16 Julai 2020	Studio Selamat Pagi Malaysia, RTM
10.	Sidang Media sempena Lawatan YB Menteri MOTAC di Muzium Diraja	18 Julai 2020	Balairung Seri, Muzium Diraja
11.	Siaran Langsung Selamat Pagi Malaysia, RTM di Muzium Matang dan komuniti Matang sempena sambutan Awal Muharram	20 Ogos 2020	Muzium Matang
12.	Penggambaran rakaman rancangan Kidzoners, TV2 di Muzium Negara	9 September 2020	Perkarangan Muzium Negara dan Galeri Muzik
13.	Penggambaran Travelog Busana Muslim oleh ZGB Media	6 Januari 2020	Muzium Tekstil, Bahagian Pengurusan Konservasi, Muzium Negeri Sarawak/Kelantan/ Pahang/Terengganu



6.2.2 Media Elektronik: Radio

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Siaran Langsung di konti Traxx FM bersama Encik Syahrul sempena promosi Pameran Pesona Malaysia	14 Januari 2020	Konti Traxx FM
2.	Siaran Langsung di konti BERNAMA Radio bersama Ketua Penngarah JMM sempena promosi Program JMM 2020	22 Januari 2020	Konti BERNAMA Radio
3.	Temubual oleh Bernama berkaitan tarikh pembukaan muzium kepada orang awam	10 Jun 2020	Melalui Telefon
4.	Siaran Langsung di konti Labuan FM bersama Cik Rohana sempena pembukaan semula muzium-muzium Wilayah Persekutuan Labuan	23 Jun 2020	Konti Labuan FM

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
5.	Siaran Langsung di konti Bernama FM bersama Datuk KP sempena Muzium: Normal Baharu	9 Julai 2020	Konti Bernama FM
6.	Siaran Langsung di konti Selangor FM, RTM bersama TKPP (Permuziuman) sempena Muzium: Normal Baharu	20 Julai 2020	Selangor FM, RTM
7.	Siaran Langsung di konti Nasional FM, RTM bersama Puan Intan Masayu sempena promosi Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan 63	25 Ogos 2020	Nasional FM, RTM
8.	Liputan media oleh Radio ERA sempena Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan 63	27 Ogos 2020	Dewan Tengah M Negara
9.	Siaran Langsung di konti BERNAMA FM bersama Pn. Intan Masayu sempena promosi Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan 63	1 September 2020	BERNAMA FM
10.	Liputan media oleh Radio ERA di Bahagian Konservasi JMM	15 September 2020	Bahagian Pengurusan Konservasi




6.2.3 Media Cetak Dan Penggambaran

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Liputan Media oleh Harian Metro di Bahagian Pengurusan Konservasi	6 Januari 2020	Bahagian Pengurusan Konservasi
2.	Liputan Media oleh The Star Bersama Encik Nasrul sempena Pameran The Lost Kingdom	14 Januari 2020	Galeri 2, JMM
3.	Liputan Media oleh Dewan Budaya Bersama Encik Nasrul sempena Pameran The Lost Kingdom	23 Januari 2020	Galeri 2, JMM
4.	Liputan Media oleh Berita Harian bersama Encik Nasrul sempena Pameran The Lost Kingdom	7 Februari 2020	Galeri 2, JMM
5.	Liputan Media oleh Akhbar Wilayahku bersama Encik Nasrul sempena Pameran The Lost Kingdom	13 Februari 2020	Galeri 2, JMM
6.	Liputan Media oleh Malay Mail bersama Comittee Museum Volunteer sempena Pameran The Lost Kingdom	13 Februari 2020	Bilik Sukarelawan Muzium, JMM
7.	Liputan Media oleh Dewan Budaya, DBP bersama Cik Sitti Rabia sempena Pameran Pesona Malaysia	20 Februari 2020	Galeri 1, JMM
8.	Lawatan blogger ke Muzium Negara sempena pemantauan SOP	11 Mac 2020	Galeri 2, JMM
9.	Liputan Media oleh The Star di Muzium Negara berkaitan SOP muzium sewaktu PKPP	11 Jun 2020	Muzium Negara
10.	Sidang Media sempena lawatan Timbalan Menteri MOTAC ke Muzium Negara sempena pembukaan muzium-muzium di bawah JMM	16 Jun 2020	Muzium Negara
11.	Liputan Media oleh NST di Muzium DiRaja	28 Jun 2020	Muzium Diraja
12.	Lawatan blogger ke Muzium Negara sempena pemantauan SOP	4 Julai 2020	Muzium Negara
13.	Sidang Media sempena Lawatan YB Menteri MOTAC di Muzium DiRaja	18 Julai 2020	Balairung Seri, Muzium DiRaja
14.	Liputan Media oleh Harian Metro bersama Puan Intan Masayu sempena Pameran Koleksi Terpilih Kemerdekaan	18 Ogos 2020	Muzium Negara
15.	Liputan Media oleh Malaysia Post sempena Pameran Koleksi Terpilih Kemerdekaan	18 Ogos 2020	Muzium Negara
16.	Majlis Perasmian Pameran Koleksi Terpilih Hari Kemerdekaan 63 dan Kibar Jalur Gemilang	26 Ogos 2020	Dataran Muzium Negara
17.	Liputan media oleh NST bersama Datuk KP berkaitan Pameran Terokai Hantu sempena ulang tahun NST 175 th	6 Oktober 2020	Pejabat Datuk KP




Statistik perbandangan liputan media di televisyen, radio serta media cetak/ penggambaran bagi tahun 2019 dan 2020



7.0 Pertanyaan/Aduan/Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA)

Bahagian Komunikasi Korporat bertanggungjawab menyelaras, menjawab dan menyelesaikan segala pertanyaan dan aduan yang diterima oleh Jabatan Muzium Malaysia sama ada menerusi laman web, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA), media sosial iaitu Facebook atau Instagram, twitter, panggilan telefon dan sebagainya. Sebanyak 94 pertanyaan telah diterima dan berikut adalah jumlah pecahan pertanyaan/maklumbalas/cadangan dan aduan yang diterima BKK bagi tahun 2020 mengikut bulan.



7.1 Perbandingan Pertanyaan Dan Aduan Bagi 2019 Dan 2020

BIL	BULAN	PERTANYAAN		ADUAN	
		2019	2020		
1.	Januari	7	-	9	-
2.	Februari	7	-	18	-
3.	Mac	11	1	6	-
4.	April	16	-	5	-
5.	Mei	11	1	3	-
6.	Jun	9	2	8	-
7.	Julai	4	1	9	-
8.	Ogos	8	1	9	-
9.	September	6	-	13	-
10.	Oktober	11	1	8	-
11.	November	12	-	2	-
12.	Disember	8	1	4	-
JUMLAH		108	8	94	-

8.0 Mesyuarat Sektor Permuziuman

Dalam merealisasikan perencanaan program dan pentadbiran muzium-muzium, Bahagian Komunikasi Korporat selaku urus setia Sektor Permuziuman telah berjaya mengaturkan dua mesyuarat sektor bagi merancang, mengenalpasti dan memuktamadkan pelbagai isu yang berbangkit dalam sektor permuziuman. Mesyuarat ini berjaya diadakan walaupun ianya diadakan secara atas talian khas kepada Pengarah/Ketua muzium yang berada di Wilayah. Ini berikutan bagi mematuhi SOP yang ditetapkan. Manakala Mesyuarat Sektor Permuziuman bil 2/2020 diadakan di Ibu Pejabat, Jabatan Muzium Malaysia. Mesyuarat kali kedua ini turut dihadiri Encik Mohd Razaimi Hamat yang baru sahaja dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM. Namun, mesyuarat tersebut masih dipengerusikan Ecik. Mohd Azmi Mohd Yusof sebagai amanat terakhir beliau sebelum menjawat jawatan baru sebagai Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara. Sekalung tahniah diucapkan kepada Encik Mohd Azmi Mohd Yusof dan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada beliau atas segala bakti dan sumbangan yang telah diberikan selama beliau menerajui sektor permuziuman. Mesyuarat juga turut mengalu-alukan Encik Mohd Razaimi bin Hamat sebagai TKPP JMM baru.


BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Sektor Permuziuman Bil 1/2020	10 Ogos 2020	Bilik Persidangan JMM dan secara atas talian
2.	Mesyuarat Sektor Permuziuman Bil 2/2020	8 Disember 2020	Bilik Persidangan JMM

9.0 Sukarelawan Muzium

Sukarelawan Muzium merupakan kumpulan tidak rasmi yang terdiri daripada sukarelawan terlatih yang berkhidmat di Muzium Negara. Perkhidmatan yang diberikan meliputi lawatan berpandu secara percuma ke galeri muzium dalam bahasa-bahasa yang ditetapkan iaitu Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea. Selain daripada memberi perkhidmatan lawatan berpandu, Sukarelawan Muzium juga aktif dalam melaksanakan aktiviti pendidikan muzium dan giat membantu dalam aktiviti-aktiviti permuziuman.

Museum Volunteers Malaysia telah dilancarkan secara rasmi pada 19 April 2007 di Muzium Negara di Kuala Lumpur. Kumpulan sukarelawan pertama terdiri daripada 20 wanita warganegara dan bukan warganegara Malaysia. Ahli terkini sehingga tahun 2020 telah menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu seramai 180 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa, budaya dan negara. Sukarelawan Muzium dipimpin oleh Puan Karen Loh sebagai Presiden Sukarelawan Muzium sejak tahun 2001.

Berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan secara berperingkat bermula Mac 2020 bagi mengekang penularan COVID-19, tiada pengambilan ahli Sukarelawan Muzium pada tahun 2020 dan aktiviti lawatan berpandu juga tidak dapat dijalankan sebagaimana biasa memandangkan perkhidmatan ini tidak dibenarkan di bawah SOP yang ditetapkan. Namun begitu, Sukarelawan Muzium telah mengambil inisiatif sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dengan memberi fokus kepada penyelidikan selain melaksanakan program atas talian menerusi beberapa siri Fokus Webinar seperti berikut:



BIL	PROGRAM / AKTIVITI	BIDANG / KATEGORI	TARIKH MULA	PENYERTAAN
1.	Museum Volunteer Focus Series Webinar: "East Indiaman: The Life and Times of Francis Light a Retrospective"	Sejarah	20 Julai 2020	35 penyertaan
2.	Museum Volunteer Focus Series Webinar: Kellie's Castle	Sejarah	18 Ogos 2020	32 penyertaan
3.	Museum Volunteer Focus Series Webinar: Photographic Cultures in Malaysia	Sejarah	17 September 2020	28 penyertaan
4.	Museum Volunteer Focus Series Webinar: The Selangor War	Sejarah	6 Oktober 2020	35 penyertaan
5.	Museum Volunteer Focus Series Webinar: Chong Fatt Tse-The Blue Mansion	Sejarah	3 Disember 2020	28 penyertaan

BAHAGIAN PAMERAN DAN PENGEMBANGAN

1.0 Pameran Khas / Sementara

1.1 Tajuk Pameran : Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik

Lokasi : Ruang Tengah, Muzium Negara
Tarikh : 21 Disember 2020 – 31 Mac 2021

Pameran Wabak Sedunia: Pandemik, Epidemik dan Endemik merupakan sebuah pameran khas yang diadakan di Ruang Tengah, Muzium Negara. Pameran berlangsung bermula pada 21 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021. Pemilihan tema pameran amat signifikan dalam mengetengahkan isu semasa berkaitan wabak COVID-19 yang semakin menular di seluruh dunia yang kini telah mengubah norma hidup masyarakat dan memberi implikasi yang besar dalam sosioekonomi dunia. Objektif utama pameran adalah bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran masyarakat tentang wabak penyakit berbahaya yang telah berlaku sepanjang kewujudan tamadun manusia dan yang terkini ialah wabak COVID-19. Sebanyak lapan sub-segmen utama menerangkan fakta-fakta menarik mengenai kronologi sejarah wabak dunia, wabak terpilih era moden di Malaysia, situasi penularan COVID-19 dunia dan Malaysia amnya, kaedah perubatan alternatif serta semangat dan harapan rakyat Malaysia dalam berdepan dengan ancaman wabak ini. Pakaian Perlindungan Diri (PPE) Era Renaisans yang mempunyai reka bentuk topeng muka unik berbentuk paruh burung merupakan antara tarikan utama pameran ini. Selain mempamerkan koleksi Jabatan Muzium Malaysia yang berkaitan, pameran yang turut mendapat kerjasama utama Kementerian Kesihatan Malaysia serta beberapa jabatan dan agensi lain iaitu Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia, Institut Kesihatan Negara, Pusat

Kawalan Kusta Negara, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia, Universiti Malaya dan Bernama telah berjaya mengumpulkan bahan dan koleksi agensi terbabit untuk dipamerkan dalam galeri pameran. Jumlah pelawat yang dicatatkan untuk pameran ini sehingga 12 Januari 2021 adalah seramai 6,139 orang pengunjung.




1.2 Tajuk Pameran : **Pameran Kuasa Emas**

Lokasi : Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia
Tarikh : 21 Disember 2020 – 21 Jun 2021

Pameran Kuasa Emas adalah satu platform untuk memberikan informasi serta membawa pengunjung berfikir di luar kebiasaan tentang nilai dan peranan emas yang bukan sahaja sebagai barang perhiasan tetapi mampu mengubah perilaku manusia sehingga menimbulkan konflik perebutan, peperangan, penjajahan dan pertumpahan darah sejak kewujudan tamadun manusia ribuan tahun dahulu. Selain daripada itu, emas juga mampu mempengaruhi manusia sehingga bertindak di luar kesedaran dan mempengaruhi pandangan manusia dalam seluruh aspek kehidupan meliputi sosio budaya dan sosio ekonomi.

Pameran ini juga mempamerkan beberapa koleksi yang unik seperti Koleksi Pedang Shamsir dan juga Koleksi Bunga Emas Kedah dan Kelantan. Sebahagian panel informasi yang dipamerkan adalah Pengenalan, Sejarah, Konflik, Tragedi, dan Emas dari Aspek Sosio-Budaya Masyarakat di Malaysia. Aura kehebatan emas dapat dirasai apabila pengunjung melangkah masuk ke dalam galeri yang dihiasi warna emas yang memukau serta pintu gerbang hadapan yang dibuat khas seperti *Gold Bar*.



2.0 Pameran Luar / Bergerak

2.1 Tajuk Pameran : Pameran Program-Program Utama JMM Tahun 2020

Lokasi : Istana Budaya
Tarikh : 11 Januari 2020

Pameran Program-Program Utama JMM Tahun 2020 ini diadakan sempena Konsert VM2020 yang dirasmikan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia adalah sebuah persembahan kebudayaan dan seni pentas yang menghimpunkan beberapa acara menarik yang bakal berlangsung di Panggung Sari, Istana Budaya dan sekitar Kuala Lumpur bersempena kempen Visit Malaysia 2020. Konsert ini diadakan secara kolaborasi pintar bersama agensi/jabatan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bertujuan merancakkan rangka promosi untuk menggalakkan kedatangan pelancong tempatan dan antarabangsa ke Malaysia.

Pameran Program-Program Utama JMM Tahun 2020 ini mengandungi poster-poster promosi yang mempromosikan pameran-pameran dan program-program utama yang akan diadakan di JMM pada tahun 2020 seperti Pameran Kuasa Emas dan Program IPIM. Selain itu juga Video

Promosi Program JMM 2020 juga turut ditayangkan sepanjang pameran berlangsung. Keluasan tapak pameran yang diperuntukkan kepada JMM adalah berkeluasan 10 kaki x 10 kaki.

Selain JMM, terdapat agensi-agensi lain yang turut mengadakan pameran iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kraftangan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Malaysia Tourism Centre (MaTiC). Istana Budaya dengan kerjasama Persatuan Bentan Malaysia turut mengadakan acara pembinaan Tanjak Terbesar Malaysia dan Dunia berserta Pameran Tanjak.



3.0 Naik Taraf Pameran Tetap

3.1 Tajuk Naik Taraf : **Naik Taraf dan Pengisian Galeri II (Pameran Sejarah Perdagangan Lembah Bujang)**

Lokasi : Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah
Tarikh : Januari 2020 – Disember 2020

Lembah Bujang terkenal sebagai sebuah pusat pelabuhan entrepot terulung di Kepulauan Melayu sejak kurun ke-2 sehingga kurun ke-14 Masihi. Kegemilangannya terungkap dalam beberapa catatan tempatan dan asing yang menceritakan betapa agungnya kawasan ini suatu ketika dahulu di mata pedagang sama ada daripada dalam dan luar negara. Dengan lokasinya yang strategik, iaitu terlindung daripada tiupan angin monsun, ditambah pula dengan kepelbagaiannya komoditi yang dimilikinya, menjadikan Lembah Bujang sebuah lokasi persinggahan yang menarik untuk dikunjungi dan menjalankan urusan perdagangan.

Lantaran betapa pentingnya Lembah Bujang dalam konteks sejarah negara, khususnya dalam aktiviti perdagangan, Bahagian Pameran dan Pengembangan serta Muzium Arkeologi Lembah

Bujang mengambil inisiatif bagi melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pengisian Galeri II atau dikenali sebagai Pameran Sejarah Perdagangan Lembah Bujang. Naiktaraf galeri ini telah direncanakan sejak sekian lama, namun tertangguh atas hal-hal yang tidak dapat dielakkan. Akhirnya, pada tahun 2020, naiktaraf Galeri II ini berjaya direalisasikan sepenuhnya dan diharap ia memberi nafas baru khususnya kepada Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Jabatan Muzium Malaysia amnya dalam usaha menyebarluas peranan dan fungsi muzium ke arah memartabatkan sejarah dan warisan negara.

Galeri ini mempamerkan koleksi-koleksi yang membuktikan keagungan Lembah Bujang sebagai pusat perdagangan termasyur di rantau Asia Tenggara dan hubungannya dengan pedagang-pedagang antarabangsa antaranya China, India, Asia Barat, Eropah serta kerajaan-kerajaan awal di Kepulauan Melayu seperti Empayar Funan di Indo China dan Empayar Srivijaya di Sumatera. Bertemakan Lembah Bujang sebagai pelabuhan entreport, galeri ini mengandungi 10 buah segmen yang mengetengahkan aspek-aspek penting perdagangan di Lembah Bujang ketika itu antaranya:

1. Pengenalan
2. Kronologi Lembah Bujang Dalam Tamadun Awal Dunia
3. Keagungan Lembah Bujang Berdasarkan Sumber Asing
4. Sejarah Perdagangan Awal Di Semenanjung Tanah Melayu
 - 4.1 Pusat-pusat perdagangan Awal Di Semenanjung Tanah Melayu
5. Pembuktian Lembah Bujang Sebagai Pusat Perdagangan
 - 5.1 Komoditi Perdagangan Di Lembah Bujang Dan Kepulauan Melayu
6. Hubungan Perdagangan Dengan Lain-Lain Kawasan Di Nusantara
 - 6.1 Hubungan Perdagangan dengan Srivijaya
7. Hubungan Perdagangan Dengan India
8. Hubungan Perdagangan Dengan China
9. Hubungan Perdagangan Dengan Asia Barat dan Eropah
10. Lembah Bujang pada Masa Kini



Kerja-kerja pengukuran dan penyediaan spesifikasi kerja



Kerja-kerja pemilihan dan pengasingan koleksi serta penyediaan panel grafik



Kerja-kerja naik taraf Galeri II melibatkan pendawaian elektrik, pemasangan jibin, struktur panel dan lain-lain



Wajah baru Galeri II (Pameran Sejarah Perdagangan Lembah Bujang)

3.2 Tajuk Naik Taraf : **Naik Taraf Galeria Perdana**

Lokasi : Galeria Perdana, Langkawi, Kedah
Tarikh : Sepanjang tahun

Perancangan naik taraf Galeria Perdana masih lagi dalam proses pelaksanaan yang akan dijangka siap dalam masa dua tahun iaitu tahun 2022. Bahagian Pameran dan Pengembangan terlibat dalam merangka spek kerja naik taraf empat galeri iaitu Galeri A, B, C dan D. Pegawai dan kakitangan Bahagian Pameran dan Pengembangan telah terlibat dalam lawatan tapak ke Galeria Perdana tahun lalu dan perbincangan bagi mengenal pasti konsep serta kerja teknikal yang berkaitan dengan pemilihan peti pameran, lampu dan jenis-jenis bahan struktur untuk rekaan dalaman galeri tersebut. Konsep yang telah dipersetujui telah pun dibentang oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia kepada pihak konsultan dan wakil dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Perbincangan naik taraf Galeria Perdana yang telah diadakan di Muzium Diraja melibatkan pihak Jabatan Muzium Malaysia, wakil dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan pihak konsultan



3.3 Tajuk Naik Taraf : **Naik Taraf Pameran Tetap Muzium Sungai Lembing**

Lokasi : Muzium Sungai Lembing, Pahang
 Tarikh : Sepanjang tahun

Zaman kegemilangan Sungai Lembing sebagai bandar terkaya pengeluar bijih timah utama di negeri Pahang diimbau kembali dengan penubuhan Muzium Sungai Lembing. Muzium yang ditempatkan di sebuah bangunan bekas kediaman pegawai lombong Sungai Lembing yang bercirikan senibina zaman Inggeris mempamerkan informasi serta koleksi peralatan perlombongan yang pernah digunakan untuk melombong bijih bawah tanah. Setelah lebih kurang 15 tahun beroperasi, tiba waktunya ia diberikan nafas baru dari segi persembahan pameran. Perbincangan kerja naik taraf pameran Muzium Sungai Lembing Bil.1/2020 telah diadakan pada 10 Julai 2020 bagi membincangkan penyelarasian spesifikasi, kos, konsep dan jalan cerita pameran terbaru. Seterusnya mesyuarat teknikal projek Muzium Sungai Lembing telah diadakan pada 25 September 2020 bersama Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta bagi memantau kerja-kerja pembaikan bangunan. Galeri pameran Muzium Sungai Lembing telah ditutup sementara bermula pada 10 Ogos 2020 sehingga 10 Disember 2020 untuk kerja-kerja pembaikan fizikal bangunan. Sementara kerja-kerja naik taraf keseluruhan pameran masih dalam peringkat perbincangan serta penyediaan cadangan kertas konsep dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan.



Teknik peragaan dan sistem peti pameran yang tidak praktikal menyukarkan kerja-kerja pembersihan



Penggunaan ruang perlu dioptimunkan bagi mewujudkan aliran pergerakan pelawat yang selesa



Peti pameran, peragaan koleksi dan kapsyen setelah dinaik taraf

3.4 Tajuk Naik Taraf : **Naik Taraf Poster Pameran Muzium Adat**

Lokasi : Muzium Adat, Jelebu, Negeri Sembilan
 Tarikh : 16 Januari 2020

Perancangan naik taraf poster panel Muzium Adat pada mulanya dijadualkan diadakan pada tahun 2020 tetapi terpaksa ditangguhkan ke tahun 2021 akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara. Bahagian Pameran dan Pengembangan terlibat dalam merangka spek kerja bagi kerja naik taraf ini. Staf BPP telah mengadakan lawatan sebanyak dua kali ke

Muzium Adat bagi merangka spek kerja dan mengenal pasti permasalahan utama yang timbul yang menyebabkan kerosakan kepada panel pameran lama. Spek pameran yang telah siap dirangka telah mendapat persetujuan dari Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman dan Pengarah Muzium Adat sendiri akan menguruskan perolehan projek ini. BPP akan terus memantau kerja-kerja naik taraf ini dari semasa ke semasa bagi memastikan hasil kerja yang terbaik dihasilkan.



Pengarah Muzium Adat memberi taklimat kepada pegawai Bahagian Pameran dan Pengembangan



Lawatan ke galeri pameran Bersama Pengarah Bahagian Pameran dan Pengembangan di Muzium Adat

3.5 Tajuk Naik Taraf : Naik Taraf Pameran Muzium Kota Kuala Kedah

Lokasi : Muzium Kota Kuala Kedah
Tarikh : 13 – 16 Mac 2020

Bersempena penganjuran Karnival Kota Kuala Kedah yang dijadualkan pada 18 sehingga 21 Mac 2020, Bahagian Pameran dan Pengembangan telah diberi tanggungjawab untuk membaik pulih serta menaik taraf pameran di galeri muzium tersebut. Kerja-kerja baik pulih dan naik taraf telah dilaksanakan pada 13 sehingga 16 Mac 2020 yang melibatkan kerja-kerja menukar, membaik pulih serta mengecat beberapa struktur panel yang telah pecah dan rosak akibat diserang anai-anai, menukar 7 poster grafik yang telah koyak dan pudar, mengubah teknik peragaan koleksi dengan menggunakan pedestal dan mounting yang baharu, mengganti kapsyen dan akhir sekali menukar dan mengubah susun atur dan reka letak peti pameran.



3.6 Tajuk Naik Taraf : Lawatan Tapak Kerja Penambahbaikan Muzium Kota Johor Lama

Lokasi : Muzium Kota Johor Lama

Tarikh : 24 – 25 Jun 2020

Pada 24 dan 25 Jun 2020 lalu telah diadakan lawatan tapak ke Muzium Kota Johor Lama. Lawatan tapak ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan menilai keadaan sebenar di muzium berkenaan. Muzium Kota Johor Lama telah siap dibina pada bulan Oktober 2007 dengan reka bentuk bercirikan bentuk rumah tradisional. Ia merupakan merupakan satu-satunya muzium yang dibangunkan secara ‘insitu’ di suatu kawasan yang pernah melakar sejarah penting dalam perkembangan sejarah negara. Ruang pameran di dalam muzium ini terbahagi kepada beberapa segmen bermula dengan pengenalan Kota Johor Lama sehingga kajian-kajian arkeologi yang telah dijalankan di dalam kawasan kota ini oleh penyelidik tempatan dan luar negara.

Hasil pengumpulan maklumat mendapat kerja naik taraf atau pembubaran jalan cerita di galeri tidak pernah dilaksanakan sejak dari pembukaannya pada tahun 2007. Namun kerja-kerja baik

pulih fizikal bangunan pernah dilakukan pada tahun 2019. Kerja-kerja baik pulih yang pernah dilakukan adalah hanya terhad kepada aktiviti pengecatan semula dirian panel pameran dan peti pameran serta penstabilan semula dirian panel. Kerja-kerja seperti perubahan reka bentuk galeri, pembinaan semula dan pertukaran panel pameran tidak pernah dilaksanakan sehingga kini.



4.0 Khidmat Nasihat Pameran

4.1 Tajuk Khidmat Nasihat : Khidmat Nasihat Bagi Naik Taraf Muzium Kehakiman


Lokasi	: Muzium Kehakiman, Putrajaya
Tarikh	: 5 Mac 2020

Muzium Kehakiman yang terletak di bangunan Istana Kehakiman di Putrajaya merupakan sebuah muzium yang menempatkan maklumat mengenai sejarah perkembangan sistem perundangan Malaysia. Ia mula dibangunkan sekitar tahun 2003 dan seterusnya dinaiktaraf

secara berperingkat. Ruang pameran yang menggunakan konsep kronologi ini memaparkan maklumat dan bahan yang memfokuskan mengenai sejarah dan perkembangan institusi kehakiman negara semasa era penjajahan sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan. Pameran turut disokong dengan artifak dan koleksi yang digunakan dalam sistem perundangan dan kehakiman seperti jubah hakim, jabot, mesin meterai, cokmar, kerusi hakim serta dokumen mahkamah lama. Perbincangan bersama dengan pihak Muzium Kehakiman diadakan bagi memberikan khidmat nasihat bagi kerja-kerja naik taraf pameran muzium yang merangkumi aspek pameran seperti teknik peragaan pameran, label, kapsyen serta keterangan, peti pameran dan penggunaan multimedia serta termasuk juga aspek pengurusan repositori koleksi dan pengurusan konservasi koleksi. Secara keseluruhannya, pameran dalam galeri perlu dinaiktaraf dari segi persempahan pameran iaitu teknik peragaan yang perlu menepati standard permuziuman serta mewujudkan penggunaan multimedia yang berasaskan teknologi sejarah dengan perubahan-perubahan yang sedang berlaku pada muzium-muzium di peringkat global.



Pandangan hadapan pintu utama Muzium Kehakiman di Putrajaya



Susun atur artifak tidak berada pada sudut pandangan aras mata yang bersesuaian serta reka letak kapsyen yang perlu diperkemaskan



Sebahagian daripada sudut menarik dalam galeri pameran



Perbincangan antara pihak JMM dan Muzium Kehakiman

- 4.2 Tajuk Khidmat Nasihat : **Khidmat Nasihat Penubuhan Muzium Ukur dan Pemetaan**
 Lokasi : Bilik Mesyuarat Petala Indera, JMM
 Tarikh : 18 Jun 2020
 Ringkasan perbincangan :

- Satu perbincangan bersmuka telah diadakan bersama pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang diketuai oleh Sr Mohd Riduan Bin Mohamad @ IDRIS, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Juruukur Tanah (LJT) dan 2 orang pegawai dari JUPEM iaitu

Sr Tsalimy bin Abdullah, Pengarah Ukur Bahagian Perancangan dan Korporat JUPEM dan Sr Nur Zurairah binti Abdul Halim dari Seksyen Naziran Kadaste. Pihak JMM pula diketuai oleh Encik Zainal Ariffin, Pengarah Bahagian Pengurusan Konservasi bersama pengarah-pengarah bahagian yang lain iaitu dari Bahagian Pameran & Pengembangan dan Bahagian Pengurusan Koleksi, dan wakil daripada Bahagian Komunikasi Korporat.

- ii) Intipati perbincangan ini adalah mengenai perancangan pihak JUPEM dengan kerjasama LJT bagi mewujudkan sebuah muzium khas berkaitan profesyen dan aktiviti ukur serta pemetaan di Malaysia. Menerusi perbincangan juga dimaklumkan bahawa semua kos perbelanjaan muzium tersebut adalah ditanggung oleh LJT. Cadangan lokasi yang dikongsikan juga adalah di premis Wisma LJT yang terletak di Taman Melawati, Kuala Lumpur. Lokasi yang dimaksudkan adalah di bahagian Tingkat 4 dengan keluasan lebih daripada 1,700meter persegi. Pihak jemputan ingin mengetahui lebih lanjut tentang prosedur atau tatacara bagi penubuhan muzium yang dirancang bagi persediaan mereka selanjutnya.
- iii) Perbincangan diakhiri dengan jaminan pihak JMM tentang kesudian untuk bekerjasama dalam menyalurkan maklumat yang tepat di samping berkongsi kepakaran dan kemahiran bagi membantu urusan penubuhan muzium yang dirancang berdasarkan persetujuan Ketua Pengarah.



Perbincangan antara pihak JMM, JUPEM dan LJT

4.3 Tajuk Khidmat Nasihat : Khidmat Nasihat Galeri Pahlawan Negara

Lokasi : Galeri Pahlawan, Presint 1, Putrajaya
Tarikh : 19 Februari 2020

Penubuhan Galeri Pahlawan Negara ini diwujudkan sebagai penghormatan dan pengiktirafan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam mempertahanan dan mengekalkan kedaulatan negara. Bertempat di hadapan Dataran Pahlawan, Putrajaya yang sering menjadi lokasi sambutan Hari Pahlawan setiap tahun, galeri ini mempamerkan artifak

dan bahan peninggalan sejarah seperti potret-potret, peralatan serta pingat yang melibatkan wira-wira negara dari PDRM dan ATM yang bertujuan memberi kesedaran dan mendidik golongan muda untuk menjawai semangat dan roh kepahlawanan generasi terdahulu yang banyak berkorban dalam mempertahankan keselamatan negara. Di samping itu, selain daripada menjadi platform pusat pameran penubuhan galeri tersebut juga akan menjadi satu daya tarikan yang unik kepada masyarakat tentang cerita kepahlawanan mereka yang disebut-sebut mahupun yang tidak didendang. Status terkini khidmat nasihat ini adalah menunggu maklum balas daripada pihak Pengurusan Galeri Pahlawan bagi mengadakan lawatan kerja ke JMM dalam masa terdekat.

Ruang pameran galeri tersebut berkonsepkan ‘open and free concept’. Penggunaan poster grafik paling dominan dilihat di dalam galeri ini, poster-poster yang memaparkan kisah-kisah peristiwa penting yang melibatkan anggota keselamatan, disokong dengan koleksi gambar dan teks dari ATM dan PDRM. Penggunaan lampu dan pencahayaan yang menarik menonjolkan lagi struktur dalaman galeri tersebut.



Lawatan Pengarah Bahagian Pameran dan Pengembangan ke Galeri Pahlawan Negara



Suasana di dalam Galeri Pahlawan Negara

BIL	PERKARA	AGENSI	STATUS
4.4	Khidmat Nasihat Mewujudkan Muzium Perubatan	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor	Maklum balas melalui surat
4.5	Khidmat Nasihat Menaik Taraf Galeri Desa	Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Maklum balas melalui surat
4.6	Khidmat Nasihat (Peringkat Awal) Penubuhan Muzium 4 Mazhab Fiqh	Jabatan Mufti Perlis	Perbincangan di atas talian – Google meet

5.0 Unit Pendidikan Muzium

5.1 Pencapaian Pelaksanaan Program Dan Aktiviti

Bagi tahun 2020, tidak semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan. Ini susulan daripada pematuhan SOP menangani penularan wabak COVID-19 di seluruh negara. Program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan adalah seperti pecahan berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Program Jangkauan Luar	-
2.	Penyelarasian Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)	6
3.	Program Kerjasama Agensi Luar	-
JUMLAH KESELURUHAN		6

5.2 Laporan Kerja Skretariat Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)

5.2.1 Persediaan Pelaksanaan Program

Bagi memastikan pelaksanaan program menepati aspirasi dan hala tuju program, beberapa bengkel dan sesi taklimat telah dilaksanakan pada awal tahun. Ini adalah seperti berikut:

a. Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Program (Siri I & Siri II)

Tarikh : 21 Januari 2020 & 13 Februari 2020

Lokasi : Bilik Persidangan, JMM

Bengkel ini telah diadakan dalam 2 siri iaitu siri pertama diadakan pada 21 Januari 2020 khususnya untuk wakil-wakil dari muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan siri kedua pula diadakan pada 13 Februari 2020 khas untuk wakil-



5.0 Unit Pendidikan Muzium

5.1 Pencapaian Pelaksanaan Program Dan Aktiviti

Bagi tahun 2020, tidak semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan. Ini susulan daripada pematuhan SOP menangani penularan wabak COVID-19 di seluruh negara. Program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan adalah seperti pecahan berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Program Jangkauan Luar	-
2.	Penyelarasian Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)	6
3.	Program Kerjasama Agensi Luar	-
JUMLAH KESELURUHAN		6

5.2 Laporan Kerja Skretariat Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)

5.2.1 Persediaan Pelaksanaan Program

Bagi memastikan pelaksanaan program menepati aspirasi dan hala tuju program, beberapa bengkel dan sesi taklimat telah dilaksanakan pada awal tahun. Ini adalah seperti berikut:

a. Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Program (Siri I & Siri II)

Tarikh : 21 Januari 2020 & 13 Februari 2020

Lokasi : Bilik Persidangan, JMM

Bengkel ini telah diadakan dalam 2 siri iaitu siri pertama diadakan pada 21 Januari 2020 khususnya untuk wakil-wakil dari muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan siri kedua pula diadakan pada 13 Februari 2020 khas untuk wakil-



wakil muzium negeri dan institusi. Bengkel ini disertai hampir 50 orang setiap siri dan diadakan di Bilik Persidangan, JMM. Bengkel ini bertujuan untuk memberi lebih kefahaman mengenai pelaksanaan program dan peranan muzium sebagai pelaksana program. Pengisian bengkel ini merangkumi sesi seperti pembangunan pemetaan koleksi muzium, pembangunan Pelan Pendidikan Muzium dan simulasi pelaksanaan program sebenar. Bengkel ini diadakan selama 2 hari dan di bawah penyampaian oleh Puan Miti Fateema Sherzeela bt. Mohd Yusoff, Pengarah Muzium Diraja.

b. Taklimat Pelaksanaan Program

Tarikh : 29 Januari 2020

Lokasi : Auditorium, JMM

Taklimat ini dihadiri oleh pengarah-pengarah atau ketua-ketua muzium (44 buah muzium yang terlibat dengan program IPIM) dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) seluruh negara. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang pelaksanaan program IPIM iaitu berkaitan dengan tujuan, pengisian dan kaedah pelaksanaanya. Di samping menyediakan ruang dan peluang komunikasi dua hala kepada wakil-wakil muzium dan JPN bertanyakan soalan berkaitan program IPIM. Penyampaian taklimat dilaksanakan oleh dua orang wakil dari JMM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



5.2.2 Penangguhan Pelaksanaan Program IPIM

Tahun 2020, merupakan tahun kemuncak bagi Program IPIM, di mana permohonan penyertaan program telah dibuka pada julung kalinya. Namun pelaksanaan program telah tertangguh sepanjang tahun apabila negara telah diisytiharkan dibawah Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 dan larangan aktiviti pendidikan luar sekolah dikuatkuasakan. Permohonan penyertaan telah dibuka sejak Januari 2020 namun permohonan yang telah diterima terpaksa dibatalkan. Senarai permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

BIL	NAMA MUZIUM	NAMA SEKOLAH	TARIKH
1.	Muzium Negara	Sek. Keb. Desa Tun Hussien Onn, Jalan Jelatek Keramat, 54200 Kuala Lumpur	24 Mac 2020
2.	Muzium Negeri Sarawak	Sek. Keb. Pasir Pandak	16 April 2020

5.2.3 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan / COVID-19

Pelaksanaan program IPIM tertangguh di semua muzium yang terlibat lanjutan daripada larangan lawatan luar yang dikeluarkan oleh KPM. Oleh demikian, bagi memastikan Program IPIM masih boleh dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (sama ada kawalan diperketatkan, bersyarat atau permulihan) beberapa langkah telah diambil. Di antaranya adalah seperti berikut:

- a. Perbincangan Bersama : Mesyuarat Dalaman Perancangan Program IPIM
 - Tarikh : 6 Ogos 2020
 - Lokasi : Bilik Mesyuarat Petala Indera, JMM
 - Pengerusi : Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Timbalan Ketua Pengarah, JMM
 - Ringkasan mesyuarat :
 - i. Pihak sekretariat telah membentangkan beberapa perancangan kerja ini termasuklah dari segi penyediaan bahan hebahan dan promosi bagi program IPIM. Mesyuarat telah bersetuju agar buku kecil, video infografik dan penyediaan gegantung program dihasilkan. Bahan-bahan ini bertujuan untuk penyebaran maklumat mengenai program IPIM khususnya kepada golongan sasaran iaitu guru-guru dan juga kepada golongan pelajar serta ibu bapa.
 - ii. Melalui mesyuarat ini juga, telah membincangkan hala tuju dan pelan tindakan program IPIM bagi memastikan program IPIM dapat dilaksanakan dengan tanpa kehadiran pelajar ke muzium secara fizikal. Mesyuarat telah bersetuju agar penyampaian program IPIM dilaksanakan secara maya di mana semua guru dan



pelajar dapat memanfaatkan ia sebagai bahan sokongan pembelajaran di sekolah. Ini adalah melalui penghasilan penerbitan Video Pengukuhan Program IPIM.

b. Penyediaan Bahan Hebah dan Promosi

Bahan ini bertujuan untuk penyebaran maklumat yang jelas dan tepat mengenai program IPIM sampai kepada semua golongan. Bahan yang dihasilkan adalah seperti berikut:

- i. Buku kecil – ia dihasilkan untuk edaran kepada guru-guru dan orang awam. Ini dihasilkan dalam bentuk fizikal dan digital.
- ii. Video infografik – Video pengenalan/penerangan mengenai program IPIM dalam bentuk animasi grafik untuk hebah di laman web rasmi dan media sosial pihak-pihak yang terlibat (kementerian, jabatan, muzium dan sekolah).
- iii. Penyediaan gegantung – Ini dihasilkan bagi edaran kepada semua muzium di bawah pentadbiran JMM bagi mempromosikan program IPIM di muzium mereka.



Fotografi bersama pelajar sekolah bagi reka bentuk grafik bahan hebah dan promosi



Reka bentuk sebenar buku kecil dan gegantung



Video hebah berkonsepkan infografik yang dihasilkan

5.2.4 Video Pengukuhan Program IPIM

Dua buah siri video telah dihasilkan dan diangkat sebagai video rintis bagi penyediaan video-video lain pada tahun hadapan. Penyediaan dua video ini bermula pada bulan Ogos dan selesai pengambarannya pada bulan November 2020. Pengisian video ini adalah penyampaian cerita atau fakta mengenai artifak/koleksi muzium dan digabungkan dengan aktiviti amali bagi mengukuhkan pemahaman pelajar mengenai topik yang dibincangkan. Video ini dirancang akan dimuat naik di laman portal IPIM sebagai bahan sokongan pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah. Dua topik atau tajuk video yang telah dihasilkan adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK	MUZIUM
1	Pemilihan Yang Dipertuan Agong	Muzium Diraja
2	Lukisan Gua di Malaysia	Muzium Negara

	
Pengambaran Video Pengukuhan Program IPIM di Muzium Negara	
	
Pengambaran Video Pengukuhan Program IPIM di Muzium Diraja	

5.3 Mesyuarat Utama Penyelarasan Program

Bagi memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan program IPIM seperti yang dirancang di peringkat jabatan, mesyuarat bersama pihak KPM juga diadakan seperti berikut tarikh berikut dalam kaedah atas talian melalui aplikasi Skype:

BIL	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) Bil 1/2020	24 November 2020
2.	Perbincangan bersama pihak Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan KPM	7 Disember 2020

5.4 Kerja Naik Taraf / Penambahbaikan muzium dan galeri tetap

Sebagai salah satu unit di bawah Bahagian Pameran & Pengembangan, Unit Pendidikan Muzium juga terlibat secara langsung dalam kerja-kerja menaik taraf dan menambahbaik muzium dan galeri tetap di bawah pentadbiran JMM. Berikut merupakan 2 buah muzium yang dipertanggungjawabkan di bawah Unit Pendidikan pada tahun 2020.

BIL	MUZIUM	STATUS
1.	Muzium Kota Kuala Kedah	Selesai
2.	Muzium Kota Johor Lama	Telah menghantar laporan kerja penambahbaikan dan sedang menunggu kelulusan pelaksanaan pada tahun 2021.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI

1.0 Penyelidikan

Pencapaian sepanjang tahun 2020, Unit Penyelidikan menyelaraskan 8 penyelidikan dalam negara yang telah diluluskan. Sebanyak 6 siri program Bicara Kurator telah berjaya dilaksanakan serta 39 jumlah permohonan penyelidikan luar yang terdiri daripada pelbagai agensi dan institusi.

1.1 Penyelidikan Dalam Negara

Sepanjang tahun 2020, sebanyak lapan (8) permohonan penyelidikan telah diterima. Berikut adalah muzium-muzium yang telah mendapat kelulusan beserta tajuk cadangan penyelidikan yang diluluskan.

PENYELIDIKAN DALAM NEGARA	PENYELIDIKAN LUAR	PROGRAM BICARA KURATOR
8 Permohonan	39 Permohonan	6 Siri

BIL	MUZIUM	TAJUK
1.	Muzium Negara	Pameran Bunga Telur Pameran Hari Kebangsaan Pameran Nostalgia Anak Kampung
2.	Muzium Alam Semulajadi	Penyelidikan Koleksi Muzium Alam Semula Jadi Sempena Pameran "Taxidermy of Muzium Negara: The Untold Story"
3.	Muzium Etnologi Dunia Melayu	Tembikar Tempayan: Fungsi Dan Falsafah Dalam Kehidupan Melayu/Pribumi Nusantara
4.	Muzium Perak	Katalog Pameran Cutam: Koleksi Terpilih
5.	Muzium Tekstil Negara	Tekatan Dalam Ragam Hias Pelaminan Melayu
6.	Muzium DiRaja	Penyelidikan Koleksi Terpilih Raja Permaisuri
7.	Muzium Seni Kraf Orang Asli	Warisan Ketara & Tak Ketara Masyarakat Melayu Asli: Suatu Penyelidikan Multidisiplinari
8.	Muzium Chimney	Kajian Lapangan Kampung Air: Satu Kajian Lanjut Tentang Sejarah Dan Pemaparan Identiti Masyarakat Perkampungan Air di Wilayah Persekutuan Labuan

Penyelidikan yang diluluskan telah mendapat peruntukan Akaun Wang Amanah sebanyak RM50,000.00. Namun hanya sebanyak RM13,598.00 sahaja yang telah dibelanjakan. Selebihnya hanya menggunakan Akaun Belanja Mengurus. Berikut merupakan pecahan perbelanjaannya:




BIL	MUZIUM	AKAUN WANG AMANAH		
		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BAKI
1	Muzium Negara	10,000.00	-	10,000.00
2	Muzium Alam Semulajadi	9,000.00	8,598.00	402.00
3	Muzium Etnologi Dunia Melayu	10,000.00	5,000.00	5,000.00
4	Muzium Perak	3,000.00	-	3,000.00
5	Muzium Tekstil Negara	6,000.00	-	6,000.00
6	Muzium Diraja	5,000.00	-	5,000.00
7	Muzium Seni Kraf Orang Asli	5,000.00	-	5,000.00
8	Muzium Chimney	2,000.00	-	2,000.00
JUMLAH		50,000.00	13,598.00	31,402.00

Berikut merupakan status penerimaan laporan penyelidikan bagi tahun 2020:

BIL	MUZIUM	STATUS LAPORAN AKHIR
1	Muzium Negara	Telah terima
2	Muzium Alam Semulajadi	Telah terima
3	Muzium Etnologi Dunia Melayu	Telah terima
4	Muzium Perak	Telah terima
5	Muzium Tekstil Negara	Tidak selesai (telah mengemukakan sebab untuk tidak meneruskan penyelidikan)
6	Muzium Diraja	Telah terima
7	Muzium Seni Kraf Orang Asli	Telah menarik diri secara bersurat
8	Muzium Chimney	Telah terima

1.2 Penyelidik Luar

Mengikut kebiasaan permohonan tahunan, purata sasaran adalah sebanyak 40 permohonan setahun. Namun, pada tahun 2020, hanya 39 permohonan sahaja yang berjaya diterima. Berikut merupakan pecahan permohonan penyelidikan daripada penyelidik luar bagi tahun 2020.



BIL	UNIVERSITI/ AGENSI	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Universiti Malaya	6
2.	YPC International College	3
3.	Universiti Selangor	2
4.	Universiti Teknologi MARA	12
5.	Universiti Utara Malaysia	2
6.	Universiti Sains Malaysia	1
7.	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	3
8.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	2
9.	Limkokwing University of Technology	1
10.	Universiti Kebangsaan Malaysia	3
11.	Guru Sek. Cheras Indah, KL	1
12.	Kolej Poly-Tech MARA	1
13.	Shanghai Jiao Tong University	1
14.	Management and Science University	1
JUMLAH KESELURUHAN		39

2.0 Bicara Kurator


Program Bicara Kurator telah dilaksanakan dengan kebiasaan norma baharu kesan daripada penularan pandemik COVID-19. Program-program yang disusun pada tahun 2020 telah mengambil kira kepentingan penjarakan sosial serta mengikut SOP-SOP yang telah disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Program Bicara Kurator merupakan ruang perkongsian ilmiah untuk pegawai dan kakitangan JMM membentangkan hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman mereka yang berkaitan dengan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi. Hasil pembentangan dapat memberi manfaat kepada kakitangan muzium dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang permuziuman.

Pada tahun 2020, sepanjang tempoh PKP/PKPB/PKPP sebanyak 6 siri Program Bicara Kurator telah dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi *SKYPE for business* dengan bantuan Unit Pembangunan Modal Insan (UPMI) dan Unit Teknologi Maklumat. Manakala Siri ke 6 merupakan siri terakhir program ini telah dijalankan menggunakan kaedah secara langsung menggunakan *FB LIVE* dengan bantuan Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) JMM.




Bicara Kurator Siri 1 / 2020
Pembentang: Encik Mohd Khairil bin Jemangin
Jumlah Peserta: 91 orang




Bicara Kurator Siri 2 / 2020
Pembentang: Puan Nirmala binti Sharippudin
Jumlah Peserta: 113 orang



Bicara Kurator Siri 3 / 2020
Pembentang: Puan Raja Suriyat binti Raja Ahmed
Jumlah Peserta: 123 orang



Bicara Kurator Siri 4 / 2020
Pembentang: Cik Hayati binti Mohamad Zawawi
Jumlah Peserta: 123 orang



Bicara Kurator Siri 5 / 2020
Pembentang: Puan Fadhliautun binti Azmi
Jumlah Peserta: 70 orang



Bicara Kurator Siri 6 / 2020
Pembentang: Encik Muhammad Faiz bin Azizan
Jumlah Peserta: 1500 view Fb Live Secara Langsung

Walaupun penularan pandemik COVID-19 ini amat memberi kesan terhadap program yang telah dirancang terutamanya yang melibatkan kapasiti peserta, namun norma baharu ini telah menggalakkan kaktangan JMM memantapkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan komunikasi secara digital bersesuaian dengan kehadiran era baru 2020. Program Bicara Kurator ini merupakan satu program yang sangat baik dari segi perkembangan ilmiah dan perkongsian pengalaman-pengalaman Kurator Jabatan Muzium Malaysia.

3.0 Penerbitan

Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya, seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM. Pada tahun 2020 JMM telah menerbitkan 13 judul penerbitan, yang terdiri daripada 7 judul buku dan katalog, 1 judul jurnal, sebuah laporan tahunan 2019 berserta DVD, 3 judul berita JMM dan sebuah buku cetakan semula. Seterusnya, terdapat 3 judul buku program telah diterbitkan dan 2 risalah pameran Muzium.

3.1 Buku

BIL	JUDUL	SINOPSIS
1.	Malaysia Museums Journal 2020	Jurnal terbitan Jabatan Muzium Malaysia bagi tahun 2019 yang diterbitkan setahun sekali dan menghimpunkan artikel yang berkaitan dengan bidang permuziuman, sejarah, budaya dan alam semula jadi.
2.	Koleksi Terpilih Gambus Serantau/ <i>Regional Gambus: A Selected Collections</i>	Pendokumentasian yang direalisasikan sempena Pameran dan Festival Serantau Gambus. Melestarikan pengetahuan kepada masyarakat umum berkaitan keunikan alat muzik gambus dari sudut sejarah, falsafah, bentuk dan seni pembuatan.
3.	Koleksi Pameran <i>The Lost Kingdoms</i>	Penerbitan Katalog kesinambungan daripada Pameran Negara Kota yang Hilang. Pembuktian kepada keagungan budaya dan sejarah Kerajaan Nusantara awal pada masa silam. Artifak pameran utama adalah arca dan prasasti dari kerajaan negara kota Funan (Kemboja), Champa (Vietnam), Kedah Tua (Malaysia), Srivijaya, Sailendra dan Majapahit (Indonesia)
4.	<i>Maritime Archaeology and Shipwreck Ceramics in Malaysia</i> (cetakan semula)	Cetakan semula buku <i>Maritime Archaeology and Shipwreck Ceramics in Malaysia</i> yang telah diterbitkan pada tahun 2002. Memperihalkan kronologi Arkeologi Maritim Malaysia, perdagangan seramik dan penemuan kapal karam di perairan Malaysia.
5.	Keselamatan di Muzium (Buku Perlindungan Warisan Budaya UNESCO)	Buku terjemahan daripada versi bahasa Inggeris Cultural Heritage Protection Handbook 1: Security at Museum, UNESCO, Paris tahun 2006 ke Bahasa Malaysia. Merupakan panduan kerja kepada petugas keselamatan dalam menjaga keselamatan di Muzium.
6.	Ratu Kain: Satu Rumpun, Satu Warisan / <i>One Root One Heritage</i>	Katalog sempena pameran Tenunan Songket ASEAN: Ratu Kain: Satu Rumpun Satu Warisan yang telah diadakan pada 16 Oktober hingga 31 Disember 2016. Wadah dan rujukan kepelbagaiannya dan keunikan songket-songket dari Malaysia, Indonesia, Brunei, Thailand, Kemboja dan Laos.

BIL	JUDUL	SINOPSIS
7.	MUZING 2020	Merupakan majalah tahunan oleh Sukarelawan Muzium Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia. Ia merupakan himpunan penulisan artikel penyelidikan yang dikelolakan oleh Sukarelawan Malaysia di blog (www.museumvolunteersjmm.com). Penulisan artikel merangkumi kepelbagaiannya artifak Muzium-muzium di seluruh Malaysia tokoh sejarah, tempat bersejarah dan lain-lain.
8.	Kajian Semula Pelan Strategik JMM 2018-2020	Merupakan Kajian semula Pelan Strategik JMM yang melibatkan penetapan hala tuju Jabatan Muzium Malaysia bagi tempoh lima tahun bermula 2018-2022. Merupakan dokumen hala tuju strategik yang digubal untuk menjadikan Jabatan Muzium Malaysia agensi peneraju, penanda aras dan rujukan kepada institusi permuziuman negara dan bersifat global
9.	Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan Jabatan Muzium Malaysia	Merupakan dokumen berkenaan aspirasi Jabatan dalam menentukan hala tuju permuziuman negara. Dasar dan garis panduan yang digubal akan menjadi teras dalam setiap penubuhan muzium-muzium baharu yang dirancang dan akan dilaksanakan.



3.2 Laporan Tahunan 2019

BIL	JUDUL	SINOPSIS
1.	Laporan Tahunan 2019 beserta DVD	Laporan tahunan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2019



3.3 Berita JMM 2020

BIL	JUDUL	SINOPSIS
1.	Berita JMM Bil 1/2020	Memaparkan penulisan berita yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Malaysia berkisar sekitar aktiviti muzium, kursus dan latihan, pameran, persatuan dan kegiatan lain (Januari – April 2020)
